



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2385]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Pengharaman Buku Satanic Verses—Y.B. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji
Arshad (Pengkalan Chepa) [Ruangan 2458]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) [Ruangan 2464]

Rang Undang-undang Keterangan (Pindaan) [Ruangan 2530]

Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) [Ruangan 2539]

Rang Undang-undang Peguambela (Sabah) (Pindaan) [Ruangan 2561]

Rang Undang-undang Peguambela (Sarawak) (Pindaan) [Ruangan 2566]

Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan dan
Perluasan) [Ruangan 2572]

KANDUNGANNYA—(Samb.)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 2513]

Akta Kastam 1967:

| | | |
|--|---|----------------|
| Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1988 | } | [Ruangan 2576] |
| Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1988 | | |
| Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1988 | | |
| Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1988 | } | [Ruangan 2577] |
| Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1988 | | |
| Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1988 | | |
| Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1988 | | |
| Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1989 | | |
| Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1989 | | |
| Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1989 | | |
| Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1989 | } | |

Akta Eksais 1976:

| | | |
|--|---|----------------|
| Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8) 1988 | } | [Ruangan 2580] |
| Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 9) 1988 | | |
| Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 10) 1988 | | |
| Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1989 | | |
| Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1989 | | |

Akta Cukai Jualan 1972:

| | | |
|--|---|----------------|
| Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) (No. 5) 1988 | | |
| [Ruangan 2581] | | |
| Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) (No. 6) 1988 | } | [Ruangan 2582] |
| Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) (No. 7) 1988 | | |

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beras).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

- Yang Berhormat TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIANG SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

- Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 24hb Mac, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

BANK INDUSTRI MALAYSIA—
FUNGSI

1. **Tuan Haji Hussein bin Haji Taib** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah peranan dan fungsi "Bank Industri Malaysia";
- (b) setakat ini, sejauh manakah peranan dan fungsi Bank itu telah dilaksanakan;
- (c) berapa banyakkah industri dalam dan luar negeri yang mendapat faedah dan khidmat dari Bank ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peranan dan fungsi penubuhan Bank Industri Malaysia Berhad adalah untuk memberi pinjaman jangka panjang kepada industri yang memerlukan modal yang tinggi, berteknologi tinggi dan berorientasi eksport. Sekarang ini, Bank Industri sedang giat menyediakan kemudahan-kemudahan pinjaman untuk membantu industrialisasi negara.

Dalam melaksanakan fungsi dan peranannya, Bank Industri telah menyediakan kemudahan kewangan kepada tiga sektor utama di dalam ekonomi negara iaitu sektor perkapalan dan limbungan, sektor kejuruteraan berasaskan logam (termasuk elektrik dan elektronik) dan sektor eksport. Sehingga akhir bulan Januari 1989, jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh Bank Industri berjumlah sebanyak \$547.32 juta yang melibatkan 150 buah projek. Daripada jumlah pinjaman ini sebanyak \$366.26 juta telah diluluskan bagi sektor perkapalan dan limbungan, \$29.44 bagi projek luar pantai dan \$26.31 juta untuk sektor kejuruteraan, \$51.81 juta bagi sektor eksport dan \$73.50 juta bagi "trade financing", dengan izin.

Keseluruhan pinjaman yang diluluskan oleh Bank Industri telah diberikan kepada industri-industri tempatan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Bank Industri Malaysia sekarang ini mempunyai cawangan-cawangannya dan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuh cawangan Bank Industri ini di seluruh negara bagi memudahkan pihak usahawan yang terlibat dalam teknologi tinggi mendapat kemudahan?

Yang kedua, adakah Kerajaan tidak bercadang untuk menggalakkan Bank Industri Malaysia mengambil peranan dalam membaikpulihkan projek PERWAJA Terengganu yang terbabit dalam apa yang dikatakan teknologi tinggi?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Bank ini masih lagi berpusat di Kuala Lumpur dan cadangan Yang Berhormat dari Pasir Mas boleh diambilkira.

Mengenai soalan yang kedua, untuk membiayai PERWAJA di Terengganu, tindakan-tindakan yang perlu telah pun diambil.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya setakat ini berapakah jumlah sumbangan Kerajaan kepada penubuhan Bank Industri Malaysia dan apakah perbezaan Bank ini kalau dibandingkan dengan Bank Pembangunan Malaysia yang saya kira tidak jauh beza objektifnya. Yang berikutnya, bagaimanakah kedudukan Tabung Pembangunan Asia-Jepun yang diberikan kepada negara ini? Setakat ini, berapakah jumlah wang yang telah digunakan untuk industri dan apakah kriteria pemberian kepada industri-industri berdasarkan pinjaman tersebut?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dahulu nama Bank ini ialah Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad tetapi mulai 14hb November, 1988 ianya ditukar nama dan Bank ini adalah milik penuh Menteri Kewangan "Incorporated"—ini berbeza sedikit dengan Menteri Kewangan dari segi individunya—ianya adalah milik penuh Kerajaan di bawah nama Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu "Incorporated" dengan modal berbayar sebanyak \$60,449,540. Jadi, itulah sumbangan Kerajaan terhadap Bank tersebut. Perbezaan Bank Pembangunan Malaysia Berhad dengan Bank Industri ini adalah dari segi fungsinya. Bank Pembangunan mungkin boleh membiayai projek-projek yang lebih kecil daripada yang dibiayai oleh Bank Industri, tetapi

pada umumnya Bank Industri ini memainkan peranan di dalam sektor industri tinggi dan industri berat.

Mengenai soalan yang ketiga iaitu Tabung Jepun, ia adalah terkeluar sedikit daripada soalan asasnya. Walau bagaimanapun, jawapan berkenaan dengan Tabung ini telah pun diberi dengan panjang lebar dalam Dewan ini dan saya tidak ada perkara-perkara untuk ditambah.

KURSUS KEPADA BELIA

2. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah kursus-kursus yang akan diberikan kepada belia-belia untuk lebih menarik tanggungjawab mereka kepada negara dan perpaduan ummah serta lebih mendalam kefahaman agama dan pelaksanaannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, di antara kursus-kursus yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan untuk menjadikan belia-belia lebih bertanggungjawab kepada negara dan agama ialah seperti seminar-seminar atau kursus-kursus kesedaran, seminar-seminar atau kursus-kursus dakwah di peringkat negeri dan zon.

Di samping itu juga ceramah-ceramah keagamaan diadakan di semua kursus-kursus anjuran Kementerian. Masyarakat belia juga diberi peluang untuk mengikuti kursus-kursus anjuran Pusat Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama serta Yayasan-yayasan Islam di peringkat negeri.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi jelaslah pihak-pihak menganjurkan kursus itu ada lebih daripada satu. Dan

apa yang disebutkan tadi itu hanyalah beberapa nama-nama sahaja. Mungkin selain daripada kursus-kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan Pusat Islam ada juga kursus-kursus yang dianjurkan oleh bahagian-bahagian dan agensi-agensi serta pihak tertentu yang lain.

Soalan saya supaya perkara ini berjalan di atas landasan yang lurus dan betul, apakah garisan panduan yang diletak oleh Kementerian kepada kursus-kursus yang dianjurkan itu sama ada kursus itu dianjurkan oleh Kementerian sendiri atau oleh pihak-pihak yang lain. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Di antara kursus-kursus yang dilaksanakan, Tuan Yang di-Pertua, ialah anjuran Kementerian dan setengah-setengahnya yang lain lagi dianjurkan oleh badan-badan yang lain yang dikerjasamakan oleh Kementerian. Jadi, kita ada semacam understanding di antara agensi-agensi yang menganjurkan kursus-kursus ini untuk menentukan module-module kursus dari masa ke semasa.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Sebagaimana disebut di dalam soal ini belia-belia diberi kursus untuk lebih menarik tanggungjawab mereka kepada negara. Saya ingin bertanya tidak adakah Kementerian Belia dan Sukan ini bercadang dan berbincang dengan pihak Kerajaan supaya diadakan kerahan tenaga kepada pemuda-pemuda sekarang ini sebagaimana yang telah lalu. Dulu ada kerahan tenaga kepada belia-belia iaitu pelajar sebagaimana latihan di dalam hutan dan sebagainya, sebagaimana negara jiran kita Singapura pun telah buat dan masih ada sekarang ini. Tidakkah ada cadangan daripada Kementerian Belia dan Sukan supaya bawa dalam Kabinet dan seterusnya supaya diadakan semula.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini apa yang kita adakan ialah kursus-kursus Kem Musim Cuti dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dengan matlamat untuk mempertingkatkan kesedaran-kesedaran belia dan membina ketahanan belia-belia dari segi menjalani daya hidup mereka di dalam kehidupan ini. Ada pun cadangan Yang Berhormat ataupun pandangan Yang Berhormat itu, kita akan mengambil nota dan kita akan bincang di peringkat yang lebih tinggi.

KESESAKAN DI PENJARA

3. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) mana-mana penjara yang menghadapi masalah kesesakan dan bagaimana seriusnya keadaan ini;
- (b) berapakah jumlah banduan di seluruh negara dan berapa banyak banduan yang sedang dalam remand sehingga 28-2-1989;
- (c) berapakah jumlah bilangan warden penjara sehingga 28-2-1989; dan
- (d) berikutan penubuhan jawatan-kuasa khas untuk mengurus masalah keselamatan dan kesesakan dalam penjara kita apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kesesakan dalam penjara kita dengan memberi butir-butir tindakan yang diambil.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah merupakan jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan.

(a) Penjara-penjara yang menghadapi masalah kesesakan adalah seperti berikut:

- (i) Penjara Pulau Pinang;
- (ii) Penjara Johor Bahru;
- (iii) Penjara Kuala Lumpur;
- (iv) Penjara Kuantan;
- (v) Penjara Taiping; dan
- (vi) Penjara Alor Setar;

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun berlakunya kesesakan di penjara-penjara yang telah dinyatakan tadi tetapi keadaan keselamatan penjara-penjara tersebut tidak rumit dan terkawal.

(b) Sehingga 28-2-1989, jumlah banduan di seluruh negara ialah seramai 14,366 orang dan jumlah banduan remand pula ialah seramai 4,951 orang. Sekiranya populasi orang-orang tahanan dan penghuni-penghuni diambil kira, jumlah keseluruhannya ialah 22,414 orang.

(c) Sehingga 28-2-1989, jumlah keseluruhan warden di penjara ialah seramai 6,336 orang. Jumlah jawatan yang belum diisi ialah 2,631. Tindakan untuk mengisinya sedang dijalankan.

(d) Jawatankuasa Kerja mengenai masalah kesesakan banduan di penjara telah mengemukakan laporannya kepada Kementerian Dalam Negeri. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan beberapa cadangan seperti berikut:

- (i) Memindahkan sesetengah banduan daripada Penjara Kuala Lumpur ke Penjara Kajang. Tindakan ini memang telah diambil sebelum penubuhan jawatankuasa tersebut dan diteruskan

hingga ke hari ini. Statistik pemindahan banduan daripada Penjara Kuala Lumpur ke Penjara Kajang adalah seperti berikut:

| | |
|---------|-------------|
| 1985 .. | 675 orang |
| 1986 .. | 3,695 orang |
| 1987 .. | 1,333 orang |
| 1988 .. | 2,407 orang |
| 1989 .. | 158 orang |

(ii) Memindahkan sesetengah banduan daripada Penjara Alor Setar dan Penjara Pulau Pinang ke Penjara Sungai Petani. Cadangan ini sehingga sekarang masih lagi belum dilaksanakan kerana menghadapi masalah kekurangan kakitangan dan kemudahan perumahan bagi pegawai-pegawai penjara. Cadangan ini akan dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh pada masa yang akan datang.

(iii) Memindahkan sesetengah banduan daripada Penjara Johor Bahru ke Penjara Seremban. Langkah ini sedang dijalankan dari semasa ke semasa.

(iv) Mengubahsuai Pusat Tahanan Perlindungan Taiping. Cadangan ini telah dilaksanakan sepenuhnya pada 28-2-1989. Sekarang pusat ini menampung sejumlah 427 orang banduan dan sebahagian besar daripada mereka adalah banduan-banduan daripada Penjara Taiping.

- (v) Memberi keutamaan menyiapkan Penjara Simpang Renggam, Johor. Pada masa ini Jabatan Penjara sedang berusaha menyiapkan sepenuhnya terhadap projek pembinaan Penjara Simpang Renggam supaya dapat menampung lebih ramai banduan.
- (vi) Penagih-penagih dadah tidak didakwa di bawah Akta Dadah Berbahaya tetapi di bawah Akta Pemulihan Dadah dan Rawatan 1983.
- (vii) Menyegerakan perbincaran ke atas kes-kes remand. Perbincangan telah diadakan dengan institusi-institusi yang tertentu agar dapat menyegerakan perbincaran ke atas kes-kes remand.
- (viii) Mengkaji penalti hukuman penjara dan mengenakan penalti-penalti lain daripada hukuman penjara.
- (ix) Menyegerakan pengisian jawatan yang kosong di institusi penjara. Berkenaan dengan syor ini, Jabatan Penjara telah dan sedang mengambil langkah untuk mengisi kekosongan jawatan di institusi penjara. Pada tahun 1987, Jabatan Penjara telah selesai mengisi sejumlah 1,212 jawatan kosong dan pada tahun 1988 pula, sejumlah 587 jawatan kosong sedang diuruskan pengisiannya.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri dari jumlah 14,366 banduan yang ada sekarang, berapa bilangan

penagih dadah. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada angka itu; sekiranya ada, saya harap Yang Berhormat dapat memberitahu.

Yang kedua, ialah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa antara penjara-penjara di negara kita yang menghadapi kesesakan, Penjara Pudu ataupun Penjara Kuala Lumpur adalah penjara yang menghadapi kesesakan yang paling teruk. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat sama ada pihak Kementerian yang berkenaan mempunyai rancangan kilat ataupun jangka pendek untuk meredakan keadaan itu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, daripada keseluruhan banduan dan juga banduan remand 22,414 orang, hampir-hampir 6,000 adalah terdiri daripada penagih-penagih dadah iaitu yang telah pun dibicara dan yang akan dibicarakan.

Soalan yang kedua, masalah kesesakan di Pudu; sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa pihak Jabatan Penjara telah pun berusaha seberapa daya untuk memindahkan banduan-banduan yang berada di Pudu ke Penjara Kajang. Apabila penjara Simpang Renggam dapat beroperasi dengan sepenuhnya pada penghujung tahun hadapan, kerana pada masa ini penjara itu telah pun siap kecuali quarters untuk pegawai-pegawai sedang dibina, banduan-banduan yang berada di penjara Pudu akan dihantar ke Kajang dan kebanyakannya pula akan dihantar ke Simpang Renggam dan pihak Kementerian bercadang untuk menukarkan penjara Pudu hanya untuk banduan remand sahaja dan ini akan tentu sekali mengurangkan kesesakan yang berada di penjara Pudu.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian bercadang supaya penjara Pudu ini diubah daripada kawasan Wilayah Persekutuan ini dan begitu juga penjarapenjara yang berada di Alor Setar dan Pulau Pinang yang begitu ketara sekali di tengah-tengah bandar. Tidakkah baik kalau Kementerian ada cadangan untuk mengubah penjarapenjara tersebut.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, masalah mengubah penjara Pudu tidak ada lagi dalam perbincangan Kementerian; oleh kerana penjara Pudu ini merupakan satu bangunan yang begitu antic dan bersejarah, kita merasakan bahawa penjara Pudu ini harus dikekalkan tetapi Kementerian Dalam Negeri akan hanya menempatkan banduan-banduan remand sahaja di penjara Pudu. Bagi penjara Alor Setar pula, memang sudah ada satu rancangan untuk mengubah penjara Alor Setar ke satu kawasan di Pokok Sena dan kawasan itu telah pun dibeli seluas 200 ekar kerana kita tahu bahawa Hospital Besar Alor Setar ingin diperbesarkan dan kawasan penjara itu sangat diperlukan. Bagi penjara Pulau Pinang, tidak ada dalam rancangan. Bagaimanapun, penjara Johor Bahru dan juga penjara Kuantan, Pahang sedang dalam pertimbangan untuk dipindahkan ke kawasan-kawasan lain.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Sam bin Sailan.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Haji Mohamed Sam bin Sailan tidak hadir).

TANAH LOMBONG TERBIAR— MENTERNAK IKAN

5. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri

Pertanian menyatakan sama ada Kementerian mempunyai projek raksasa bagi menternak ikan dengan menggunakan tanah lombong terbiar, kerana didapati masa ini kita masih mengimport dari negara-negara jiran.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan tidak mempunyai projek raksasa bagi menternak ikan dengan menggunakan tanah lombong terbiar.

Kerajaan memang mengakui kita masih mengimport ikan dari negara jiran. Oleh itu di bawah Dasar Pertanian Negara, bidang ternakair telah dikenalpasti sebagai suatu perusahaan yang boleh menampung bekalan ikan di Malaysia dan berpotensi dari segi pendapatan eksport.

Selaras dengan Dasar tersebut, Kerajaan telah merangka ternakan ikan airtawar di dalam bekas lombong sebagai satu program untuk menambahkan pengeluaran ikan. Menjelang tahun 2,000, dijangkakan 2,000 hektar kolam-kolam bekas lombong akan diusahakan untuk ternakan ikan. Walau bagaimanapun, program ini akan digalakkan melalui pelaburan pihak swasta dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

Pada masa ini telah ramai orang perseorangan atau swasta yang menjalankan projek ternakair di kawasan bekas lombong sama ada ternakan di dalam lombong atau ternakan dalam sangkar atau kedua-duanya sekali. Pada tahun 1988 seramai 335 orang penternak yang mengusahakan 441 bekas lombong dengan ternakan ikan yang meliputi kawasan seluas 487.64 hektar dengan hasil bernilai \$2,858,250 sementara 80 orang penternak pula mengusahakan 612 sangkar airtawar yang berjumlah keluasan 7723.72 meter persegi.

Tuan Lau Dak Kee Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri Pertanian memberitahu bahawa apa langkah-langkah pihak Kementerian yang berkenaan itu dapat menggalak penternak-penternak ikan di bekas lombong itu dapat dikembangkan memandangkan ramainya penternak ikan di bekas lombong itu yang menjalankan ternakan itu hanya secara tidak rasmi, tidak berlesen oleh kerana bekas-bekas lombong itu bagi mereka yang tidak mendapat lesen atau TOL ataupun geran di tempat-tempat ternakan itu. Oleh kerana itu lesen-lesen atau TOL ataupun geran-geran itu dikeluarkan daripada negeri masing-masing. Sama ada Kementeriannya dapat menjalankan satu langkah ataupun menyelaraskan satu langkah untuk membolehkan mereka mendapatkan lesen TOL ataupun geran di mana tempatnya boleh memelihara atau menternak ikan itu dengan guarantee.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, menternak ikan tidak perlu mendapat lesen daripada Kementerian Pertanian atau Jabatan Perikanan, cuma masalahnya ialah tanah sahaja seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji, tetapi

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, penternak ikan di bekas lombong itu tidak perlu lesen dan oleh kerana keadaan itu tidak memerlukan lesen maka masalah timbul. Sesiapa pun boleh pergi memancing, menangkap ikan di bekas lombong itu oleh kerana tidak ada lesen, tidak ada geran, tidak ada TOL, siapa boleh melindungi mereka untuk pergi memancing, menangkap dan menjala ikan. Itulah masalah yang besar sekali.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat boleh sabar sedikit, saya boleh jelaskan. Di peringkat Kerajaan Pusat, Kementerian Pertanian tidak

mengeluarkan lesen kepada penternak-penternak ikan, cuma penternak-penternak ikan ini mesti mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Negeri untuk mendapat TOL atau geran supaya mereka boleh menternak ikan dalam bekas-bekas lombong ini. Kalau penternak ini menternak ikan secara haram dan tidak mendapat kebenaran dari Kerajaan Negeri, saya rasa Kerajaan Negeri pun tidak akan melindungi penternak ini. Mengikut program, Jabatan Pertanian sentiasa ada berhubung dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri ini ada tanah lombong terbiar dan memproses permohonan-permohonan yang hendak menternak ikan airtawar ini.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian sedar selain daripada ikan air tawar yang ditenakkan sebagai bahan makanan, juga ada jenis ikan seperti ikan tropika untuk aquarium yang permintaannya dari luar negeri yang begitu besar terutama di negara-negara Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun. Adakah Kementerian mengadakan program-program untuk menggalak rakyat Malaysia supaya menceburkan diri dalam menternak ikan yang berjenis ini. Dan adakah Kementerian sedar ada sekumpulan kecil pengusaha yang menternak ikan jenis ini menghadapi masalah-masalah untuk mengeksport, iaitu menghadapi masalah seperti mendapat lesen untuk eksport serta cukai eksport yang terlalu tinggi. Adakah Kementerian mengadakan program rancangan untuk mengatasi segala masalah ini.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini luar daripada soalan asal berkenaan ikan yang boleh dimakan, soalan ini berkenaan ikan tropika, saya boleh menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat. Sememangnya kita sedar

ada pasaran yang besar di negara-negara asing di mana penduduk-penduduk negara asing khususnya di musim "winter", dengan izin, ada minat untuk mengutip ikan-ikan tropikal tetapi masalah ini ialah masalah-masalah berkenaan dengan kesihatan dan negara-negara asing masing-masing ada peraturan masing-masing di mana pengeksport-pengeksport ini mestilah mematuhi syarat-syarat yang ditentukan dan sebab ini Jabatan Perikanan perlulah mengeluarkan lesen eksport di mana kami memastikan ikan tropika ini tidak ada penyakit-penyakit yang diharamkan di negara-negara asing. Kita rasa langkah ini memang lebih baik daripada langkah-langkah yang ditentukan oleh negara-negara asing ini di mana ikan tropika ini bila sampai di negara asing ini mesti dikuarantin dan bila masa dikuarantin, mungkin kebanyakan ikan-ikan ini boleh mati.

Berkenaan cukai eksport, cukai eksport ini cuma 5% sahaja dan Kementerian Pertanian ini telah dapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk menghapuskan cukai eksport ini.

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH

6. **Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah yang akan diambil untuk meningkatkan taraf lisan serta penulisan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, maktab-maktab serta universiti-universtiti, sebagaimana yang diakui oleh beliau bahawa taraf Bahasa Inggeris di institusi-institusi pendidikan negara kita merosot dengan serius. Bolehkah beliau menjamin bahawa apa jua langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian akan tentu memberi kesan yang baik.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan telah menjalankan berbagai program bagi meningkatkan taraf penguasaan Bahasa Inggeris di sekolah, maktab perguruan dan universiti-universti tempatan. Antara program-program yang telah dijalankan di sekolah-sekolah termasuklah menambahkan bilangan guru terlatih, melaksanakan rancangan Bacaan Tambahan Bahasa Inggeris, memberi kursus Bahasa Inggeris dalam perkhidmatan. Lain-lain langkah termasuklah mengeluarkan bahan-bahan bantu pengajaran dan mengadakan program Bahasa Inggeris melalui radio dan TV Pendidikan, melaksanakan aktiviti-aktiviti lain di sekolah termasuk kegiatan kebudayaan, membaca dan sebagainya, melaksanakan program-program "Class Reader" dan "Intensive Reading", dengan izin.

Di peringkat maktab, di antara langkah diambil termasuklah menambahkan jumlah masa bagi kursus pengkhususan Bahasa Inggeris, memperbaiki pendidikan, kaedah dan teknik pengajaran-pembelajaran bahasa, mempertingkatkan penggunaan makmal bahasa, membaiki metodologi latihan lisan dan menambah kerja-kerja kumpulan, kerja berpasangan, mini-seminar dan perbincangan.

Di peringkat universiti, kursus kemahiran Bahasa Inggeris telah ditawarkan kepada pelajar-pelajar untuk membantu mereka meningkatkan kemahiran bertutur mendengar, membaca dan menulis Bahasa Inggeris. Semua pelajar dikehendaki mengikuti kursus Bahasa Inggeris mengikut keperluan masing-masing.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya mengalu-alukan tindakan yang sedang diambil ataupun telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menaikkan taraf pelajaran bahasa

Inggeris di institusi-institusi kita tetapi adakah Yang Berhormat sedar masih terdapat beberapa banyak graduan-graduan daripada universiti-universiti di negara kita apabila mereka keluar daripada universitinya mereka masih tidak pakar di dalam bahasa Inggeris dan mereka tidak boleh mengikuti beberapa tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk menukar ataupun meminda "know-how" dan teknologi daripada Barat kepada negara kita dan mereka tidak sebenarnya mempunyai kelayakan untuk memegang beberapa kuasa-kuasa tertinggi di dalam institusi-institusi teknologi yang ada di negara kita. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian untuk meminda teknologi dan "know-how" daripada Barat kepada negara kita, boleh jadi boleh memperbaiki lagi keadaan bahasa Inggeris di negara kita.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada graduan yang kurang mahir penguasaan bahasa Inggeris, sebab itulah langkah-langkah telah diambil di peringkat sekolah lagi mulai sekarang sepertimana yang saya umumkan.

Merujuk kepada soalan "technology transfer", dengan izin, itu saya ingat kurang berkaitan dan saya mempertikaikan kenyataan tersebut kerana institusi penyelidikan sains dan penyelidikan pertanian dan lain-lain dalam negara juga mengambil graduan dari universiti-universiti tempatan dan kita boleh menganggap beberapa institusi itu mencapai tahap yang agak membanggakan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah yang akan diambil oleh Yang Berhormat mengenai kekurangan guru bahasa Inggeris di setengah-setengah sekolah menengah di Kuala

Lumpur, misalnya di Sekolah Menengah Jalan Cochrane yang nampaknya kekurangan ataupun ketiadaan guru-guru bahasa Inggeris dan dengan adanya dari peringkat ke peringkat KBSM bagaimanakah kemahiran ini dapat ditingkatkan di masa akan datang.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar akan kekurangan guru-guru terlatih dalam bahasa Inggeris termasuk di sekolah-sekolah menengah sekarang, sebab itulah latihan bagi guru-guru bahasa Inggeris di kalangan siswazah ditingkatkan lebih empat kali ganda sekarang dan kursus-kursus termasuk "Teaching of English as Second Language" telah diperkenalkan di beberapa universiti tempatan.

Mengenai rujukan khusus Ahli Yang Berhormat mengenai Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Cochrane, saya akan mengambil langkah tertentu supaya dapat menyelesaikan masalah tersebut.

KEMALANGAN DI LEBUHRAYA MALAYSIA

7. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kerjaraya menyatakan kadar kemalangan jalanraya di seluruh lebuhraya negara ini semenjak lebuhraya ini digunakan dan adakah Kementerian mempunyai rancangan sendiri untuk mengkerap dan memperbanyakkan rondaan di lebuhraya bagi mengatasi keadaan tersebut menjadi lebih serius.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan): Tuan Yang di-Pertua, jumlah kemalangan yang berlaku di semua lebuhraya yang beroperasi semenjak tahun 1985 hingga 31hb Disember 1988 adalah seperti berikut:

- (1) Lebuhraya Senai-Johor sejumlah 211 kemalangan dengan sejumlah 35 kemalangan maut.

- (2) Lebuhraya Kuala Lumpur-Air Keroh sejumlah 2,160 kemalangan dengan sejumlah 1,119 kes kemalangan maut.
- (3) Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak sejumlah 1,621 kemalangan dengan 54 kemalangan maut.
- (4) Lebuhraya Changkat Jering-Ipoh sejumlah 334 kemalangan dengan 10 kemalangan maut.
- (5) Lebuhraya Slim River-Tanjong Malim sejumlah 462 kemalangan dengan 25 kemalangan maut.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan kerjasama Polis sentiasa menjalankan rondaan, terutama di kawasan-kawasan yang kerap berlaku kemalangan. Di samping itu pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia juga telah mengadakan operasi penguatkuasaan bersama dengan pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan pada masa-masa yang tertentu, bagi memastikan pengguna-pengguna Lebuhraya mematuhi peraturan lalulintas. Tindakan yang tegas sentiasa dikenakan ke atas pesalah-pesalah yang melakukan atau melanggar peraturan lalulintas oleh agensi-agensinya penguatkuasa yang meronda di lebuhraya-lebuhraya berkenaan. Selain daripada itu, pada masa ini, pihak PLUS Bhd., syarikat yang melaksanakan pengurusan Lebuhraya Utara/Selatan, telah juga mengadakan unit khas membantu pengguna-pengguna yang menghadapi masalah di lebuhraya seperti menghadapi kerosakan atau memerlukan bantuan kecemasan, selain daripada memberikan amaran awal kepada pengguna-pengguna lain lebuhraya mengenai apa-apa halangan di lebuhraya berkenaan. LLM juga telah berusaha memberikan ceramah dan juga tunjuk ajar yang perlu kepada penduduk kampung yang

tinggal berhampiran lebuhraya, khasnya bagi mengelakkan kejadian kemalangan di lebuhraya-lebuhraya tersebut.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, ingin saya tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa kadar-kadar kemalangan di jalanraya-jalanraya bukan lebuhraya lebih tinggi daripada kadar kemalangan di lebuhraya-lebuhraya, misalnya, kadar kemalangan jalanraya dari Butterworth ke Changkat Jering lebih tinggi sekiranya dibandingkan dengan kadar kemalangan di lebuhraya dari Changkat Jering ke Ipoh. Jika sedar, saya ingin tanya sama ada Yang Berhormat akan menasihatkan pihak yang berkenaan supaya mempercepat pembinaan lebuhraya terutama sekali dari Changkat Jering ke Butterworth yang memang melalui Nibong Tebal.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar, sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal iaitu mengenai lebih tinggi bilangan accident ataupun kemalangan yang terjadi di jalan-jalan yang bukan lebuhraya. Saya tidak menyebutkan perkara itu di sini, oleh kerana soalan ini adalah bertumpu terhadap kemalangan-kemalangan yang telah berlaku di mana-mana tempat di lebuhraya di Malaysia. Sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat itu pihak Kerajaan memang sentiasa mengambil berat terhadap memperbaiki jalanraya-jalanraya yang bukan lebuhraya, oleh kerana jalanraya-jalanraya yang bukan lebuhraya ini kebanyakannya adalah dalam bidang kuasa negeri-negeri di negara kita, jadi inipun kita harus memerlukan kerjasama dari pihak Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan begitu banyak kema-

langan yang berlaku di lebuhraya sekarang ini dan nampaknya angka itu begitu mengejut, adakah ini kerana mutu pembinaan lebuhraya itu tidak sampai taraf yang ditentukan ataupun apa sebabnya dapat dikenalpasti kebanyakan kemalangan-kemalangan itu berlaku?

Kedua, adakah Kementerian yang berkenaan akan untuk mengawal dengan lebih rapat lagi ke atas maintenance terhadap tempat-tempat yang dikenalpasti itu supaya dapat menjalankan maintenance dengan lebih sempurna?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju dengan Ahli Yang Berhormat mengatakan iaitu taraf lebuhraya kita tidak begitu baik ataupun tidak sama dengan taraf lebuhraya negara-negara lain. Sebab-sebab kemalangan di lebuhraya ini berlaku banyak. Salah satu daripadanya ialah pemandu-pemandu kereta ataupun lori ataupun bas ini, bila dia memandu di jalan yang begitu baik, kadang-kadang dia tidak berapa awas untuk menjaga keselamatan diri dan penumpang-penumpang yang dibawa dan juga kadang-kadang pemandu yang membawa benda yang berat-berat seperti lori-lori besar, dia tidak berapa memperdulikan keselamatan pemandu-pemandu lain. Kadang kala ada didapati pemandu yang sudah meminum minuman keras boleh juga menghadapi kemalangan. Bukan oleh kerana taraf jalan kita tidak standard dengan jalan-jalanraya dan lebu-lebuhraya negara-negara lain.

Kedua, tentu sekali Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Kementerian sentiasa membuat penelitian di mana-mana tempat yang selalu mengalami accident ataupun kemalangan. Kita sentiasa mengambil perhatian yang berat supaya kita dapat memperbaiki keadaan di tempat-tempat itu. Jadi, saya harap pihak

Yang Berhormat yang membuat soalan tambahan tadi janganlah menganggap lebuhraya kita ini lebuhraya yang tidak sampai standard seperti yang difikirkan oleh Yang Berhormat itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Tuan Sim Kwang Yang.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Sim Kwang Yang tidak hadir).

SISTEM POSKOD

9. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) walaupun sistem poskod diadakan untuk memudahkan pengiriman surat/barang melalui pos dihantar cepat dan selamat, adakah Kementerian ini sedar bahawa tidak semua orang ramai menyedari, memiliki buku poskod tersebut dan tahu menggunakannya;
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa syarat poskod itu telah menyulitkan setengah orang yang kurang maju pengetahuan dan kehidupannya dan kerana itu surat mereka belum tentu dapat dihantar kerana mereka tidak tahu poskod tersebut atau lambat kerana terpaksa mencarinya terlebih dahulu dan jika tidak ditemuinya mungkin ia tidak dapat menggunakan khidmat pos tadi;
- (c) adakah Kerajaan akan menimbangkan untuk mengirimkan juga barang yang tidak menggunakan poskod walaupun terlambat; dan
- (d) oleh kerana antara amalan ini di negara maju dikesualikan untuk rakyat yang kurang maju, oleh kerana pelajaran dan pemikiran rakyat negara ini kurang maju,

maka setujukah Kerajaan atas alasan yang sama poskod boleh dikecualikan dan surat mereka dijamin sampai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), daripada kajian yang telah dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP) sejak tahun 1985, apabila sistem Poskod Kebangsaan dilancarkan, adalah didapati bahawa hampir 80% surat-surat yang diposkan oleh orang ramai telah menggunakan poskod. Ini adalah satu bukti yang menunjukkan satu pencapaian oleh Jabatan Perkhidmatan Pos yang sungguh menggalakkan. Untuk mencapai matlamat supaya semua orang ramai menggunakan poskod, Jabatan Perkhidmatan Pos akan terus memberikan panduan dan publisiti berhubung dengan perkara ini dari masa ke semasa.

Bagi menjawab (b), untuk makluman Yang Berhormat, sistem poskod yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos adalah mudah sekali untuk digunakan iaitu dengan menggunakan lima angka sahaja dan tidak begitu menyulitkan orang ramai. Malah dengan menggunakan poskod, surat-surat dapat diproses dengan lebih cepat. Mesin-mesin mengisih surat automatik telah dibeli dan dipasang di beberapa buah Pejabat Pos Besar di seluruh negara. Orang ramai yang menghadapi masalah dalam menggunakan poskod boleh berhubung dengan mana-mana pejabat pos untuk mendapatkan panduan dan penerangan lanjut. Orang ramai juga tidak perlu bimbang kerana walaupun surat-surat mereka tidak ada poskod, surat-surat mereka akan tetap dikirimkan dan dihantar ke destinasi yang dialamatkan.

Bagi menjawab soalan (c), seperti yang telah saya nyatakan tadi, surat-surat yang tidak berposkod akan juga dikirimkan ke destinasi. Surat-surat yang tidak mengguna poskod

terpaksa di sisih secara "manual", dengan izin, dan dengan yang demikian urusan penyerahannya telah terjejas sedikit. Itu akan menyebabkan kelewatan.

Bagi menjawab (d), adalah menjadi hasrat Jabatan Perkhidmatan Pos supaya orang ramai menggunakan poskod pada surat-surat mereka bagi mempercepatkan proses pengendalian surat-surat. Jabatan Perkhidmatan Pos telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk memekanisasikan Bahagian Melnya bertujuan untuk meningkatkan prestasi dan menyelia perkhidmatan yang lebih baik kepada orang ramai. Dengan yang demikian adalah diharapkan orang ramai dapat bersama-sama membantu ke arah pencapaian matlamat ini.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya masih ingat slogan bagi pelancaran Sistem Poskod ialah "Cepat dan Tepat", tetapi sebelum saya menyoal Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya ingin merujuk kepada satu pengalaman yang saya menghadapi. Ini ialah saya ada pernah hantar sepucuk surat kepada seorang penduduk di kawasan saya di Cheras dan Pejabat Pos yang surat ini diposkan hanya 1½ batu daripada alamat penerima surat. Untuk maklumat Yang Berhormat, surat ini nama penerima, alamat dan poskodnya adalah benar, betul dan tepat tetapi malangnya surat ini — ini amat mengejutkan saya — telah sampai ke tempat penerima hanya 2 bulan daripada tarikh yang surat itu dihantar. Ini mengejutkan saya dan saya merasa sangat kesal atas prestasi yang amat lemah ini. Bukankah ini menunjukkan kelemahan Perkhidmatan Pos? Sekiranya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ingin minta bukti, saya boleh hantar.

Tuan Ong Tin Kim: Tuan Yang di-Pertua, memang adanya kadangkala berlaku satu kelewatan tetapi puratanya kelewatan surat-surat ini hanya

sedikit jikalau dibandingkan dengan surat-surat yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos, tidak sampai 0.1% dalam bilangannya sahaja. Tetapi mengenai specific case yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kampar itu, saya harap Ahli Yang Berhormat boleh beri maklumat yang terperinci.

Tuan Tan Kok Wai: Cepat dan Tepat, kawasan pun salah! Memang surat tak sampai.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sungai Besi, Yang Berhormat.

Tuan Ong Tin Kim: Minta maaf. Ahli Yang Berhormat, jikalau dapat beri maklumat yang terperinci, saya akan meniyasat perkara itu.

JALAN RAYA UTAMA LUAR BANDAR SABAH—PEMBINAAN

10. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kerjaraya menyatakan kemajuan dalam pembinaan jalan raya utama luar bandar di Sabah seperti berikut:

- (1) Sandakan ke Telupid (Package A1 HQ41/86 (F));
- (2) Sandakan ke Telupid (Package A2 HQ42/86 (F));
- (3) Sandakan ke Lahad Datu (Package B1 HQ44/86 (F));
- (4) Sandakan ke Lahad Datu (Package B2 HQ44/86 (F)).

Sama ada pembinaan jalan raya package A1, A2 dan B2 akan disiapkan pada 11-9-1989 sebagaimana dikehendaki oleh kontrak dan sama ada Package 1 telahpun siap pada 2-1-1989. Sekiranya tidak, apakah sebab-sebab utama mengapa berlaku kelewatan dalam keempat-empat kontrak itu dan apakah tindakan akan diambil terhadap pemborong-pemborong berkenaan, sama ada Kerajaan sedar bahawa kerugian

berjutaan ringgit telah berlaku semasa tergendalanya perhubungan jalan raya antara Kota Kinabalu/Sandakan/Lahad Datu dan Tawau pada musim hujan yang lalu.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kemajuan pembinaan jalan raya Sandakan ke Lahad Datu adalah seperti berikut:

- (1) Jalan raya Sandakan ke Telupid Package A1 telah mencapai 14% kemajuan setakat ini. Kemajuan yang dijadualkan sepatutnya adalah 80%.
- (2) Package A2 juga dilaksanakan oleh kontraktor yang sama dengan Package A1. Kemajuan projek setakat ini adalah 36% berbanding dengan kemajuan yang dijadualkan 94%.
- (3) Package B1 jalan raya Sandakan ke Lahad Datu kemajuannya adalah 41% berbanding dengan kemajuan yang dijadualkan 85%.
- (4) Package B2 jalan raya Sandakan ke Lahad Datu pula kemajuannya sebenar adalah 40% berbanding dengan kemajuan yang dijadualkan sejumlah 49%.

Di antara sebab-sebab berlakunya kelewatan kepada pelaksanaan Package A1 dan A2 adalah kerana cuaca buruk yang agak luar biasa dan juga kelemahan pihak kontraktor dalam pengurusan projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan telah pun memberikan amaran keras kepada kontraktor untuk mempercepatkan kerja-kerja dan nampaknya pihak kontraktor telah pun mengambil langkah-langkah wajar untuk mempertingkatkan pelaksanaan projek-projek tersebut. Bagi Package A1 dan A2, pihak kontraktor telah mengimport 84 unit jentera gerak

tanah atau "earth moving equipment", dengan izin, serta mengambil lebih pekerja-pekerja mahir bagi kedua-dua package berkenaan.

Berkaitan dengan Package B1 iaitu pembinaan jalan raya Sandakan ke Lahad Datu, pihak kontraktor telah menghadapi masalah wang pusingan atau "cash flow", dengan izin, dan juga kekurangan jentera serta barang-barang gantian alatan jentera. Keadaan cuaca yang buruk, kekurangan tenaga yang mahir dan kelewatan memperolehi lesen sementara (tol) bagi kerja-kerja kuari juga telah menambahkan lagi masalah kelewatan kemajuan projek B1 ini.

Bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, pihak kontraktor telah mengambil langkah-langkah iaitu memohon pihak Kerajaan supaya dapat melepaskan wang tahanan atau "release of retention money", dengan izin, bagi mengatasi masalah aliran wang. Pihak kontraktor bercadang untuk menjualkan sebahagian harta-harta syarikatnya bagi memperolehi lebih modal dan membolehkannya mengambil pekerja-pekerja baru yang mahir dan berpengalaman.

Kemajuan Package B2—projek jalan Sandakan ke Lahad Datu pula, tarikh asal siap projek ialah 11hb September, 1989. Akan tetapi projek ini kemungkinan tidak akan dapat disiapkan sepertimana yang ditetapkan disebabkan di antara lainnya ialah masalah kelewatan mobilisasi alat perkakas dan jentera termasuk pembinaan "culvert" telah melambatkan permulaan kerja selama 6 bulan. Keadaan cuaca buruk juga menambahkan lagi masalah kelewatan ini. Selain daripada itu, masalah kesukaran menyewa peralatan kerja seperti "dump truck" dari sumber tempatan juga dialami oleh pihak kontraktor projek ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kontraktor telah mengambil tindakan perlu untuk mengatasi masalah yang dihadapi.

Kerajaan juga telah memberikan arahan terakhir kepada kontraktor-kontraktor supaya semua kerja-kerja kontrak disiapkan pada atau sebelum bulan September 1990 yang akan datang ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Kerjaraya sendiri dengan beberapa pegawai tinggi Kementerian Kerjaraya akan membuat lawatan ke Sabah pada akhir bulan ini untuk melihat dan mentafsirkan keadaan sebenar jalan-jalanraya tersebut. Selepas lawatan ini nanti barulah kita dapat mengetahui keadaan yang sebenar dan dapat dibuat cadangan oleh pihak Yang Berhormat Menteri. Menteri juga akan dapat mencadangkan beberapa tindakan lanjut bagi mempertingkatkan keupayaan pembinaan jalan-jalan berkenaan.

IKLAN ROKOK/JUNK FOOD

11. **Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada cadangan Kementeriannya mengharamkan iklan-iklan yang ditajakan oleh syarikat-syarikat menjual rokok atau makanan "junk food" di rangkaian-rangkaian radio dan televisyen. Apakah peratusan sumbangan kewangan yang dikutipkan daripada iklan-iklan sebegini pada tahun 1986, 1987 dan 1988.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang telah mengharamkan pengiklanan rokok di radio dan televisyen tetapi tidak mengenai pengiklanan barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang dipasarkan oleh syarikat-syarikat berkenaan. Pengiklanan "junk food" juga belum diharamkan sehingga terdapat penegasan tertentu tentang kategori makanan yang dinamakan "junk food" dan jenis-jenis makanan disahkan sebagai membahayakan kesihatan dalam meluluskan sesuatu iklan di bawah Akta Penyiaran 1988.

Sebagai langkah kawalan pihak agensi pengiklanan mestilah mengemukakan "story boardnya" atau rangka cerita terlebih dahulu kepada Kementerian sebelum penggambaran iklan-iklan itu boleh dilaksanakan dan ia kemudiannya ditapis pula oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF).

Dalam melaksanakan kehendak Akta Penyiaran untuk mengawal iklan-iklan, Kementerian Penerangan akan melaksanakan dua perkara baru.

Pertama, menubuhkan Panel Iklan yang anggotanya terdiri daripada wakil-wakil agensi Kerajaan dan swasta dan termasuklah wakil daripada industri pengiklanan. Penubuhan Panel Iklan ini adalah bertujuan bagi menentukan etika pengiklanan yang sedia ada dewasa ini dapat dipatuhi sepenuhnya.

Kedua, mewujudkan sebuah Lembaga Penapisan yang khas di Kementerian Penerangan bagi menapis semua bahan-bahan siaran termasuk pengiklanan yang disiarkan melalui radio dan televisyen. Ini bermakna semua bahan siaran yang telah diluluskan oleh Lembaga Penapisan Filem akan ditapis sekali lagi iaitu bagi kali kedua oleh Lembaga ini sebelum bahan-bahan ini ditayangkan melalui televisyen atau dipancarkan melalui radio.

Berhubung dengan peratusan sumbangan kewangan yang dikutip daripada iklan-iklan syarikat-syarikat rokok dan yang mengeluarkan "junk food" ini, dalam tahun 1986, 1987 dan 1988 berbanding dengan keseluruhan hasil RTM angkanya adalah seperti berikut:

| Tahun | Sumbangan Syarikat Rokok |
|------------|--------------------------|
| 1986 | 62.8% |
| 1987 | 64.2% |
| 1988 | 62% |

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, dari jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Penerangan tadi, kami mendapati bahawa pihak Kementerian Penerangan ataupun pihak RTM mengharamkan iklan rokok. Jadi, saya ingin hendak tanya Yang Berhormat Menteri nama-nama yang akan disebutkan berikut, apakah mereka itu mula-mulanya apa itu Dunhill, apa itu Bensen and Hedges, apa itu Salem High Country, apa itu Marlboro Country, apa itu Kingsway, apa itu White Horse, apa itu Kent Holiday, apakah semua nama-nama itu kalau bukan rokok.

Dan keduanya, adakah Menteri berkenaan mempunyai lesen TV/ Radio sendiri. (*Ketawa*)

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya faham nama-nama itu ada kaitannya dengan syarikat-syarikat yang mengeluarkan rokok. Hanya nama-nama itu sahaja yang keluar ditayangkan di televisyen. Tidak ada pun gambar rokok itu keluar. Ini dasar Kerajaan, jangan bising-bising tidak tentu pasal. Ini dasar Kerajaan. Kerajaan tidak mengizinkan rokok itu diiklankan, hanya nama syarikat dan barang-barang sampingan keluaran syarikat itu yang diizinkan.

Soalan kedua, saya ada lesen. Yang Berhormat ada?

Tuan Hu Sepang: Ada.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Terima kasih. Kalau tidak ada, saya hendak periksalah.

Tuan Hu Sepang: Saya memang ada.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Terima kasih, you are a loyal citizen, dengan izin.

Tuan Hu Sepang: Mungkin pegawai-pegawai dari Bahagian Pemeriksaan

Lesen TV tidak berani usik Menteri. Sebab itu saya hendak pastikan beliau ada lesen.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Kedua-dua Yang Berhormat.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya perlu jelaskan. Saya fikir tidak wajar kenyataan Yang Berhormat dari Rasah yang mengatakan bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan tidak berani memeriksa Menteri-menteri, kalau pun ada Menteri yang tidak ada lesen, saya hendak maklumkan tidak ada orang pun yang dikecuali daripada mempunyai lesen TV dan radio ini. Semua Menteri-menteri mesti ada dan kalau pegawai-pegawai memeriksa penguatkuasaan berasa perlu memeriksa, semua orang harus diperiksa dan tidak akan dikecualikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 8 dan 12 hingga 45 adalah diberi di bawah ini).

MALAYSIA SHIPYARD ENGINEERING (MSE)—PERANAN

4. Tuan Haji Mohd. Sam bin Sailan minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan peranan MSE sebagai sebuah Syarikat Kejuruteraan Perkapalan Berat yang ditaja dan

dibantu oleh Kerajaan. Adakah Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan membantu dan menyokong syarikat ini dengan menawarkan peluang-peluang kerja kepadanya. Kiranya ada berapakah banyaknya dibandingkan dengan kerja-kerja yang diperolehi dari syarikat swasta dalam dan luar negeri bagi tahun-tahun 1987 dan 1988 dan kemungkinan bagi tahun 1989.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Sebagai sebuah syarikat kerajaan yang melibatkan diri dalam kejuruteraan perkapalan berat, Malaysia Shipyards and Engineering Sdn. Bhd. (MSE) berperanan sebagai penggerak dalam usaha membangunkan industri berat di Malaysia. Selain dari itu, MSE juga mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di samping pendapatan pertukaran wang asing. MSE juga berperanan memperkembang serta meningkatkan kepakaran (skills) dan pengeluaran melalui proses pemindahan teknologi. Semenjak ditubuhkan sememangnya Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan membantu dan menyokong syarikat ini dengan menawarkan peluang-peluang kerja kontrak kepadanya.

Dari segi bilangan projek dan nilai-nilai projek yang diperolehi dari;

1. Kerajaan;
2. Swasta dalam negeri; dan
3. dari luar negeri

adalah seperti berikut:

| <i>Dalam Tahun 1987</i> | <i>Bil</i> | <i>%</i> | <i>Nilai (\$ Juta)</i> | <i>%</i> |
|--|------------|----------|----------------------------|----------|
| Jumlah Projek | 165 | 100 | 113.6 | 100 |
| Yang diperolehi dari Kerajaan ialah .. | 68 | 41 | 16.7 | 15 |
| Yang diperolehi dari Swasta dalam negeri ialah | 28 | 17 | 45.8 | 40 |
| Yang diperolehi dari Luar Negeri ialah .. | 69 | 42 | 51.1 | 45 |

| <i>Dalam Tahun 1988</i> | <i>Bil.</i> | <i>%</i> | <i>Nilai (\$ Juta)</i> | <i>%</i> |
|--|-----------------|--------------|----------------------------|--------------|
| Jumlah Projek | 163 | 100 | 198 | 100 |
| Yang diperolehi dari Kerajaan ialah .. | 57 | 35 | 23.7 | 12 |
| Yang diperolehi dari Swasta dalam negeri ialah | 53 | 32.5 | 127.0 | 64 |
| Yang diperolehi dari Luar Negeri ialah .. | 53 | 32.5 | 47.3 | 24 |
| <i>Dalam Tahun 1989</i> | <i>Bil.</i> | <i>%</i> | <i>Nilai</i> | <i>%</i> |
| Jumlah Projek | 121 | 100 | 218.02 | 100 |
| Yang diperolehi dari Kerajaan ialah .. | 32 | 27 | 29.0 | 14 |
| Yang diperolehi dari Swasta dalam negeri ialah | 33 | 27 | 138.22 | 63 |
| Yang diperolehi dari Luar Negeri ialah .. | 56 | 46 | 50.8 | 23 |
| <i>Dalam Projek Yang Diperolehi</i> | <i>Bil.</i> | <i>%</i> | <i>Nilai</i> | <i>%</i> |
| Jumlah Projek | 24 | 100 | 96.9 | 100 |
| Yang diperolehi dari Kerajaan ialah .. | 8 | 33 | 6.4 | 6.6 |
| Yang diperolehi dari Swasta dalam negeri ialah | 5 | 21 | 80.5 | 83.1 |
| Yang diperolehi dari Luar Negeri ialah .. | 11 | 46 | 10.0 | 10.3 |
| <i>Dalam Projek Yang Dijangkakan</i> | <i>Bil.</i> | <i>%</i> | <i>Nilai</i> | <i>%</i> |
| Jumlah Projek | 97 | 100 | 121.12 | 100 |
| Yang diperolehi dari Kerajaan ialah .. | 24 | 24 | 22.6 | 19 |
| Yang diperolehi dari Swasta Dalam Negeri ialah | 28 | 30 | 57.72 | 48 |
| Yang diperolehi dari Luar Negeri ialah .. | 45 | 46 | 40.8 | 33 |

MSE seharusnya bertanding dengan syarikat-syarikat Pembinaan Perkapalan dari luar negeri terutamanya negeri jiran Singapura. Oleh itu MSE mestilah lebih kompetitif dan sensitif kepada keadaan pasaran antarabangsa. Untuk ini, seharusnya bergantung kepada kerja-kerja daripada kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan semata-mata sebaliknya MSE perlulah mendapatkan kerja-kerja daripada pasaran antarabangsa.

SUSU PEKAT—BEKALAN CATUAN

8. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kenapa tin susu pekat dibekalkan kepada sebuah sekolah menengah di Muara Tuang, Sarawak dalam tahun 1985 dengan harganya sebanyak \$12 setin, dibandingkan dengan

harga pasaran \$1.20 setin sahaja, seperti yang ditegur dalam Perenggan 120, Laporan Ketua Audit Negara atas Akaun Kerajaan Persekutuan 1986;

- (b) kenapa sebuah sekolah lain di negeri Sarawak membeli margerin dengan harga \$4.80 setin sungguhpun harga pasarannya hanya sebanyak \$2.80 setin sahaja, menurut laporan tersebut di atas, perenggan yang sama; dan
- (c) apakah langkah-langkah akan diambil untuk memperbaiki sistem pembekalan catuan makanan kepada sekolah di Sarawak, supaya kontraktor-kontraktor tidak akan jadi kaya manakala kesihatan murid-murid luar bandar terjejas dengan tidak mendapat faedah yang sepenuhnya dari peruntukan-peruntukan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pembekalan catuan susu pekat jenama "milkmaid" berharga \$12/= setin itu adalah di Sekolah Menengah Kerajaan Three Rivers, Mukah dan bukannya di Sekolah Menengah Muara Tuang. Pihak sekolah hanya membuat tiga kali pesanan iaitu sebanyak 288 tin pada bulan Januari dan Februari, 1985. Selepas 14hb. Februari, 1985 pembelian susu pekat terus telah diberhentikan setelah pihak sekolah mendapati harganya terlalu tinggi. Pada bulan-bulan berikutnya pihak sekolah hanya

memesan dan menggunakan susu pekat daripada jenama yang lain yang lebih murah.

- (b) Sebenarnya jadual harga pembekalan catuan makanan Sekolah Menengah Kerajaan Muara Tuang (yang diputuskan oleh sebuah Jawatankuasa Penyediaan Jadual Tender di peringkat sekolah berkenaan dan dipengerusikan oleh Pengetua Sekolah tersebut) adalah berpandukan kepada harga-harga yang didapati di kedai-kedai; dipekan/bandar berdekatan dengan sekolah berkenaan. Oleh yang demikian sudah tertulah harga pasarannya berbeza dengan harga pasaran tempatan yang lebih tinggi; disebabkan oleh kos pengangkutan dan lain-lain.
- (c) Untuk memperbaiki sistem pembekalan catuan makanan kepada sekolah di Sarawak sistem itu telah dikaji melalui beberapa siri mesyuarat yang diadakan pada pertengahan tahun 1987 di antara pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan Malaysia (Bahagian Pembangunan dan Bekalan, Pejabat Kewangan Persekutuan, Sarawak dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak). Beberapa keputusan telah dibuat iaitu:
- (i) mulai tahun 1988 harga barang-barang tidak lagi ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri tetapi oleh pihak penender;
 - (ii) bilangan item barang-barang dalam jadual tender itu juga dikurangkan jumlahnya.

Dalam perubahan ini diharap masalah-masalah yang serupa akan dikurangkan.

PERUMAHAN KOS RENDAH— PROGRAM KHAS

12. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah rumah yang telah dibina bagi mencapai Dasar Perumahan Negara 1990 (sebanyak 240,000 buah);
- (b) berapa ramaikah dari kalangan Pegawai Kerajaan yang terlibat dalam projek perumahan yang terbengkalai yang telah mendapat pinjaman dari Kerajaan atau swasta dan apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini;
- (c) atas kategori dan “rasional” seperti manakah rumah-rumah tersebut di bahagi-bahagikan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam):

- (a) Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Program Khas Perumahan Kos Rendah yang melibatkan rancangan pembinaan sejumlah 240,000 unit rumah kos rendah dalam tempoh tiga tahun mulai Julai 1986 sedang berjalan lancar. Sehingga 30-11-1988, prestasi pelaksanaan projek-projek yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

| | Siap (Unit) | Dalam Pembinaan (Unit) | Awal Perlaksanaan (Unit) |
|--|----------------|------------------------------|--------------------------------|
| Tahun Pertama (Julai 1986-Jun 1987) | 12,506 | 32,817 | 33,548 |
| Tahun Kedua (Julai 1987-Jun 1988) | 3,920 | 34,648 | 66,755 |
| Tahun Ketiga (Julai 1988-Jun 1989) | — | 9,173 | 124,073 |
| JUMLAH | 16,426 | 76,638 | 224,376 |

- (b) Sehingga ini belum ada rekod yang kemaskini disediakan oleh mana-mana pihak menge-

nai bilangan pegawai Kerajaan yang terlibat dalam projek perumahan yang terbengkalai yang telah mendapat pinjaman dari Kerajaan atau swasta. Walau bagaimanapun, adalah dianggarkan seramai 10,000 orang pegawai Kerajaan terlibat dalam projek perumahan yang terbengkalai.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menolong pembeli ialah:

- (i) mengadakan perjumpaan dengan pembeli untuk memberikan penerangan berhubung dengan tindakan yang perlu diambil bagi memulihkan projek;
 - (ii) meminta pembeli-pembeli menubuhkan Jawatankuasa Pembeli-pembeli;
 - (iii) sekiranya perlu, meminta pemaju menyerahkan projek kepada Jawatankuasa Pembeli;
 - (iv) membuat kajian kemungkinan (feasibility study) ke atas projek yang berkenaan dengan mengkaji kedudukan kewangan dan kemajuan pembinaan;
 - (v) mengadakan perbincangan dengan pihak bank/institusi kewangan dan agensi-agensinya Kerajaan yang terlibat;
 - (vi) mengadakan perbincangan dengan piutang-piutang; dan
 - (vii) mengawasi dari masa ke semasa di atas kerja-kerja binaan setelah projek dipulihkan;
- (c) Pemilihan pembeli serta pembahagian rumah-rumah di bawah Program Khas Perumahan Kos

Rendah adalah dikendalikan oleh Kerajaan Negeri berdasarkan kepada beberapa syarat-syarat tertentu. Antaranya ialah:

- (i) pembeli-pembeli hendaklah mempunyai pendapatan bulanan sebanyak \$750.00 ke bawah. Bagi Program Khas ini, ke-longgaran syarat pendapatan ini boleh diberi kepada pembeli-pembeli yang berpendapatan sehingga \$1,500.00 sebulan bergantung kepada keadaan pasaran. Akan tetapi, keutamaan masih diberi kepada mereka yang berpendapatan sebanyak \$750.00 ke bawah sebulan;
- (ii) keutamaan kepada bakal-bakal pembeli yang telah berkeluarga serta belum memiliki rumah sendiri;
- (iii) bakal-bakal pembeli mempunyai kemampuan untuk membayar balik pinjaman perumahan untuk pembelian rumah di bawah Program Khas ini.

DUAL CARRIAGEWAY SEREMBAN—PORT DICKSON

13. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kerjaraya membina sebuah "Dual Carriageway" dari Seremban ke Port Dickson kerana Port Dickson adalah pusat penapis minyak serantau serta menjadi pantai yang paling disukai ramai dan adalah nyata jalan sempit yang ada sekarang tidak mencukupi dan tidak selamat.

Tuan Luhut Wan: Kerajaan tidak mempunyai peruntukan di dalam Rancangan Malaysia Kelima untuk melaksanakan projek pembinaan

jalanraya 4 lorong 2 hala dari Seremban ke Port Dickson. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah cuba menswastakan jalan itu pada tahun 1986 yang lalu, tetapi tawaran yang diterima dari pihak swasta didapati kurang memuaskan dan telah tidak dapat mematuhi kehendak-kehendak Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan masih bersedia membuka peluang kepada pihak swasta yang berminat untuk menswastakan jalan tersebut.

LAPANGAN TERBANG KOTA BHARU

14. **Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan dan Mini Port Kemasin akan dibina. Berapakah belanja pembinaan yang diperuntukkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Lapangan Terbang Kota Bharu telah dinaikkan taraf untuk kegunaan pesawat B737 pada tahun 1976. Pada masa ini kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Lapang Terbang ini adalah berkeupayaan untuk menampung keperluan trafik udara bagi beberapa tahun yang akan datang. Oleh itu Kerajaan tidak ada rancangan buat masa ini untuk membesarkan Lapangan Terbang Kota Bharu.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML), sebanyak \$2.5 juta telah pun disediakan bagi tujuan memperbaiki landasan terbang. Kerja-kerja pembaikan ini sedangpun berjalan dan dijadualkan siap pada bulan September 1989. Bagi Pelabuhan Kecil Kemasin Kelantan peruntukan sebanyak \$4.5 juta telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Keempat (RME) dan sebanyak \$4.8 juta lagi di bawah Rancangan Malaysia Kelima

(RML). Jumlah yang dibelanjakan sehingga akhir tahun 1986 adalah sebanyak \$3.2 juta iaitu sebagai perbelanjaan kajian teknikal awal seperti berikut:

- (i) kajian topografi dan hidrografi;
- (ii) penyelidikan bawah tanah ("sub surface investigations"); dan
- (iii) kajian hidrolik.

Di dalam tahun 1986 Kerajaan telah memutuskan penangguhan projek ini sehingga siapnya Kajian Pelabuhan Kebangsaan. Salah satu objektif Kajian Kebangsaan ini ialah untuk mengemukakan satu rangka rancangan menyeluruh mengenai pembangunan pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Kajian tersebut telah pun disediakan dan sedang dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan.

EKSPORT MAKANAN

15. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bagaimanakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini mengenai eksport makanan yang telah diproses. Apakah nama negara-negara pengimport utama selain daripada Singapura dan Jepun; dan
- (b) apakah di antara bahan-bahan makanan yang diproses itu yang paling banyak dieksport keluar negeri dalam tahun 1988 dan berapa banyakkah nilai harganya?

Dato' Alexander Yu Lung Lee:

- (a) Prestasi eksport makanan yang telah diproses makin meningkat dan industri ini telah menunjukkan perkembangan yang pesat.

Di antara tahun 1986 dan 1987 jumlah nilai bahan-bahan makanan diproses yang dieksport telah meningkat dari \$5,321,992.100 dalam 1986 kepada \$6,750,982.200 dalam tahun 1987. Ini menunjukkan kenaikan sebanyak 26.85%. Dalam tahun 1987 (Januari-September) pula, jumlah nilai eksport makanan diproses ialah \$4,512,317.000 dan seterusnya naik kepada \$6,001,924.000 dalam tahun 1988 (Januari-September) iaitu kenaikan sebanyak 33.0%. Negara-negara pengimport utama selain daripada Singapura dan Jepun ialah Amerika Syarikat dan Netherlands.

- (b) Di antara bahan-bahan makanan yang diproses yang paling banyak dieksport keluar negeri dalam tahun 1988 (Januari-September) ialah:

| <i>Bahan-bahan Makanan</i> | <i>Eksport (Nilai '000)</i> |
|---|---------------------------------|
| (i) Lain-lain Minyak Sayuran "Fixed" | 3,366,068.0 |
| (ii) Minyak Bina-tang/Sayuran, Diproses dan Lilin | 792,137.0 |
| (iii) Koko dan Perse-diaan Koko | 695,664.0 |

SYARIKAT INSURANS— PEMERIKSAAN

16. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan telah menyiasat kegiatan dan kedudukan kewangan syarikat-syarikat Insurans di negara ini untuk mengelakkan penyelewengan dan penipuan terjadi di industri insurans. Jika ya, bilakah siasatan itu dibuat dan apakah kandungan siasatan itu. Jika tidak, mengapa.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Pemeriksaan ke atas syarikat-syarikat

insurans adalah merupakan amalan biasa Bank Negara Malaysia bagi memenuhi tanggungjawabnya sebagai pengawas industri insurans. Pemeriksaan ini dijalankan dari masa ke semasa bagi menilai prestasi syarikat-syarikat insurans dan juga bagi memastikan pematuhan mereka ke atas Akta Insurans 1963. Butir-butir mengenai pemeriksaan itu tidak dapat diumumkan kerana ia dibuat secara rahsia sejajar dengan peruntukan Seksyen 18(1) Akta Insurans, 1963.

SEKOLAH MENENGAH BARU DI KUALA PENYU

17. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah Kerajaan hendak mendirikan sebuah sekolah menengah di Kuala Penyu, Sabah. Adakah beliau sedar bahawa sekolah yang ada pada masa ini tidak lagi mampu menampung keperluan dan permintaan penuntut-penuntut yang semakin bertambah di daerah Kuala Penyu ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan projek Sekolah Menengah baru iaitu SMK Menumbok, Kuala Penyu yang mempunyai kemudahan 20 bilik darjah dan lain-lain akan dimulakan pada tahun ini (1989). Buat masa ini projek tersebut sedang dalam proses penawaran tender oleh JKR Sabah.

BAS SEKOLAH

18. Tuan Hashim bin Safin minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapakah jumlah bas-bas sekolah di Seluruh Malaysia. Berapakah jumlah bas yang masih belum mematuhi peraturan cat warna "kuning tanah" (amber yellow) dan apakah tindakan ke atas pengusaha tersebut.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah lesen bas sekolah di Seluruh Malaysia sehingga bulan Disember 1988 ialah sebanyak 10,562. Sehingga ini semua bas sekolah yang telah diberi lesen dan menjalankan operasi yang sah sebagai bas sekolah telah dicat dengan warna "amber".

Peraturan warna "amber" adalah wajib di bawah Kaedah-Kaedah Bas Sekolah (Warna dan Tanda) 1987. Pemegang-pemegang lesen atau pengusaha-pengusaha bas sekolah boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi \$1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 bulan sekiranya kesalahan mereka disabitkan kerana tidak mematuhi peraturan tersebut. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan boleh juga mengambil tindakan untuk membatalkan lesen-lesen mereka.

LESEN IMPORT MERCUN

19. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bila dan berapa banyakkah lesen-lesen yang telah dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Polis Sabah kepada ahli-ahli Perniagaan di Kota Kinabalu. Sandakan dan Tawau untuk mengimpot Mercun untuk dijual pada masa musim perayaan Tahun Baru Cina yang lalu;
- (b) mengapakah pengharaman untuk menjual mercun di Sabah hanya ditarik balik dua hari sebelum hari pertama perayaan Tahun Baru Cina yang lalu.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada musim perayaan Tahun Baru Cina yang lalu, Pesuruhjaya Polis Sabah telah mengeluarkan sebanyak 15 lesen

mengimpot mercun kepada ahli-ahli perniagaan di Kota Kinabalu. Sandakan dan Tawau. Bagi sesuatu musim perayaan, jika kelonggaran pembakaran mercun diberikan, Kerajaan hanya membenarkan penjualan mercun selama dua atau tiga hari sahaja menjelang sesuatu musim perayaan itu. Ini termasuklah Hari Tahun Baru Cina dan syarat sedemikian bukan sahaja dikenakan di Sabah tetapi juga meliputi negeri-negeri yang lain.

PEMEGANG KAD PENGENALAN MERAH

20. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan kad pengenalan merah dalam negara yang telah diberi taraf kerakyatan semenjak merdeka.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Semenjak Merdeka hingga 31-12-1988 seramai 2,301,635 orang pemegang Kad Pengenalan Merah telah diberi taraf kerakyatan Malaysia.

BAYARAN DEPOSIT PILIHANRAYA

21. Tuan Hu Sepang minta Perdana Menteri menyatakan semenjak Suruhanjaya menambahkan bayaran wang deposit untuk pilihanraya peringkat Parlimen dan Dewan Negeri kepada \$5,000.00 dan \$3,000.00 masing-masing, berapakah wang deposit yang telah dipungut daripada orang-orang yang telah hilang wang deposit mereka dan bagaimanakah wang ini digunakan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Semenjak bayaran deposit bagi pilihanraya dinaikkan, sebanyak \$587,000.00 telah dipungut dari calon-calon yang hilang deposit dalam pilihanraya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Semua deposit

pilihanraya yang dipungut ini telah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Hasil Yang Disatukan.

PILIHANRAYA AMPANG JAYA—PERUNTUKAN KHAS SEKOLAH

22. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah wang peruntukan telah janji diberi kepada berbagai jenis sekolah di kawasan pilihanraya Ampang Jaya ketika kawasan Parlimen tersebut mengadakan kempen pilihanraya kecil baru-baru ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian daripada peruntukan yang telah dijanjikan kepada berbagai jenis sekolah di kawasan pilihanraya Ampang Jaya adalah di bawah peruntukan khas pilihanraya kecil berkenaan manakala sebahagian peruntukan lain pula adalah diuruskan menerusi Kementerian Pendidikan. Sekolah yang mendapat peruntukan Kementerian Pendidikan adalah sekolah SRJK (C) On Pong, Ampang Jaya dengan peruntukan sebanyak \$80,000 dan SRJK (C) Kg. Baru, Ampang Jaya dengan peruntukan sebanyak \$50,000.

FELDA SENDAYAN—GANTIRUGI KEPADA PENEROKA

23. Tuan Hu Sepang minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan seorang peserta FELDA Sendayan nombor peserta 1026 bernama Ho Yew Kim K/P: 2017631 dalam bulan Mac 1971, kebun getah yang diperuntukkan baginya telah terbakar dan telah merosakkan sebanyak 263 batang pokok getah dan selepas itu beliau ada membuat tuntutan insuran tetapi sehingga sekarang tidak ada apa tindakan; (a) mengapa begitu lama perkara ini diambil tindakan; (b) adakah pampasan sudah dibayar, jika sudah

bila; (c) jumlah wang dibayar; dan (d) jika dibayar mengapa wang tersebut tidak sampai ke tangan peserta.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): Tindakan untuk bayaran gantirugi bagi peneroka FELDA Sendayan, Encik Ho Yew Kim melalui Skim Insuran Ladang tidak dapat dibuat kerana rekod-rekod FELDA menunjukkan beliau tiada memohon gantirugi ke atas kebakaran tersebut.

Di samping itu, dari penyiasatan FELDA, didapati selepas kebakaran tersebut, pokok-pokok yang terlibat telah disapu dengan kapur. Peneroka tersebut telah memberhentikan penorehannya selama 6 bulan. Selepas dari tempoh tersebut, adalah didapati pokok-pokok tersebut telah pulih dan peneroka berkenaan telah menoreh semula pokok-pokok tersebut sehinggalah ditanam semula. Disebabkan pokok-pokok peneroka ini telah pulih dan boleh mengeluarkan hasil, tuntutan insuran pemulihan kawasan tidak disediakan. Perkara ini telah pun dijelaskan kepada peneroka berkenaan sewaktu beliau menemui Pengurus Rancangan dan Pejabat Wilayah FELDA untuk menuntut gantirugi ladangnya, pada bulan Februari yang lalu.

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN—LATIHAN GUNATENAGA

24. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah Kementeriannya melatih gunatenaga yang dapat menampung keperluan perindustrian negara amnya dan Pelan Induk Perindustrian khususnya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk merancang dan melaksanakan dasar strategi bagi

menampung keperluan perindustrian negara amnya dan Pelan Induk Perindustrian khususnya. Antara langkah-langkah yang sedang dijalankan adalah seperti berikut:

- (1) Bilangan Sekolah Menengah Vokasional telah ditambah dari 29 buah dalam tahun 1982 kepada 54 buah dalam tahun 1989.
- (2) Bilangan Politeknik juga telah ditambah dari 2 buah dalam tahun 1982 kepada 5 buah dalam tahun 1989. Politeknik melatih pelajar-pelajar menjadi juruteknik mahir di peringkat pertengahan di dalam pelbagai bidang Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Jentera, Kejuruteraan Perkapalan, Teknologi Makanan dan Perdagangan.
- (3) Kementerian Pendidikan juga mengambilkira syor-syor Pelan Induk Perindustrian yang telah menitikberatkan bidang-bidang elektro-mekanikal, kimia dan kejuruteraan pengeluaran. Sejalan dengan syor tersebut sekolah-sekolah Menengah Vokasional baru akan menawarkan kursus-kursus yang lebih mirip kepada bidang-bidang elektro-mekanikal. Politeknik-politeknik pula telah merancang untuk menawarkan beberapa kursus baru seperti Kejuruteraan Pengeluaran, kejuruteraan Pertanian, Kimia/Petrokimia, Teknologi elektro-mekanikal, Teknologi Kayu dan Teknologi Mencetak.

SAHAM PNB/ASN/LTAT/LUTH DI BURSA SAHAM KUALA LUMPUR

25. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Kewangan menyatakan sehingga ke hari ini, berapakah

bilangan saham-saham yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur yang dipegang oleh PNB, ASN, LTAT dan LUTH.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 1988, PNB telah melabur di dalam 74 buah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dengan jumlah harga pasaran sebanyak \$2,274 juta. Pada masa yang sama, ASN juga telah melabur di dalam 48 buah syarikat dengan jumlah harga pasaran sebanyak \$4,775 juta. Sementara LTAT pula melabur di dalam 56 buah syarikat dengan jumlah harga pasaran sebanyak \$1,001 juta. Bagi LUTH pula, setakat 28 Februari 1989, ianya memiliki saham di dalam 46 buah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dengan jumlah harga pasaran sebanyak \$505 juta.

TAWARAN TANAH KEPADA PERDANA MENTERI

26. Tuan Chian Heng Kai minta Perdana Menteri menyatakan sama ada B.P.R. menerima sebarang laporan daripada Y.B. Tuan Anwar Ibrahim bahawa ada Kerajaan Negeri tertentu pernah menawarkan tanah kepada beliau. Jika ya, bilakah laporan itu dibuat dan apakah perkembangan siasatan terbaru. Jika tidak, adakah B.P.R. berniat menyiasat kes yang didedah oleh Menteri Pendidikan itu, jika tidak, mengapa.

Tuan Othman bin Abdul: Jawapannya ialah "TIDAK". Dengan itu, soalan-soalan seterusnya tidak berbangkit.

SESI PERSEKOLAHAN

27. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pendidikan menyatakan bilakah rancangan Kementerianya mengadakan satu sesi persekolahan

sehari di sekolah-sekolah akan dilaksanakan. Sedarkah Menteri Pendidikan mengimplementasikan KBSM sekarang membawa pelbagai masalah-masalah pentadbiran dan kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah dua sesi sehari. Jika sedar, apakah langkah-langkah mengatasi masalah-masalah tersebut selain daripada memanjangkan masa sesi pagi dan masa sesi petang sahaja, suatu langkah yang sudah membebankan ibubapa-ibubapa ramai anak di sekolah.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan menyedari bahawa beberapa masalah telah timbul berikutan daripada pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di Tingkatan I di seluruh negara pada tahun ini. Bagi mengatasi masalah ini, langkah-langkah segera diambil untuk menambah bilik darjah. Jabatan Pendidikan Negeri dan sekolah diminta berunding dengan pihak-pihak tertentu untuk mengatasi masalah pengangkutan. Di samping itu, sekolah juga diberi kelonggaran untuk menyesuaikan jadual waktu supaya tidak menyusahkan pelajar dan ibu bapa. Kementerian Pendidikan sangat mengambil berat tentang masalah-masalah ini dan merancang untuk mengadakan sesi satu sidang untuk semua sekolah. Walau bagaimanapun, keadaan ini bergantung kepada kemampuan kewangan dan keupayaan untuk membina sekolah-sekolah tambahan dan baru. Dengan ini, Kementerian Pendidikan tidak dapat menetapkan tarikh muktamad untuk melaksanakan sesi satu sidang ini.

JAWATANKUASA PENYIASAT ANTI PENYELEWENGAN

28. Tuan Lau Dak Kee minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kesannya dapat dibuktikan oleh

Jawatankuasa Anti Penyelewangan (Ombudsman) bagi menyiasat kegiatan rasuah di kalangan ahli-ahli politik di negara ini, dan mengapa badan ini tidak diletakkan di bawah pengawasan dan penyeliaan suruhanjaya bebas yang bertanggungjawab kepada Parlimen.

Perdana Menteri: Jawatankuasa ini bukanlah sebuah Jawatankuasa penyiasat dan ia tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan dan menjatuhkan hukuman. Tujuan Jawatankuasa ini ialah untuk memperakukan kepada pihak Kerajaan akan langkah-langkah yang lebih berkesan bagi (a) mengurangkan kelemahan-kelemahan pengurusan kewangan dan pengurusan-pengurusan rancangan jabatan dan (b) meningkatkan kesedaran terhadap akauntabiliti. Akhirnya Jawatankuasa ini mungkin perlu mengeluarkan beberapa panduan dan arahan untuk ditimbang oleh Kerajaan.

KEJADIAN "AIRMISS" DI LAPANGAN TERBANG SUBANG

29. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada satu penyiasatan khas telah dibuat ke dalam dakwaan oleh seorang juruterbang kapalterbang MAS 747 yang pulang dari Madras bahawa beliau terpaksa mengambil tindakan mengelak daripada melanggar sebuah kapalterbang MAS 757 ketika kedua-dua kapalterbang tersebut ingin mendarat di Lapangan Terbang Subang, dan sila membentangkan satu penjelasan penuh mengenai peristiwa tersebut.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Soalan Yang Berhormat ini tidak begitu jelas kerana tarikh peristiwa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu tidak dinyatakan. Walau bagaimanapun saya berpendapat soalan yang cuba hendak

dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah berkenaan Laporan Akhbar pada 20 dan 25hb Januari, 1989 mengenai kejadian "airmiss" di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang Kuala Lumpur. Berhubung dengan perkara ini saya telah pun memberi penjelasan di Dewan yang mulia ini pada 20hb Mac 1989 ketika menjawab soalan Ahli dari Tanjung Aru. oleh yang demikian, saya tiada apa-apa lagi yang hendak ditambah.

PELANGGAN TELEFON DI TAWAU

30. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) mengapa pada bulan-bulan kebelakangan ini para pelanggan telefon di Tawau terpaksa menghadapi masalah pemotongan talian telefon mereka tanpa notis walaupun mereka telah membayar penuh bil-bil mereka;
- (b) sama ada benar bahawa bayaran cengkeram bagi sebuah telefon yang menggunakan wang syiling 10 sen yang akan dipasang di kawasan per-sendirian ialah \$400.00, bayaran sewa sebanyak \$33.00 sebulan dan bayaran tambahan selanjutnya bagi panggilan tempatan ialah sebanyak 13 sen setiap 3 minit. Jika benar, apakah keuntungan atau faedah perkhidmatan tersebut kepada para pengguna.

Tuan Ong Tin Kim:

- (a) Semua pelanggan telefon termasuk di Negeri Sabah sentiasa diberitahu dan diingatkan dengan cara perjumpaan perseorangan, melalui media massa serta penerangan yang dihantar

bersama bil telefon supaya menjelaskan bil telefon mereka sebelum tarikh-tarikh tertentu. Adalah tidak dinafikan bahawa kadangkala ada juga berlaku tindakan pemotongan dibuat ke atas pelanggan yang telah menjelaskan bil mereka. Walau bagaimanapun jumlah kes seumpama ini adalah sedikit sahaja, dan biasanya merupakan pelanggan-pelanggan yang membayar bil mereka di kaunter bayaran setempat dan maklumat pembayaran itu lambat diterima oleh STM. Usaha-usaha sedang diambil untuk menyelaraskan perkara ini.

- (b) Talian telefon yang dipasang dengan kemudahan peti-pungut duit adalah dianggap sebagai talian perniagaan tidak kira di mana ianya dipasang. Dengan itu ianya adalah tertakluk kepada syarat-syarat perkhidmatan talian perniagaan. Di Sabah syarat-syarat perkhidmatan talian telefon untuk kegunaan perniagaan adalah seperti berikut:

Sewa telefon dalam lingkungan 4 km. dari ibu pesawat adalah di antara \$28.00 sampai \$33.00.

Cengkeram bagi \$300.00 perniagaan perseorangan dan perkongsian

Syarikat Sendirian \$400.00 Berhad

Syarikat Awam .. \$500.00

Berkenaan bayaran penggunaannya adalah sama seperti telefon biasa di mana bagi setiap panggilan tempatan dikira sebagai 1 unit dan tidak dihadkan tempoh masanya. Faedah kepada pelanggan perkhidmatan seumpama ini adalah dari segi kawalan

penggunaan di mana setiap pengguna akan terpaksa membayar setiap panggilan yang dibuat.

LOCAL PURCHASE ORDER UNTUK TENTERA DI SARAWAK

31. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah "LPO" yang diperuntukkan untuk tentera anak tempatan negeri Sarawak tiap-tiap tahun;
- (b) mengapa jumlah LPO yang dibahagikan kepada pegawai tentera berbeza dengan tentera lain-lain pangkat (LLP); dan
- (c) adakah layanan yang diberikan untuk memproses LPO seorang pegawai tentera sama dengan yang diberi kepada lain-lain pangkat tentera (LLP).

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):

- (a) Jumlah "Local Purchase Order" (LPO) yang diperuntukkan untuk perkhidmatan tentera di Sarawak adalah di antara \$1,300,000.00 hingga \$2,000,000.00.
- (b) Peruntukan yang disediakan setiap tahun adalah khas untuk perbelanjaan bercuti di Sarawak/Sabah bagi perjalanan ke kawasan pendalaman yang tidak dapat dihubungi oleh kenderaan awam. Peruntukan diberi tidak berbeza di antara pegawai tentera ataupun lain-lain pangkat (LLP) berdasarkan kelayakan masing-masing. Pembayaran LPO yang diterima oleh setiap anggota adalah mengikut tarif yang telah ditetapkan oleh pengusaha-pengusaha bot pendalaman.

(c) Layanan yang diberikan untuk memproses LPO seseorang pegawai tentera dengan lain-lain pangkat (LLP) adalah sama, berdasarkan kepada polisi yang dikeluarkan oleh Angkatan Tentera Malaysia dan mengikut kelayakan bercuti sepertimana yang terkandung dalam arahan yang sedang berkuatkuasa mengikut Perintah Majlis Angkatan Tentera.

TAHANAN/ORANG DITANGKAP DI BAWAH ISA

32. Tuan P. Patto minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan orang (i) lelaki (ii) perempuan yang ditangkap di bawah Seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri setiap tahun sejak 1957 sehingga sekarang;
- (b) jumlah bilangan orang (i) lelaki (ii) perempuan yang telah ditangkap di bawah Seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri yang diperintah ditahan di bawah Seksyen 8 (1) Akta tersebut oleh Menteri Dalam Negeri dalam setiap tahun sejak 1957 sehingga sekarang;
- (c) jumlah bilangan orang (i) lelaki (ii) perempuan yang telah diperintah ditahan di bawah Seksyen 8 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri yang masih dalam tahanan, dengan memberi butir-butir lanjut mengenai tempat tahanan mereka serta lamanya setiap orang itu ditahan hingga sekarang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

(a) Jumlah bilangan orang-orang yang ditangkap di bawah

Seksyen 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri sejak tahun 1960 sehingga 6 Mac 1989 adalah seramai 9,137 orang.

(b) Jumlah bilangan orang-orang yang ditahan di bawah Seksyen 8 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri sejak tahun 1960 hingga 6 Mac, 1989 adalah seramai 3,340 orang.

(c) Bilangan orang-orang yang masih ditahan di bawah Seksyen 8 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah seramai 70 orang. Dari jumlah ini, 60 orang ditahan di Pusat Tahanan Perlindungan Taiping sementara 10 orang lagi di Tempat Tahanan Polis. Soal yang penting bukanlah berapa lama mereka ditahan tetapi sejauh mana mereka tidak lagi menimbulkan ancaman kepada keselamatan negara.

MINYAK KELAPA SAWIT— KEMPEN MEMPOPULARKAN

33. Dato' Haji Mohd. Abu Bakar Rautin Ibrahim minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah kesan kempen mempopularkan minyak kelapa sawit di negara Amerika Syarikat dan Eropah.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Dr Lim Keng Yaik): Sebenarnya kita berjaya mempopularkan minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat dan Eropah serta beberapa pasaran lain di dunia melalui usaha-usaha seperti misi perdagangan dan teknikal untuk memperkenalkan penggunaan minyak kelapa sawit dalam berbagai bidang pemakanan. Kejayaan kita telah menyebabkan setengah pihak di Amerika Syarikat seperti Persatuan Kacang Soya Amerika (ASA) dan lain-lain badan yang menyokongnya

berasa terancam dan mengambil tindakan melancarkan kempen anti minyak kelapa sawit dan lain-lain minyak tropika dengan tujuan mencemarkan imej minyak kelapa sawit supaya minyak kacang soya dapat mempertahankan dan memperbesarkan syernya di pasaran minyak dan lemak dunia.

Setakat ini, kita berjaya mendapat sokongan daripada Pentadbiran Amerika Syarikat untuk menentang Rang Undang-undang yang menggunakan isu kesihatan dalam usaha mendiskriminasi minyak kelapa sawit dan minyak tropika lain. Selain daripada itu, pihak Pentadbiran Makanan dan Dadah Amerika Syarikat (FDA) juga telah menolak dakwaan pihak ASA bahawa minyak kelapa sawit mempunyai kesan-kesan yang buruk kepada kesihatan atas sebab dakwaan-dakwaan ASA tersebut tidak mempunyai asas yang saintifik.

Namun demikian di peringkat pengguna pihak ASA dan badan-badan yang menyokongnya masih terus menjalankan usaha-usaha mereka membuat dakwaan-dakwaan yang tidak benar mengenai minyak kelapa sawit dan minyak tropika yang lain melalui media massa di samping memujuk para pengguna membuat penekanan ke atas pengusaha-pengusaha dalam sektor pemakanan supaya mereka tidak ada menggunakan minyak kelapa sawit dan minyak tropika lagi. Dengan taktik tersebut beberapa syarikat pengusaha di Amerika Syarikat telah berhenti menggunakan minyak kelapa sawit dan minyak tropika lain.

Untuk membanteras kempen propaganda ASA tersebut, beberapa langkah telah diambil oleh Malaysia. Langkah-langkah tersebut termasuk menyebarkan kepada para pengguna dan pengusaha-pengusaha fakta-fakta sebenar mengenai minyak kelapa

sawit dan juga penemuan kajian-kajian terbaru yang telah membuktikan nilai khasiat minyak kelapa sawit dan juga kesan-kesan minyak kelapa sawit dalam mengurangkan kolesterol darah serta mencegah penebalan saluran darah (anti-thrombotic). Selain daripada menyebarkan maklumat-maklumat tersebut kepada para pengguna dan pihak pengusaha secara langsung, baru-baru ini, Malaysia juga telah mengadakan iklan-iklan dalam akhbar-akhbar dan majalah di Amerika Syarikat untuk membetulkan maklumat-maklumat tidak benar mengenai minyak kelapa sawit yang disebarkan oleh ASA.

Sejak dua tahun yang lalu, Malaysia telah melipat gandakan projek-projek penyelidikan yang melibatkan saintis-saintis Amerika supaya mereka dapat mengesahkan sendiri iaitu minyak kelapa sawit sebenarnya bukan seperti minyak yang diburuk-burukkan oleh pihak ASA dan penyokong-penyokongnya itu. Beberapa penemuan yang telah diperolehi dari kajian-kajian tersebut telah pun diumumkan dan bagi kajian-kajian yang belum diselesaikan, penemuan kajian-kajian ini akan diumumkan sebaik sahaja ia diperolehi.

Suka saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa kita telah mengumpulkan maklumat mengenai minyak kacang soya yang boleh mendedahkan kelemahan minyak kacang soya dari segi kesihatan. Kita sedang merancang supaya memberikan kepada para pengguna dan pihak pengusaha maklumat-maklumat tersebut untuk membawa kesedaran kepada mereka bahawa minyak kacang soya mempunyai kesan-kesan yang buruk bagi kesihatan juga. Saya yakin bahawa pihak ASA telah mulai menyedari bahawa kempennya memburuk-burukkan imej minyak kelapa sawit dan minyak tropika akhirnya akan membawa kesan yang buruk kepada minyak kacang soya

sendiri. Semasa lawatan saya ke Amerika Syarikat baru-baru ini, pengusaha-pengusaha dalam industri pemakanan telah menyuarakan kekhawatiran iaitu kempen ASA yang berlanjutan itu akan membawa akibat buruk kepada bukan sahaja minyak kelapa sawit bahkan kepada kesemua jenis minyak dan lemak di dalam pasaran dunia termasuk minyak kacang soya sendiri. Oleh itu, mereka telah menyatakan keinginan mereka untuk membantu Malaysia supaya kempen anti-minyak kelapa sawit dan minyak tropika yang lain dihentikan oleh pihak-pihak berkenaan.

Kita sedar bahawa minyak kelapa sawit telah diberikan layanan yang tidak adil bukan sahaja di Amerika Syarikat bahkan di tempat-tempat yang lain. Untuk menyelesaikan masalah ini, kita akan berusaha sedaya-upaya untuk memastikan masalah tersebut tidak akan menghalang eksport minyak kelapa sawit ke pasaran dunia atau menghalang minyak kelapa sawit negara dari bersaing dengan minyak dan lemak yang lain berasaskan harga dan mutu.

JAMBATAN SUNGAI BATU KAWA—REKABENTUK

34. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada rekabentuk bagi jambatan Batu Kawa di bahagian pertama, Sarawak, telah siap disediakan, dan sila beritahu lokasi tetap bagi Jambatan itu, serta tarikh sasaran untuk projek ini siap dibina.

Tuan Luhut Wan: Juruperunding bagi menyediakan rekabentuk jambatan sungai Batu Kawa telah pun dilantik pada bulan Disember 1988 yang lalu. Rekabentuk Jambatan tersebut dijangka dapat disiapkan dalam tempoh setahun. Tawaran tender bagi pembinaan Jambatan

ini akan dipanggil pada awal tahun 1990 ini. Jika semua kerja-kerja tersebut berjalan mengikut jadual, pembinaan Jambatan tersebut dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh 2 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jambatan ini adalah dicadangkan dibina berhampiran dengan kawasan pertemuan Jalan Batu Kawa dengan Sungai Sarawak.

NELAYAN ASING MASUK PERAIRAN MALAYSIA

35. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan-tindakan yang diambil bagi menghapuskan nelayan-nelayan asing yang masuk ke perairan kita (territorial waters) mengikut undang-undang negara dan undang-undang antarabangsa.

Dato Alexander Yu Lung Lee: Tindakan-tindakan yang diambil adalah:

- (a) Membuat hebahan kepada negara asing melalui saluran diplomatik berkaitan penguatkuasaan Akta Perikanan 1985.
- (b) Menguatkuasakan Akta Perikanan 1985;
 - (i) Menangkap, menahan dan mendakwa nelayan asing yang mencero boh perairan negara.
 - (ii) Pengawasan oleh Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim dalam menyelaras gerakan unsur laut dan udara semua agensi penguatkuasaan Kerajaan.
 - (iii) Mendaftar vesel penangkapan ikan asing yang membuat pelayaran laluan ikhlas di perairan negara.

PUSAT KRAFTANGAN KUALA LUMPUR

36. Tuan Haji Abdul Razak Bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan apakah fungsi dan peranan Pusat Latihan dan Bengkel Kraftangan Kuala Lumpur di Kampung Semarak yang telah dirasmikan pembukaannya sempena Hari Pelancaran SEMARAK dalam sedikit masa dahulu. Sejauh manakah bengkel ini dapat membantu memajukan industri kraftangan dan pelancongan di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Pusat Kraftangan Kuala Lumpur di Kampung Semarak telah dirasmikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia pada 20 November 1988 bersempena dengan pelancaran Kempen Semarak di Peringkat Wilayah Persekutuan.

Pusat Kraftangan ini mempunyai 13 buah bengkel yang menjalankan kerja-kerja kraftangan seperti kraf tempurung kelapa, membuat batik, anyaman dan bunga, barangan yang dibuat daripada rotan, "ceramic pottery", kraf kulit, "stained glass", barangan perak dan lain-lain lagi. Pembinaan Pusat Kraftangan ini telah menelan belanja sebanyak \$300,000.00. Ini termasuk kerja-kerja pembinaan jalan dan juga pengindahan.

Pusat Kraftangan ini adalah satu Pusat Kraftangan yang unik, di mana bengkel-bengkel yang berkenaan bukan sahaja membuat kraftangan dan menjualnya, akan tetapi ianya juga mengadakan kemudahan latihan kepada belia-belia dan juga masyarakat setempat yang ingin menjadikan kraftangan sebagai sumber pendapatan tetap dan juga pendapatan tambahan. Kerajaan berkeyakinan Pusat Kraftangan ini akan mendapat sambutan dari orang

ramai dan juga pelawat-pelawat asing memandangkan ianya mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

Dalam hubungan ini, langkah yang telah diambil untuk memajukan Industri Kraftangan dan Pusat Kraftangan ini ialah:

Pihak pengusaha-pengusaha bengkel ini telah pun menubuhkan satu Jawatankuasa Bersama untuk membincangkan segala masalah, mengadakan perancangan dan mengatur beberapa strategi bagi menjalankan kerja-kerja promosi, publisiti dan juga menyelaraskan dengan lain-lain agensi-agensi Kerajaan yang terlibat di dalam bidang Industri Pelancongan di mana Sekretariatnya ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Memperbanyakkan lagi jenis-jenis kraftangan dan Pusat Kraftangan ini di mana masih terdapat tanah-tanah kosong di sekitar bengkel-bengkel yang tersedia ada.

Mengadakan kemudahan-kemudahan riadah dan lain-lain aktiviti kebudayaan tempatan sebagai daya tarikan.

Memberikan publisiti kepada Pusat Kraftangan ini dengan kerjasama Perbadanan Pelancongan Negara dan juga Persatuan Hotel-hotel Malaysia.

Mengadakan Kempen Mesra di kalangan pengusaha-pengusaha bengkel sebagai daya tarikan kepada pengunjung-pengunjung dari dalam dan luar negara.

BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH—PENGUNAAN

37. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Kehakiman menyatakan:

(a) penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah. Bilakah akan

dilaksanakan sepenuhnya. Bagaimana kemajuan yang dicapai oleh Jawatankuasa yang dibentuk baru-baru ini; dan

- (b) apakah langkah yang diambil untuk menyelaraskan antara Undang-undang Sivil dengan Undang-undang Syariah di negara kita dan sejauh manakah penyelarasan tersebut dibuat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sin):

- (a) (i) Oleh kerana beberapa fakta berhubung dengan pencapaian keadilan sejati Kerajaan belum lagi dapat membuat ketetapan bilakah Bahasa Malaysia sahaja boleh digunakan sepenuhnya di Mahkamah-mahkamah di Malaysia. Dalam hubungan ini Seksyen 8, Akta Bahasa Kebangsaan, 1963/67 (Akta 32) memberi kelonggaran kepada mahkamah berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia.

- (ii) Walaupun terdapat kelonggaran ini, namun tindakan-tindakan positif sedang dan akan terus diambil untuk mempercepat dan melicinkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya di semua peringkat mahkamah. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (1) Semenjak bulan September 1987 semua undang-undang yang digubal adalah diterbitkan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Teks Bahasa Malaysia adalah teks yang sah.

- (2) Jabatan Peguam Negara sedang menjerjemahkan semua undang-undang yang digubal sebelum September 1987 dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia.

- (3) Mewujudkan Biro Terjemahan di Jabatan Kehakiman mulai tahun 1984 dan di antara tugasnya adalah membuat terjemahan semua kes-kes Mahkamah Agung dan Mahkamah Tinggi ke Bahasa Malaysia.

- (4) Surat Pekeliling telah dikeluarkan kepada semua Mahkamah Rendah menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam kes-kes yang dibicarakan oleh Mahkamah-mahkamah tersebut.

- (5) Bahasa Malaysia digunakan untuk surat-menyurat serta pekeliling-pekeliling dan pentadbiran harian.

- (6) Surat telah dikeluarkan kepada Majlis Peguam mengarahkan supaya menasihatkan Peguam-peguam menggunakan Bahasa Malaysia dalam urusan surat-menyurat mengenai mahkamah.

- (iii) Kemajuan yang dicapai oleh Jawatankuasa berhubung dengan perkara ini sangatlah menggalakkan.

- (b) Satu Jawatankuasa mengkaji Undang-undang Syariah dan Undang-undang Sivil telah

ditubuhkan oleh Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam pada bulan April 1988. Jawatankuasa tersebut telah menubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal di bawahnya yang ditugaskan memberi keutamaan kepada kajian dan penyelarasan semua Undang-undang Syariah di negeri-negeri. Setakat ini Jawatankuasa Teknikal telah membuat cadangan pindaan kepada Undang-undang Keluarga Islam dan Undang-undang Pentadbiran Hukum Syariah supaya semua Undang-undang negeri dapat diseragamkan.

KESESAKAN LALULINTAS DI KUALA LUMPUR

38. Tuan Haji Abdul Razak Bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah masalah kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur diatasi sepenuhnya berikutan dengan terbinanya lima buah persimpangan bertingkat kelak. Apakah program-program tertentu yang telah dicadangkan oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah ini pada masa ini dan pada masa yang akan datang.

Drs Suleiman bin Mohamed: Setakat ini, bulatan-bulatan yang sedia ada di Bandaraya Kuala Lumpur mempunyai keupayaan (capacity) yang terhad dan ini tidak mencukupi untuk menampung bilangan lalulintas yang melaluinya, khususnya pada tempoh masa puncak (peak hours). Oleh yang demikian, kesesakan lalulintas di situ sentiasa berlaku. Boleh dikatakan bahawa bulatan-bulatan sekarang telah menjadi satu "bottle neck" kepada pengaliran lalulintas di beberapa jalan utama di Kuala Lumpur seperti Jalan Cheras, Jalan Loke Yew, Jalan Maharajalela, Jalan Tun Razak dan Jalan Pahang. Dengan

membina semula bulatan-bulatan ini menjadi persimpangan-persimpangan bertingkat, keupayaan menampung bilangan lalulintas akan dipertingkatkan dan pengaliran lalulintas melaluinya dijangka lebih lancar. Dalam erti kata lain, kesesakan lalulintas di beberapa jalan utama yang disebutkan tadi akan berkurangan meskipun tidak dapat diatasi sepenuhnya.

Dalam usaha mengurangkan masalah kesesakan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur, Kerajaan telah mencadangkan program-program jangka panjang seperti berikut:

(i) *Program Pelaksanaan Projek Pembangunan Jalanraya*

Berdasarkan kepada kajian pelan induk pengangkutan yang telah dijalankan, peringkat pembaikan jalan dan pembinaan jalan-jalan baru telah dirangka berpandukan strategi Pilihan Pelan Struktur Kuala Lumpur. Cadangan-cadangan yang telah dikenalpasti menerusi kajian ini adalah memerlukan pelaburan pokok lebih kurang M\$989.50 juta dalam jangka masa 11 tahun akan datang. Strategi dalam usaha berterusan di dalam pembangunan jalanraya ialah:

- (a) cadangan Jalan "Northern Route", dari Jalan Pahang ke Jalan Ulu Kelang yang akan melalui Taman Air Panas dan Taman Setia-wangsa;
- (b) cadangan Jalan "Eastern Route", dari Jalan Imbi ke Jalan Genting Kelang di sebelah timur Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur;

(c) cadangan Jalan Lingkar Tengah II. Dahulunya dinamakan "Outer Ring Road" di sekeliling sempadan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

(ii) *Program Memperbaiki Sistem Pengangkutan Awam*

Perlu dinyatakan bahawa usaha berterusan untuk membina jalan-jalan dan jejambatan-jejambatan untuk mengadakan pengaliran lalu lintas yang berterusan, tidak semestinya akan mengatasi masalah pengangkutan bandaraya. Jalan-jalan baru tidak akan mengatasi sepenuhnya masalah kesesakan lalu lintas. Ia hanya membolehkan pengaliran lalu lintas. Selain daripada itu, ia juga akan menarik lebih lalu lintas dan menggalakkan pemilikan kereta persendirian. Oleh yang demikian, satuimbangan mesti diadakan di antara beberapa cara-cara seperti pembaikan pengangkutan awam, sistem jalan yang baik serta polisi sekatan penggunaan kereta persendirian.

Dalam konteks memperbaiki sistem pengangkutan awam, Kerajaan telah bercadang untuk mewujudkan sistem-sistem pengangkutan awam yang moden dan berkesan untuk mengangkut manusia. Kajian pelan induk pengangkutan telah mengenalpasti bahawa anjakan mode sebanyak 40% daripada pengangkutan persendirian kepada pengangkutan awam adalah tahap dasar yang paling minima untuk mewujudkan keadaan lalu lintas yang selesa pada tahun 2000.

PEMBEDAHAN CORONARY BY-PASS KEPADA PERDANA MENTERI

39. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah benar berita yang mengatakan para doktor telah menasihatkan Y.A.B. Perdana Menteri menjalani pembedahan pintasan Koronari di luar negeri tetapi pembedahan itu telah dilakukan dalam negeri. Apakah risikonya dan berapakah jumlah kejayaan dan kegagalan pembedahan yang serupa itu di Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Adalah tidak benar bahawa Y.A.B. Perdana Menteri telah dinasihatkan menjalani pembedahan coronary by-pass di luar negeri. Memandangkan kepada keupayaan, kemudahan dan kepakaran yang terdapat di Hospital Besar, Kuala Lumpur, beliau telah diberi pilihan sama ada hendak menjalani pembedahan itu di dalam negeri atau di luar negeri. Pilihan menjalani pembedahan di dalam negeri adalah keputusan YAB Perdana Menteri sendiri. Sejak tahun 1982 sebanyak 223 kes pembedahan pintasan koronari telah dijalankan di Hospital Besar Kuala Lumpur, dan hanya 6 orang pesakit telah meninggal dunia semasa 1 hingga 3 hari selepas pembedahan. Purata kejayaan kita ini adalah setanding dengan purata kejayaan di negara-negara yang lain.

**IKLAN MEROKOK—
MENGURANGKAN**

40. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kementerian merundingkan dengan Kementerian Penerangan dan Penyiaran supaya bekerjasama bertujuan mengurangkan semua rancangan dan iklan yang membayangkan tabiat merokok. Apakah rancangan Kementerian Kesihatan sendiri pada tahun 1989 dan 1990 untuk menghapuskan tabiat merokok di kalangan rakyat Malaysia.

Dato' K. Pathmanaban: Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan amat menyedari akan bahaya serta masalah tabiat merokok di negara ini. Kementerian Kesihatan memang telah mengadakan rundingan dengan Kementerian Penerangan. Hasil dari rundingan-rundingan tersebut, di antaranya ialah larangan mengiklankan iklan rokok melalui radio dan televisyen mulai tahun 1982. Syarikat-syarikat yang berkenaan hanya dibenarkan mengiklankan barang-barang dan perkhidmatan yang lain yang disediakan olehnya.

Kementerian Kesihatan telah bertindak melarang kakitangannya, orang awam serta pesakit-pesakit daripada menghisap rokok di kawasan tertentu di hospital-hospital dan klinik-klinik Kerajaan. Pendidikan kesihatan serta perkhidmatan kaunseling juga diberikan kepada pesakit-pesakit oleh pegawai-pegawai perubatan dan kakitangan pendidikan kesihatan.

Dari masa ke semasa pameran-pameran kesihatan juga diadakan dan Kementerian juga berkerjasama dengan agensi-agensi lain seperti Persatuan Perubatan Malaysia dalam kempen-kempen serta aktiviti-aktiviti lainnya untuk meningkatkan lagi kesedaran masyarakat berkenaan bahaya merokok. Kesemua rancangan-rancangan yang sedang berjalan ini akan terus dipertingkatkan pada tahun 1989 dan 1990.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan juga buat masa ini sedang mengkaji serta merancang satu rancangan pencegahan dan kawalan penyakit tidak berjangkit secara komprehensif, di mana salah satu bidang utama penekanan adalah rancangan kawalan tabiat merokok terutamanya kepada golongan muda.

KOMPLEKS PPH—PEMBINAAN

41. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan

kenapa projek pembinaan Kompleks PPH di Jakar, Sarikei, Sarawak dihentikan setelah \$15 juta dibelanjakan, seperti yang ditegur dalam Perenggan 163, Laporan Ketua Audit Negara atas Akaun Kerajaan Persekutuan 1986.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Projek pembinaan Komplek PPH di Jakar, Sarikei, Sarawak dihenti pada 1983 kerana kemelesetan ekonomi negara ketika itu.

BANJIR MELANDA PADI

42. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan Kementerian ini terhadap masalah-masalah petani di setengah-setengah kawasan, misalnya masalah banjir melanda padi di masa padi sedang menbuah, dan kemarau di masa padi sedang membesar dan penyakit-penyakit rendah dan serangga.

Dato' Alexander Yu Lung Lee: Perusahaan penanaman padi dan masalah bencana alam seperti banjir, kemarau dan penyakit-penyakit yang dihadapi oleh petani-petani kita sentiasa diberi perhatian dan sentiasa diawasi dengan rapi oleh Kementerian.

Bagi petani-petani yang mengalami kemusnahan tanaman padi mereka oleh kerana dilanda banjir, Kementerian melalui agensi-agensinya memberi bantuan biji benih dan baja untuk membolehkan petani-petani menanam semula atau memulih tanaman padi mereka pada musim berikutnya. Pada musim banjir tahun lalu, agensi-agensi seperti MADA dan KADA telah memberi bantuan biji benih dan baja kepada petani-petani yang tanaman padi mereka musnah oleh banjir.

Di samping itu, bekalan air ke sawah-sawah sentiasa diurus dengan sebaiknya supaya tanaman padi yang diusahakan mengeluarkan hasil yang baik. Bagi memastikan pengurusan

bekalan air ini dapat berjalan dengan kemas dan lancar, penjadualan tanaman terlebih dahulu disediakan dan dihebahkan kepada semua petani. Petani-petani yang mematuhi jadual penanaman yang sediakan tidaklah menghadapi masalah kekurangan air ketika padi sedang membesar. Masalah ketiadaan bekalan air lazimnya timbul kepada petani-petani yang mengusahakan tanaman mereka lewat dari yang dijadualkan. Di kawasan-kawasan di mana bekalan air tidak mencukupi, bekalan air dapat disalurkan ke sawah-sawah secara mengadakan bantuan pam-pam bergerak dan mengepam air dari punca bekalan air yang berhampiran.

Dalam pengurusan serta kawalan penyakit dan serangga perosak, petani-petani sentiasa dilatih dan didedahkan kepada teknologi baru dan diberi khidmat nasihat serta tunjuk ajar. Dalam pada itu sekiranya berlaku penyakit tanaman yang merbahaya atau yang merupakan wabak, tindakan kawalan diambil serta merta dan petani-petani dibekalkan racun-racun dan peralatan-peralatan yang sesuai untuk menghapuskan penyakit berkenaan.

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN—PENCAPAIAN

43. Tuan Ong Tee Keat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat mana berjayanya Pelan Induk Perindustrian dan apakah masalah atau rintangan yang kita hadapi dalam usaha melaksanakan pelan induk tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M.G. Pandithan): Berpandukan kepada pencapaian pada tahun 1986, 1987 dan 1988, sektor industri elektronik dan elektrik, tekstil dan pakaian, besi dan keluli, keluaran getah serta keluaran kimia masing-masing mencatatkan prestasi eksport

yang menggalakkan dan melebihi paras eksport dari yang diramalkan oleh PIP. Bagi lain-lain kumpulan industri, prestasinya juga menggalakkan tetapi perbezaannya tidaklah sebegitu besar jika dibanding diantara ramalan PIP dengan prestasi sebenar.

Sungguhpun banyak kejayaan telah dicapai, namun begitu negara masih menghadapi beberapa masalah dalam sektor perindustrian. Masalah-masalah utama adalah seperti kekurangan keupayaan teknologi tempatan untuk menyokong pembangunan industri negara, kekurangan kemudahan asas yang mencukupi bagi menggalakan lagi pertumbuhan industri di kawasan-kawasan yang kurang maju, aspek kekurangan tenaga mahir yang diperlukan oleh setengah-setengah industri yang "sophisticated" dan Teknologi Tinggi, kekurangan sokongan R & D serta industri sokongan dalam sektor pembuatan serta kekurangan peruntukan Kerajaan untuk melaksanakan segala perakuan yang disarankan oleh PIP.

Kerajaan sedar akan rintangan-rintangan ini, namun begitu akan terus berusaha untuk memberbaikinya. Beberapa langkah seperti menyediakan galakan-galakan untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti P & D, pendedahan kepada teknologi baru, meningkatkan aktiviti-aktiviti R & D, promosi eksport serta beberapa langkah lain akan terus dilaksanakan. Melalui langkah-langkah ini Kerajaan berkeyakinan masalah dan rintangan yang dihadapi itu akan dapat diatasi secara berperingkat-peringkat demi untuk memajukan lagi sektor pembuatan negara.

Dengan kedudukan ini Kerajaan berkeyakinan bahawa PIP yang dilancarkan pada tahun 1986 akan terus membawa banyak faedah serta memberi sumbangan ke arah meningkatkan lagi tahap pencapaian ekonomi negara keseluruhannya.

MUSTAKIZAH BINTI HAJI JAAFAR—SIASATAN KEMATIAN

44. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah benar bahawa Timbalan Menteri Dalam Negeri tidak terlibat dalam pembunuhan seorang eksekutif perempuan dari Golden Star, di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Penyiasatan ke atas kematian Cik Mustakizah binti Haji Jaafar, seorang eksekutif perempuan dari Golden Star seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sedang dalam siasatan polis. Dengan yang demikian, saya tidaklah bercadang untuk memberi jawapan lebih lanjut kerana ini akan menjejaskan penyiasatan tersebut.

PENJENAYAH MELARIKAN DIRI

45. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan terhadap penjenayah-penjenayah Rakyat Malaysia yang sempat lari keluar ke negara asing, adakah mereka ia telah meringankan tanggungjawab Kerajaan untuk mendapatkan mereka ditarik balik ke Malaysia atau ianya sentiasa diburu. Untuk mendapatkan penjenayah yang lari keluar negeri adakah melalui saluran Kerajaan dengan Kerajaan semata-mata atau ada dengan cara lain, berapa ramaiakah penjenayah-penjenayah rakyat Malaysia yang masih belum ditangkap yang masih berada di negara asing, dan mereka itu sejak bila lagi berhijrah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kesemua penjenayah rakyat Malaysia yang sempat melarikan diri ke negara-negara asing adalah sentiasa diburu untuk ditangkap dan tindakan para penjenayah melarikan diri ke negara-negara asing, sama sekali tidak dapat

meringankan bebanan Kerajaan, untuk menangkap mereka bagi dibawa balik ke Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cara untuk mendapatkan penjenayah-penjenayah yang lari ke negara-negara asing ialah dengan menggunakan perkhidmatan Polis Antarabangsa (Interpol). Di samping itu pihak Polis di Malaysia juga mempunyai perjanjian Ekstradisi dengan negara-negara berikut:

- (a) Thailand;
- (b) Republik Indonesia;
- (c) Amerika Syarikat;
- (d) Singapura; dan
- (e) Brunei.

Bagi negara-negara yang tidak mempunyai "teriti ekstradisi" kita juga boleh memohon supaya penjenayah-penjenayah tersebut dihantar balik ke Malaysia melalui saluran Kerajaan dengan Kerajaan yang mempunyai hubungan diplomatik.

Penjenayah-penjenayah rakyat Malaysia yang masih lagi belum ditangkap dan dipercayai masih berada di negara-negara asing masih lagi ramai. Pada tahun 1988 terdapat sejumlah 50 dan pada tahun 1989 pula adalah seramai 23 orang.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

PENGHARAMAN BUKU "SATANIC VERSES"

4.06 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (2) untuk mencadangkan supaya Majlis Dewan

Rakyat ditanggihkan untuk membincangkan satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan berhubung dengan Salman Rushdie pengarang buku "Satanic Verses" ataupun Ayat-ayat Syaitan.

Saya mohon izin untuk membacakan usul itu:

Bahawa Dewan ini mengutuk sekeras-kerasnya terhadap sikap Salman Rushdie mengarang buku "Satanic Verses" ataupun "Surah-surah Syaitan" yang mempersendakan agama Islam, memfitnah Rasulullah s.a.w., keluarga Baginda dan Nabi Ibrahim Alaihissalam.

Bahawa Dewan ini bersetuju untuk mengisytiharkan supaya hukuman bunuh dilaksanakan terhadap Salman Rushdie kerana perbuatan kufurnya yang telah menimbulkan kalam-kabut di kalangan umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, mengapakah Usul seperti ini saya kemukakan ke dalam Dewan yang mulia ini dan apakah perlunya Usul ini dibentang, dibahas dan diluluskan dalam sidang ini dengan segera.

Dalam negara kita hal-hal yang menyentuh agama, kaum, bahasa, budaya dan apa juga yang boleh menyentuh dan menyinggung perasaan kaum lain atau penganut agama lain atau perasaan orang lain dan hal-hal yang menyentuh adat dan agama kita sendiri yang boleh menyentuh hati kecil orang-orang yang sebangsa dan seagama dengan kita adalah dikira sensitif dan ia adalah salah mengikut Akta Hasutan yang telah diluluskan oleh Dewan ini sendiri selepas peristiwa celaka 13 Mei, 1969 dahulu.

Hal yang menyentuh sekolah sesuatu kaum memadai untuk menjadi alasan seseorang itu didakwa.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilakukan oleh penulis bacol, biadah, kufar Salman Rushdie melalui buku

bermutu rendah "Satanic Verses" ataupun Surah-surah Syaitan adalah jauh lebih durjana dari persoalan sekolah, bahasa, kebudayaan dan adat resam. Ia menyentuh tauhid, aqidah dan kesucian agama Islam, kesucian Al-Quran, kesucian dan kemuliaan Rasulullah s.a.w. dan keluarganya serta ia memperlekehkan Nabi Ibrahim, nama yang diterima oleh semua agama wahyu, Islam, Kristian dan Yahudi. Nabi Ibrahim ternyata suci dan mulia yang dirakamkan dalam empat kitab Allah iaitu Taurat, Zabur, Injil dan Quran.

Walaupun saya belum membaca kandungan buku itu lagi kerana ia belum sempat diterjemahkan ke Bahasa Malaysia dan kerana saya tidak tahu Bahasa Inggeris, tetapi tentangan saya terhadap buku dan pengarangnya tidak semestinya saya perlu membaca buku itu. Kasih saya kepada Allah s.w.t. dan Rasulullah s.a.w. pun berlaku semasa kita tidak pernah melihat wajah Allah s.w.t. dan bertemu dengan Rasulullah s.a.w. Cinta kita kepada Allah s.w.t. dan Rasulnya s.a.w. diikat oleh Iman semata-mata dan benci kita kepada Salman Rushdie dan bukunya adalah kerana iman juga walaupun kita tidak membacanya.

Kandungan buku Surah-surah Syaitan itu mempersenda perkara yang menyentuh Rukun Iman, perkara yang menjadikan seseorang itu Islam dan bukan Islam. Walaupun nilai sasteranya begitu rendah, tetapi sasarannya adalah iman setiap orang Islam. Memang bahan yang ditulisnya itu boleh menjadi bahan gurau dan kalau kanak-kanak pula membacanya, memungkinkan kanak-kanak pula menyambung senda-gurau dari perkara itu. Ini akan menyesatkan pula mereka. Bagi orang yang belum mengenali Islam termasuk orang Islam sendiri, dengan membacanya boleh terpesong langsung pendirian mereka.

"The Satanic Verses" adalah jelas sesat. Ia telah menyesatkan lagi berjuta-juta manusia termasuk penulis-penulis yang begitu maju di seluruh dunia khususnya di Eropah dan Amerika. Mereka sudahlah sesat dan mungkin boleh didekatkan dengan kebenaran yang benar. Mereka mencari kebenaran biasanya mungkin boleh bertemu kerana kini sarjana Islam ramai seperti di England dan Amerika yang boleh menjelaskan kebenaran yang sebenarnya wujud dalam Islam. Tetapi dengan ledakan buku Syaitan dan reaksi umat Islam terhadapnya menyebabkan peminat sastera yang bebas itu telah mempertahankan buku dan penulisnya, sekali gus mempertahankan kesatuan, maka mereka bertambah sesat lagi.

Sokongan kita atas usul ini tidak memalukan dan tidak juga mencemarkan.

Sedang Menteri-menteri Luar OIC di Saudi seminggu lalu sudahpun meluluskan ketetapan mengutuk buku Syaitan itu sebulat suara. Malah Perdana Menteri British, Puan Margeret Thatcher sendiri pun mulai memahami masalah yang menyayat hati umat Islam seluruhnya itu. Cuma beliau kini tidak mahu mendahului orang Islam untuk membuat tindakan. Kalau orang Islam sendiri pun tidak tegas atas hal ini dan masih berbalah, maka bagaimana pula Puan Thatcher harus mendahului orang Islam dalam perkara itu. Maka di sinilah perlunya orang Islam di negara ini menunjukkan sikapnya melalui Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, bahawa perkara ini adalah berkenaan kepentingan orang ramai kerana kandungan buku ini telah menyinggung perasaan orang Islam yang menjadi majoriti rakyat negara ini dan perkara seperti ini adalah termasuk perkara yang sensitif di negara ini di bawah Akta Hasutan 1970. Perkara ini juga telah menyebabkan timbul salah faham antara rakyat British dengan

penduduk yang beragama Islam di Britain dan juga menimbulkan ketegangan antara orang-orang Islam di Eropah dengan rakyat setempat. Ia juga telah menyebabkan timbulnya krisis diplomatik antara negara-negara Islam dengan negara-negara Barat.

Bahawa perkara ini berkehendak disegerakan oleh kerana hendak mengelakkan timbulnya prasangka antara penganut-penganut Islam terhadap pihak lain yang sebelum ini mempunyai pandangan yang berbeza tentang Islam dan mahu memastikan bahawa isu ini perlu diselesaikan sebelum kunjungan Perdana Menteri British ke Malaysia untuk menghadiri Sidang CHOGM. Ia juga mahu memastikan bahawa wujudnya wihdatul fikiri di kalangan penganut-penganut agama Islam terhadap isu itu iaitu tidak wajar orang Islam memandang liberal atas perkara yang menyentuh maruah orang Islam dan agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, pagi ini saya menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen Pengkalan Chepa atas tajuk penerbitan sebuah buku yang mencabul kesucian Islam berjudul "The Satanic Verses" karangan Salman Rushdie. Teks usul Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti yang dibacakan sebentar tadi.

Mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18(2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan untuk menangguhkan mesyuarat mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18(1), kecuali Tuan Yang di-Pertua berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu menepati tiga syarat. Ketiga-tiga syarat yang berkenaan ialah:

- (i) perkara yang dibangkitkan itu tertentu;

- (ii) ia bagi kepentingan orang ramai;
- (iii) ia berkehendak disegerakan perbincangannya.

Saya telah menyemak usul Ahli Yang Berhormat itu dan saya dapati bahawa usul Yang Berhormat Pengkalan Chepa itu tidak perlu disegerakan kerana tindakan telah diambil oleh Kerajaan Malaysia selaras dengan ketetapan negara-negara OIC iaitu Organisation of Islamic Conference yang bersidang di Riyadh pada 13hb hingga 16hb Mac, 1989. Di antara ketetapan yang dibuat adalah seperti berikut:

- (i) mengeluarkan satu perisytiharan untuk memerangi dakyah-dakyah yang menghina agama Islam;
- (ii) menyelaraskan usaha-usaha semua negara Islam berdasarkan syariah untuk memerangi dakyah penghinaan terhadap Islam secara berkesan;
- (iii) bahawa persidangan OIC mengisytiharkan penghinaan yang dibuat tidak boleh menggunakan asas-asas kebebasan berfikir dan bersuara;
- (iv) persidangan juga mengutuk sekeras-kerasnya terhadap buku karangan Salman Rushdie yang berjudul "The Satanic Verses" ataupun Surah Syaitan dan menganggap pengarangnya itu sebagai murtad dan merayu kepada semua masyarakat dunia antarabangsa untuk mengharamkan buku tersebut dan mengambil langkah-langkah perlu melindungi agama dan kepercayaan orang-orang lain.

Di antara negara-negara yang menjadi ahli OIC ialah Saudi Arabia, Egypt, Oman, Iraq, Libya dan lain-lain.

Malaysia telah pun mengharamkan buku tersebut sejak 24hb Februari, 1989 iaitu sebelum berlangsungnya Persidangan Negara-negara OIC. Jika sesiapa didapati melanggar

pengharaman itu seperti memilikinya, mencetak dan membuat petikan daripada buku tersebut, mereka akan dihukum sekeras-kerasnya. Mengikut maklumat yang saya perolehi barang siapa didapati bersalah memiliki buku itu, hukuman yang dikenakan ialah tidak lebih daripada \$5,000. Sesiapa yang didapati bersalah mencetaknya boleh didenda tidak lebih daripada \$20,000 atau dipenjarakan tidak melebihi daripada 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Dan barang siapa yang didapati bersalah membuat petikan daripada buku itu yang boleh memudaratkan ketenteraman awam boleh juga didenda tidak melebihi \$20,000 atau dipenjarakan tidak lebih daripada 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Oleh kerana itu saya menolak usul Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (23hb Mac, 1989).

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang semalam Yang Berhormat telah berucap selama 8 minit. Berapa lama lagi hendak berucap, lebih kurang?

4.18 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Speaker, saya tidak bercadang berucap dengan panjang lebar, saya hendak lebih kurang mengambil 15 minit lagi kalau boleh ataupun tidak melebihi dari itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya ingat saya beri 10 minit, Yang Berhormat. Teruskan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, semasa saya membahaskan Rang Undang-undang Keseksaan (Pindaan) 1989 pada hari kelmarin, saya menyebut masalah penyeksaan kanak-kanak di negara ini yang merupakan satu masalah yang serius yang memerlukan tindakan segera oleh Kerajaan. Saya rasa bahawa Fasal 11 Rang Undang-undang ini yang bertujuan membawa hukuman penjara maksimum 5 tahun bagi mereka yang melakukan kesalahan untuk merangsang seorang kanak-kanak untuk melakukan sesuatu perbuatan kelucuan melampau adalah tidak cukup apabila dilihat dalam konteks untuk mengambil lebih banyak langkah-langkah positif dan tegas bagi melindungi kanak-kanak dari semua bentuk penyeksaan. Saya baru sahaja pulang dari Persidangan Ahli-ahli Parlimen Antarabangsa (IPU) ke 81 di Budapest dan saya ingin menarik perhatian Dewan ini kepada satu resolusi yang diterima sebulat suara oleh Persidangan berhubung dengan perlindungan hak-hak kanak-kanak.

Resolusi mencatatkan perhatian serius bahawa kanak-kanak di banyak bahagian dunia ini adalah tidak diambil berat. Mereka pernah menjadi mangsa penyeksaan jasmani, penculikan, pendedaran haram dadah atau terlibat dalam penyalahgunaan najis dadah atau dieksploitasi bagi maksud tenaga buruh, pelacuran dan pornografi. Resolusi yang diterima sebulat suara oleh Persidangan IPU di Budapest juga menyeru semua Parlimen dan Kerajaan supaya mengkaji atau menyemak undang-undang yang ada atau mencadangkan undang-undang baru berkaitan perlindungan hak-hak kanak-kanak dari semua bentuk

penyeksaan di seluruh negara dan mengambil semua langkah-langkah yang sesuai dan perlu termasuk memperkenalkan undang-undang baru dan berkesan bagi melindungi hak-hak kanak-kanak dan melindungi mereka dari semua bentuk penyeksaan. Maka adalah selaras dengan Resolusi IPU itu bahawa saya ingin menyeru Kerajaan supaya memberi perhatian yang serius kepada semua bentuk penyeksaan kanak-kanak di negara ini dan mengambil semua langkah yang sesuai dan perlu termasuk memperkenalkan undang-undang yang baru dan berkesan bagi melindungi hak kanak-kanak dan melindungi mereka dalam semua bentuk kekerasan atau penyeksaan. Memperkenalkan undang-undang secara piecemeal bagi membendung penyeksaan ke atas kanak-kanak adalah tidak mencukupi. Apa yang diperlukan ialah sebuah undang-undang yang komprehensif untuk mengendalikan semua bentuk penyeksaan kanak-kanak di negara ini yang memperuntukkan hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan untuk membendung jenayah penyeksaan kanak-kanak.

Saya bersetuju dengan Fasal 12 dan 13 berkaitan dengan kenaikan hukuman bagi semua kategori pencurian, Fasal 14 — 17 berkaitan dengan kenaikan hukuman bagi pelbagai kategori pemerasan dan Fasal 20 — 11 memperuntukkan hukuman maksimum bagi pelbagai kategori jenayah pecah amanah. Fasal 20 memperuntukkan seksyen 406 Kanun Keseksaan supaya dipinda bagi menambahkan hukuman maksimum penjara bagi kesalahan pecah amanah dari 3 tahun kepada 10 tahun. Kenaikan hukuman bagi mereka yang melakukan pecah amanah ini memanglah telah lama ditunggu hingga memandangkan bilangan kes pecah amanah semakin bertambah di negara ini yang melibatkan jutaan ringgit, maka adalah wajar hukuman yang lebih berat patut dikenakan kepada pesalah-pesalah.

Begitu juga saya menyokong pada dasarnya peruntukan-peruntukan seperti yang terkandung dalam Fasal 25-28 dan Fasal 29-32 berhubung dengan penetapan hukuman-hukuman yang lebih berat bagi mereka yang didapati bersalah melakukan penipuan. Kes-kes pecah amanah, penipuan dan fraud semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini. Kita telah membaca kes pecah amanah yang melibatkan Koperasi-koperasi Pengambilan Deposit (KPD) dan baru-baru ini kes melesapkan \$22.2 juta dari Bank Negara. Sejak tahun 1987, 51 Pengarah dari institusi-institusi pengambilan deposit dan firma-firma swasta telah didakwa bagi kesalahan pecah amanah dan penipuan tidak termasuk kes-kes lain yang sedang disiasat. Perangkaan kes-kes penipuan menunjukkan pertambahan dari 1,112 kes dalam tahun 1980 kepada 2,046 kes dalam tahun 1988 tidak termasuk bilangan kes yang tidak dilaporkan.

Sebagai wakil rakyat, saya kerap menemui aduan-aduan dan kes penipuan ke atas orang-orang miskin, buta huruf dan orang-orang yang tidak mempunyai rumah. Mereka yang tidak bernasib baik ini dipujuk supaya mengeluarkan wang simpanan dari hasil titik peluh mereka untuk membeli rumah atau tanah yang tidak wujud. Memburu orang miskin yang tidak mempunyai rumah dan menipu mereka dalam hal mendapatkan satu tempat tinggal adalah satu jenayah tidak patut diberikan tolak ansur dan sebaliknya patut dikenakan hukuman yang setimpal.

Bagi kesalahan seumpama itu hukuman maksimum penjara hendaklah dijadikan mandatori bagi sesuatu tempoh yang wajar. Serupa juga bagi mereka yang melakukan pecah amanah yang melibatkan koperasi dan institusi pengambilan deposit yang mana jutaan ringgit adalah terlibat. Menambahkan hukuman penjara maksimum kepada 10 tahun tidak

mencukupi dan satu hukuman penjara mandatori bagi satu tempoh yang wajar adalah patut ditimbang sebagai satu pencegahan. Jenayah kolar putih semakin bertambah dan cara jenayah dilakukan semakin sofistikated dan kompleks dan penjenayah kolar putih juga mempergunakan ataupun mengeksploitasi undang-undang di negara lain untuk mendapatkan perlindungan dan mengelakkan diri dari tangkapan.

Memandangkan kepada pengemukaan cadangan pindaan-pindaan kepada Kanun Keseksaan ini, maka saya suka juga menggesa Kerajaan supaya memperkuat Bahagian Jenayah Perdagangan Jabatan Polis Di Raja dengan tidak hanya melantik lebih ramai pegawai yang berkelayakan akan tetapi yang terpenting sekali ialah pegawai-pegawai polis yang tidak rasuah untuk menyiasat semua kes kesalahan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan dan membawa semua pesalah ke muka pengadilan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya akan membenarkan dua lagi Ahli sahaja untuk berucap atas Rang Undang-undang ini selama 10 minit seorang. Yang Berhormat dari Bukit Mas dan selepas itu Yang Berhormat dari Kepong.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya hendak pastikan saya dapat bercakap atau tidak, sebab saya seorang, tetapi tak dapat bercakap walaupun sudah dua hari saya sudah menunggu, sejak kelmarin pun tak dapat berucap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Baiklah kita bagi Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa juga—3 Ahli Yang Berhormat sudah cukup. Dengan itu kita kurangkan masa iaitu 8 minit seorang.

Tuan Mutang Tagal (Bukit Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ucap pendek sahaja dan terima kasih oleh kerana dapat memberi peluang kepada saya untuk membahar Rang Undang-undang (Pindaan) kepada Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan cadangan untuk meminda Kanun Keseksaan memandangkan beberapa peristiwa berlaku di negara kita mengenai dengan kesalahan-kesalahan jenayah dan saya berharap agar pihak berkuasa yang akan menjalankan Rang Undang-undang ini nanti dapat menjalankan tugas mereka dengan baik supaya dapat mengawal kadar kesalahan-kesalahan jenayah yang berlaku di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, banyak rakan-rakan saya di Dewan yang mulia ini telah menyentuh perkara-perkara mengenai dengan rogol dan saya tidak bercadang untuk menyentuh perkara itu tetapi saya ingin menyentuh Fasal 5 Rang Undang-undang ini.

Fasal 5, Tuan Yang di-Pertua, adalah bertujuan untuk meminda seksyen 312 Kanun ini untuk memperluaskan kekecualian seorang doktor untuk menamatkan suatu kehamilan. Dengan pindaan ini seorang doktor diberi kuasa yang luas supaya menamatkan suatu kehamilan atas alasan, bukan hanya bagi maksud menyelamatkan nyawa tetapi juga dalam hal-hal di mana penerusan kehamilan itu akan melibatkan kecederaan kepada kesihatan fizikal atau mental perempuan yang hamil itu. Ini kalau dibenarkan kehamilan itu akan mencederakan perempuan.

Dan di sini saya ingin memberi pendapat saya mengenai dengan Fasal ini. Pada hemat saya, kuasa yang diberi kepada doktor untuk menamatkan suatu kehamilan dengan pindaan ini adalah satu kuasa yang luas dengan tidak ada sekatan-sekatan, dengan tidak ada safeguards, dengan izin. Kalau dibanding dengan negara Eropah seperti negara Amerika Syarikat dan Kanada, sebelum seorang doktor menamatkan suatu kehamilan, seorang doktor perlu merujuk perempuan itu kepada orang pakar dalam counselling yang akan memberi counselling kepada perempuan itu dengan beberapa kali. Selepas counselling dibuat, diberikan kepada perempuan yang hamil itu, kalau pakar-pakar, bukan sahaja satu doktor, selepas pakar-pakar mendapati bahawa kehamilan itu harus ditamatkan, barulah seorang doktor dapat menamatkan. Tetapi di sini, di dalam Rang Undang-undang yang kita bincangkan nampaknya satu peruntukan blanket, kuasa blanket yang diberikan kepada doktor terpulang kepada kebijaksanaan seorang doktor untuk menamatkan suatu kehamilan. Jadi saya rasa memberi, dengan izin, legalising abortion, di sini nampaknya. . . .

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, apa itu?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak cukup kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 14 Ahli, tidak cukup kuorum. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kuorum sudah cukup, Yang Berhormat teruskan.

Tuan Mutang Tagal: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pendekatan yang Kerajaan harus ambil dalam hal penamatan suatu kehamilan harus suatu sikap ataupun suatu pendekatan yang conservative.

Jadi, Fasal 5 ini adalah suatu Fasal yang begitu liberal oleh kerana di negara kita sebagai satu negara Islam, jadi Fasal 5 ini yang saya anggap suatu Fasal yang liberal sekali untuk memberi kuasa kepada seorang doktor menamatkan satu kehamilan adalah bertentangan dengan nilai yang terdapat di dalam agama yang banyak terdapat di Malaysia dan juga masyarakat kita. Saya minta supaya Kerajaan akan mengkaji semula supaya sekatan-sekatan safe-guards dibuat supaya para doktor sebelum menamatkan suatu kehamilan harus menjalankan beberapa langkah sebelum membuat keputusan oleh kerana walaupun saya fikir Fasal 5 ini pindaan kepada Seksyen 312 dibuat bersama dengan pindaan kepada peruntukan mengenai dengan rogol. Saya berharap kita seharusnya mengambil berat tentang kuasa yang diberi kepada seorang doktor. Dan saya juga ingin menekankan di sini seorang doktor yang diberi kuasa untuk menentukan seorang perempuan yang hamil itu akan mengalami satu kecacatan fizikal ataupun mental apabila penerusan kehamilan itu diberi. Saya rasa seorang doktor tidak sepatutnya diberi kuasa untuk menentukan keadaan ini. Seorang doktor lain ataupun seorang pakar lain harus juga diberi tugas untuk menentukan keadaan seperti ini sebelum kuasa yang diberi dibawah Fasal 5 iaitu pindaan kepada Seksyen 312 dikuatkuasakan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai dengan kuasa doktor yang diberikan di bawah Fasal ini, saya ingin juga merakamkan kesedihan hati saya terhadap doktor-doktor, terutamanya doktor-doktor di Pusat Perubatan Pantai yang telah gagal

memberi rawatan segera kepada mendiang Dato' Chan Siang Sun, Menteri Kesihatan Malaysia.

Apabila mendiang rebah ketika bermain badminton, tidak ada seorang doktor dari Pusat Perubatan Pantai yang berdekatan dengan gelanggang permainan itu dapat datang dengan segera walaupun dihubungi. Dan apabila doktor dipanggil daripada Pusat Perubatan Pantai untuk datang, doktor yang bekerja pada malam itu tidak mengambil berat tentang kecemasan pada masa itu. Dan apabila ambulan diminta supaya datang ke gelanggang itu, dan ia datang kira-kira 30 minit kemudian dan apabila doktor dihubungi melalui telefon tetapi gagal dihubungi. Apabila seorang Menteri. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, satu minit lagi.

Tuan Mutang Tagal: . . . datang ke tempat itu untuk minta supaya doktor datang. Mereka pun mengambil masa. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, sekiranya seorang Menteri gagal mendapat rawatan segera di saat-saat kecemasan seperti apa yang terjadi kepada mendiang Dato' Chan Siang Sun, apa lagi orang-orang biasa, yang tidak mempunyai apa-apa kedudukan. Saya merayu kepada doktor-doktor bukan sahaja doktor-doktor di pusat perubatan persendirian tetapi juga di hospital-hospital daerah supaya berwaspada dan supaya rawatan segera diberi kepada rakyat jelata apabila mereka memerlukan rawatan segera.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Mutang Tagal: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

4.44 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyergerakan ucapan saya. Pengetatan hukuman-hukuman yang dijatuhkan bagi jenayah-jenayah membuktikan betapa luasnya serta bertambah kencangnya masalah-masalah itu dalam masyarakat kita. Misalnya, kegiatan pecah amanah sebegitu hebat sekali sehingga dalam tempoh masa 1981 hingga 1986 iaitu dalam masa 6 tahun sahaja Kerajaan menanggung kerugian \$9 billion akibat dari jenayah kolar putih ini.

Jumlah wang yang dicuri bukan sahaja besar, contohnya skandal BMF yang bernilai \$2 billion, PAN-EL \$5.4 billion, Koperasi Menerima Simpanan \$600 juta, Perwira Habib \$673 juta, Bank Koperasi Kerjasama sekurang-kurangnya \$726 juta, malah penjenayah-penjenayah ini bertambah berani seperti yang terbukti daripada pecah amanah \$22.2 juta daripada depan mata Bank Negara sendiri.

Dalam hal jenayah perdagangan, pihak Ketua Polis Negara telah mengumumkan bahawa kakitangan Cawangan Siasatan Polis berkenaan akan dipertingkatkan dengan kira-kira 117 jawatan baru diwujudkan termasuk 4 Superintendent, 17 Timbalan Superintendent, 22 Penolong Superintendent dan 41 orang Inspektor. Akan tetapi, tanpa sokongan perundangan yang berkesan, pasukan polis negara boleh menangkap seberapa banyak orang yang disyaki memecah amanah atau menipu atau peras ugut atau mereka telah melakukan, tetapi akhirnya tidak berhasil juga, sekadar meningkatkan tempoh hukuman penjara atau denda tidak mencukupi. Pindaan-pindaan ini hanya akan berkesan apabila mereka yang tertangkap berjaya didakwa di mahkamah untuk menerima hukuman-hukuman yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya selepas selesainya penyiataan polis ke atas kes-kes penjenayah perdagangan, kes ini dikemukakan kepada Peguam Negara. Beliaulah yang menentukan sama ada kes-kes ini akan disiasat dan tindakan akan diambil ke atasnya. Selagi pihak Peguam Negara gagal untuk memberi sokongan perundangan yang cekap dan cepat, segala usaha pasukan polis dan kesediaan mahkamah untuk menjatuhkan hukuman bila bersabit kesalahan semuanya sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, cara yang paling baik sekali, khususnya dalam usaha-usaha membendung berlakunya jenayah kolar putih, memecah amanah dan menipu ialah dengan membuat Peguam Negara bertanggungjawab kepada Parlimen. Dengan membuat demikian boleh memberi tekanan yang lebih kuat ke atas Peguam Negara untuk bertindak dengan lebih cekap dalam pengurusan kes-kes ini. Setakat ini kerana Peguam Negara tidak bertanggungjawab kepada Parlimen secara langsung, jadi susah pihak kami untuk menyoal kewibawaannya dalam menentukan keputusannya ke atas sama ada tindakan akan diambil ke atas sesuatu kes.

Selain daripada ini, Tuan Yang di-Pertua, memperketatkan hukuman kes rogol, menjual bahan-bahan lucah atau menggunakan kekerasan untuk mencabul kehormatan juga menunjukkan betapa kerapnya berlaku jenayah-jenayah tersebut di samping merujuk kepada kekurangan keberkesanan pasukan polis untuk mengawal atau menyelesaikan jenayah-jenayah itu. Misalannya, dalam tahun 1981 sebanyak 368 laporan rogol dibuat yang membawa kepada penahanan 211 orang daripada 198 kes. Kira-kira 55% yang berjaya diselesaikan. Akan tetapi, dalam tahun 1986 bilangan laporan yang dibuat ialah 586 dan yang dapat diselesaikan hanyalah 111 atau 36.6%

di mana 146 orang ditahan. Yang menyedihkan sekali ialah 6 daripada 10 mangsa rogol dan kemudiannya dibunuh yang dilaporkan sejak bulan April 1987 terdiri daripada budak-budak kecil yang berumur 12 tahun ke bawah. Sama seperti yang disebut oleh saya tadi tanpa tindakan siasatan serta undang-undang yang benar-benar melindungi kepentingan mereka yang teraniaya dengan tangkas dan berkesan. Hukuman-hukuman penjara yang berat wujud semata-mata sebagai perundangan tetapi tidak terlaksana.

Tuan Yang di-Pertua, kami bersetuju dengan kebanyakan daripada aspek-aspek dalam Rang Undang-undang ini untuk mengenakan hukuman-hukuman yang berat ke atas jenayah seks. Walau bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan yang saya tidak sempat sebutkan di sini. Rang Undang-undang ini tidak mempertimbangkan dengan sepenuhnya tentang kelakuan perhubungan seks dengan binatang, menghasut seorang kanak-kanak melakukan perbuatan lucah dan juga kes-kes rogol. Semua perbuatan ini adalah tidak normal, adalah ganjil dan dilakukan oleh orang yang kurang siuman, orang yang luar biasa dan orang yang ganjil. Ini penting, Tuan Yang di-Pertua, saya tekankan kes-kes seperti ini dilakukan sebagai perbuatan yang luar biasa, dilakukan oleh orang yang luar biasa. Kami tidak tahu sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri mahupun Penggubal-penggubal Undang-undang ini pernah meminta nasihat serta pandangan pakar-pakar seperti ahli-ahli saikologi dan ahli-ahli saikatrik, pakar analisa jiwa yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang mendalam mengenai kes-kes rogol dan jenayah seks. Sekiranya tidak, ini merupakan satu kelemahan yang besar. Contohnya, seorang budak yang berumur kurang daripada 16 tahun telah merogol serta membunuh

dan dijatuhkan hukuman penjara seumur hidup. Kalau dia berkelakuan baik, kemungkinan dia akan dikeluarkan selepas 12 tahun. Dia mungkin mengulang perbuatannya kerana mempunyai jiwa yang ganjil, mempunyai kelakuan yang ganjil, otak yang tidak siuman dan kerana rawatan tidak diberi semasa di dalam penjara. Apakah tindakan yang akan diambil kalau ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini dipinda dan hanya merupakan semata-mata untuk memberi gambaran kepada rakyat bahawa Kerajaan ada bertindak terhadap perbuatan yang jijik itu akan tetapi Rang Undang-undang ini tidak memberi perlindungan yang lebih bererti kepada mangsa dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menubuhkan pusat-pusat pemulihan khas, kami memerlukan Pusat Pemulihan Khas yang boleh memberi rawatan, yang boleh memeriksa perogol dan juga mangsanya dengan teliti apakah yang di dalam otaknya, tidak siuman ini puncanya dan memberi rawatan dengan sewajarnya. Selain daripada ini, ada beberapa perkara yang boleh dilakukan dan harus dilakukan. Di samping memberi pertolongan kepada mangsa dan perogol, lebih ramai ahli psikiatri harus dilatih untuk mengurus kes-kes seperti ini. Ini adalah penting kerana itu Rang Undang-undang ini dirangka dan digubalkan seolah-olah kita menguruskan kes-kes mesin sahaja bukan orang, bukan manusia yang mempunyai otak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan di sini pihak Kerajaan termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri dan

Ahli-ahli Kerajaan yang lain dapat mengambil perhatian yang lebih mengenai kelakuan dan jiwa yang ganjil, perogol dan penjenayah seks ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang akhir, Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

4.53 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, bolehkah beri saya dua jam?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dua jam? Tidak boleh Yang Berhormat. 10 minit sahaja.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya cuba mengambil peluang bersama untuk menyampaikan sedikit pandangan mengenai Akta untuk meminda Kanun Keseksaan Bab 45. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana sanggup membentangkan Akta pindaan ini. Sungguh banyak Akta-akta telah dibentang dan diluluskan pada setiap kali Dewan bersidang. Nampaknya kita talahpun kaya dengan Akta dan Kerajaan pimpinan Dato' Seri Dr Mahathir sekarang adalah "Kerajaan Akta" sehingga ada sahaja tercetus dalam negara dan menyentuh kehidupan rakyat umum kenalah diaktakan. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menafikan usaha Kerajaan menambahkan hukuman dengan meminda mana-mana Akta termasuk Akta Pindaan Kanun Keseksaan mengenai kes rogol ini baik dan mungkin pada anggapan Kerajaan itulah satu-satunya jalan keluar untuk mencegah sebarang punca kejahatan dan maksiat bagi menjaga ketenteraman awam dan kepentingan umum.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap penyakit ada ubat melainkan tua dan mati, ianya tidak ada ubat kerana kedua-duanya itu bukan penyakit. Ini sabda Rasulullah s.a.w. Tetapi sebenarnya pada saya apa sahaja penyakit batin dan penyakit rohani manusia tidak dapat dicegah dan dikawal dengan hanya Kerajaan menggunakan ubat Akta dan kuatkuasa undang-undang semata-mata sekalipun bagi Kerajaan, Akta itulah ubat yang mujarab tetapi mestilah disusuli dengan bentuk pendidikan dan pembinaan akhlak secara bersungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah beberapa kali menarik perhatian Dewan dan membuat saranan-saranan Kerajaan supaya Kerajaan lebih bertanggungjawab untuk mencari punca-punca penyakit itu sendiri sebelum dirawat dan diubat supaya masa tidak terbuang dan usaha mempunyai harga. Contohnya, Akta Dadah, Kerajaan telah meminda dan meluluskan beberapa kali sehingga sampai kepada hukuman merampas harta-benda mereka yang terlibat dan ini lebih zalim daripada hukuman Islam sendiri yang ditakut-takut oleh Kerajaan. Tetapi kes dadah ini jelas tidak membawa apa-apa kesan dan perubahan bahkan Kerajaan terpaksa merancang untuk membina 17 buah lagi pusat-pusat pemulihan orang yang terlibat dengan dadah. Inilah jawapan yang telah diberi oleh Timbalan Menteri yang berkenaan dalam Dewan yang mulia dalam sidang ini juga minggu yang lepas. Ini terbukti bahawa penyakit batin tidak sesuai dan tidak serasi dengan ubat Akta dan Akta bukan ubatnya untuk merawat pesakit-pesakit jiwa. Kerajaan harus sedar dan harus yakin dengan hakikat yang berlaku dan inilah apa yang disabdakan oleh Rasulullah s.a.w.—Nabi telah memberi peringatan kepada kita iaitu ingat bahawa sesungguhnya di dalam tubuh ada seketul darah. Bila mana darah itu

baik, nescaya baiklah seluruh tubuhnya. Sebaliknya bilamana darah itu rosak nescaya rosaklah seluruh tubuhnya iaitu ialah hati.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita hari ini sedang dibanjiri berbagai-bagai penyakit dan masyarakat Malaysia dilanda sekarang oleh bermacam-macam bala, rasuah, pecah amanah, penipuan, judi, arak, samun, rompak, membunuh, dadah, ganja, candu, samsu, rogol dan banyak lagi sedang memburu kesejahteraan hidup rakyat kita dan yang paling teruk dan merbahaya sekali ialah penyakit-penyakit jiwa dan rohani yang ada pada tubuh pemimpin-pemimpin negara sendiri.

Saya tidak hendak menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, dari Fasal ke Fasal atau dari seksyen ke seksyen dalam Akta yang dibahas ini, tetapi dalam Akta ini sendiri sudah ada beberapa kelemahan sebelum ia menjadi Akta yang sah. Misalnya, Fasal 7 mengenai rogol dan Fasal 5 mengenai kehamilan. Kalau kita dengar hukuman 5 tahun sekurang-kurangnya dan 20 tahun sebanyak-sebanyaknya ke atas perogol maka kita berasa berat dan orang akan takut melakukannya dan dengan Akta ini, insya Allah, kita berjaya walaupun tak berjaya. Inilah maksudnya Akta ini dipinda dan dibentangkan untuk mendapat kelulusan Dewan. Tetapi kalau dirujuk balik kepada Fasal 5, maka penyelewengan dan kelemahan berlaku dalam Akta ini sendiri di mana seorang yang hamil mengikut Akta ini bila dilulus nanti maka halal digugurkan anak kandungannya sendiri untuk mengelak dari berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan atau untuk keselamatan nyawa makhluk yang mengandung.

Dengan Fasal ini akan timbul 3 perkara yang buruk dan bercanggah dengan akidah umat Islam sendiri:

(1) haram membunuh benih;

- (2) menggalakkan zina di kalangan muda-mudi;
- (3) menghidupkan kembali amalan jahiliah yang telah dikuburkan oleh Islam sejak beribu-ribu tahun dahulu.

Inilah benda yang diburu oleh kehidupan seks dan inilah punca kekacauan yang menghantui fikiran manusia bahkan yang banyak memperkudakan pemimpin-pemimpin menjadi haiwan dan akhirnya rogol yang jarang bertemu kena 5 tahun dan zina yang berlaku di merata-rata tidak ada apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Timbalan Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang ini, adakah beliau sudah mendapat fatwa dari Kadi-kadi, Mufti-mufti, Majlis-majlis Fatwa dan sebagainya sebelum Fasal ini dimasukkan dalam pindaan ini. Sudahkah mereka mengeluarkan fatwanya halal menggugurkan anak kandungan. Banyak Kerajaan Barisan Nasional mencerooboh hukum-hukum Allah dan menentang syariat-syariat Islam seperti BSN, Perancang Keluarga—buat dahulu kemudian bala dan tinggal hukum Allah.

Inilah apa yang dapat kita saksi dalam negara kita hari ini dan saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, unsur-unsur Yahudi dan unsur-unsur jahiliah nampaknya begitu banyak bercambah tumbuh dan amat segar hidup dalam Kerajaan Barisan Nasional hari ini. Apakah Kerajaan menggunakan slogan "Penerapan Nilai-nilai Islam", "Bersih, Cekap dan Amanah".

Saya ingin menarik perhatian khususnya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan kerana hari ini nampaknya beliau bertanggungjawab dengan Akta ini dan apakah kita lupa hakikat keimanan kita sendiri sebab bagi saya kalau tidak kerana nikmat Islam bukan orang perempuan dapat jadi Timbalan Menteri, bahkan hendak jadi anak Encik Sulaiman pun

tak dapat sebab sebelum Islam orang perempuan ditanam hidup-hidup, orang laki-laki dibunuh hidup-hidup. Jadi apakah Akta ini dapat dibentang dan diminta kelulusan, siapa dia akan bertanggungjawab? Saya mencadang kepada Timbalan Menteri berkenaan supaya Fasal 5, ceraihan (3) (i), (ii) ini mesti ditarik ataupun kalau tidak, ditangguh. Siapa dia akan bertanggungjawab? Sebab bagi orang berumah tangga dia tidak akan sanggup menggugurkan anak kerana dia dengan doa sebelum kahwin lagi untuk mendapatkan anak, sebab itu tak mungkin berlaku orang yang ada kehidupan dengan rumahtangga sanggup menggugurkan anak. Tetapi bila lulus Akta ini dengan sendirinya peluang untuk muda-mudi melakukan perkara untuk mengisi kehendak dia dengan apa sahaja peluang yang dia dapat dan perbuatan inilah perbuatan jahiliah kerana bila berlaku kehamilan tak ada siapa yang dapat mengaku dan tiada siapa dapat melindungi, cuma undang-undang yang dilulus hari inilah akan memberi perlindungan. Dan inilah apa yang dibangkit oleh Allah subhanahu wata'ala dalam Al-Quran nul-Qarim:

“Waizal mauudatul sillatbiaizam minqutillak”.

Ini pernah berlaku ribu tahun dahulu. Saya tak fikirlah Kerajaan yang mengang-agung dengan Islam, yang menonjol-nonjol “Bersih, Cekap dan Amanah”, apa lagi Menteri di Jabatan Perdana Menteri sendiri tentu dia tahu tetapi mengapa dia tidak mengambil tanggungjawab ini?

Baru-baru ini sudah berlaku, Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan saya, saya minta supaya Kerajaan yang bertanggungjawab untuk menerapkan nilai-nilai Islam supaya menyelaraskan hari Jumaat tetapi Menteri itu juga memberi jawapan tidak ada nas dalam Quran, dalam Hadis suruh menyelaraskan cuti hari Jumaat. Saya tidak minta cuti, saya minta menyelaraskan. Kalau tak mahu

menyelaraskan, jangan ada cuti tetapi dalam Malaysia ini ada cuti; cuti hari Ahad, cuti hari Jumaat. Saya minta menyelaraskan, kalau mahu Ahad biar seratus peratus Ahad, kalau mahu Jumaat biar seratus peratus hari Jumaat, tetapi Menteri yang berkenaan yang balik dari Azhar memberi jawapan yang tidak menjadi jawapan, hujah tidak menjadi hujah, tidak ada nas dalam Quran

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat!

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:kalau tidak ada nas dalam Quran apakah nas dalam Hadis, dalam Quran boleh menggugurkan anak. Bagaimana hukum orang yang menghalalkan benda haram sama dengan orang yang mengharamkan benda halal

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat ada masa selama satu minit.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Boleh.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Saya hendak tanya tadi barangkali sebab Yang Berhormat telah mengalih kepada tajuk yang lain, maka saya tarik balik sebab Yang Berhormat telah menyalahi Peraturan 36 (1) iaitu saya berterima kasih kalau diteruskan atas tajuk yang disambung sekarang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Selama satu minit lagi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Insha Allah, saya tidak hendak panjang cuma saya dukacita bukan kepada Tuan Yang di-Pertua, tetapi kepada Dewan yang bagi saya tidak mulia, walau doa hari-hari Dewan yang mulia minta taufik dan

hidayah tetapi taufik tidak akan diberi oleh Allah subhanahu wata'ala kerana Dewan ini menjadi Dewan yang fasik, Dewan yang kotor, Dewan yang cemar. Saya sebagai Pembangkang yang mewakili 700,000 rakyat tak dapat hendak bercakap tetapi Kerajaan tak hendak tanggungjawab

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ini bukan untuk Yang Berhormat sahaja.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak, saya memberi ingatan supaya masa hadapan mudah saya bercakap. Dari dua hari saya tunggu tak dapat bercakap, wakil Kerajaan boleh bercakap

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu nasib Yang Berhormat.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jadi, akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta dengan segala ikhlas hati kepada Timbalan Menteri ini supaya Fasal 5 ini mestilah ditarik balik, kalau tidak, ditangguh supaya dapat petua khusus dan pada hari kelmarin sahabat saya Wakil dari Arau membangkit mengenai Fasal 8 iaitu mengenai perhubungan seks dengan binatang lalu ikut belakang, lalu ikut mulut. Perkara ini dalam feqah Islam ribu tahun sudah wujud, sudah ada, itu tidak membangkit. Sebab itulah saya kata kelmarin manusia bila hilang identiti, hilang keperibadian, iman tidak ada, taqwa tidak ada, apapun dia boleh buat. Sebab itulah untuk menjaga seluruh kepentingan dan kesempurnaan janganlah memadai dengan Akta tetapi usahalah untuk mendapat punca yang sebenar bagaimana manusia ini boleh jadi rosak dan bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, mestilah kena mengikut empat saluran. Pertama, Kementerian Pendidikan. Kedua, Kementerian Penerangan. Ketiga, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Keempat, Kementerian Kehakiman.

Empat Jabatan ini bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah negara, janganlah letak pada satu Kementerian dan sebagainya.

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan ucapan ringkas ini akan mendapat perhatian khususnya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan sekali lagi untuk mengakhiri saya minta Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri tolong tarik balik Fasal 5. Biarlah kalau hendak lulus hak lain, tetapi Fasal 5 ini tarik balik. Kalau tak mahu tarik balik, tolong tangguh. Saya kasihan sahaja, siapa akan bertanggungjawab dosa di hadapan Allah esok hari. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tak boleh lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tak boleh. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila menjawab.

5.07 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan izinkan saya memberi penjelasan kepada perkara-perkara yang membangkit.

Ahli Yang Berhormat dari Arau telah sekali lagi membangkitkan isu mengenai Power of Attorney, dengan izin, atau Surat Kuasa Wakil dengan mengaitkannya dengan kesalahan surat ikatan "fraud" di bawah Kanun

Keseksaan. Pelaksanaan Surat Kuasa Wakil adalah tertakluk kepada Ordinan Surat Kuasa Wakil 1949 dan boleh dibuat di hadapan Majistret, Jaksa Pendamai, Notari Awam, Pemungut Hasil Tanah dan lain-lain dan tidak haniya di hadapan seseorang peguam. Ia juga tidak semestinya dibuat dalam bahasa Inggeris sahaja. Bagaimanapun, jika terdapat unsur-unsur penipuan mengenai pelaksanaan P. A. itu maka mereka yang terlibat bolehlah didakwa atas kesalahan menipu di bawah Kanun Keseksaan. Cadangan pindaan untuk menaikkan penalti bagi kesalahan menipu ini boleh menjadi satu "deterrent", dengan izin, terhadap penipuan yang melibatkan P. A. ini.

Yang Berhormat dari Arau juga telah menyarankan bahawa hukuman penjara "mandatory" selama 5 tahun adalah terlalu rendah. Untuk makluman Yang Berhormat, hukuman penjara 5 tahun itu adalah hukuman yang paling rendah yang boleh dikenakan oleh mahkamah. Bagaimanapun, mahkamah boleh mengenakan hukuman penjara yang boleh sampai 20 tahun.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat yang menyatakan bahawa pindaan-pindaan yang dikemukakan bagi Kanun Keseksaan berkaitan dengan rogol tidak mendapat mandat daripada orang ramai, adalah tidak betul apa Yang Berhormat dari Arau bangkitkan tidak tepat bila mengatakan bahawa Rang Undang-undang ini tidak mengambilkira pendapat daripada orang ramai. Ingin saya maklumkan di sini bahawa satu memorandum daripada wanita Barisan Nasional terdiri daripada wanita-wanita UMNO, MIC dan MCA serta komponen-komponen lain telah dihantar kepada Kerajaan pada tahun 1986. Satu lagi memorandum telah dihantar oleh pihak pertubuhan-pertubuhan wanita bukan Kerajaan, NCWO, WAO dan lain-lain kepada

Kerajaan mengenai perkara yang sama pada tahun 1986. Surat yang terakhir sekali ialah juga daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong kepada Jabatan Perdana Menteri mengenai perkara yang sama dan sebelum daripada hantaran memorandum ini berbagai perjumpaan, seminar, bengkel, ceramah telah dijalankan sejak awal tahun 1985, iaitu tahun permulaan kempen mengenai keganasan terhadap wanita. Detailnya sebagai contoh ada senarainya, kalau Yang Berhormat dari Arau mahu, bolehlah saya hantarkan kepadanya. Namun demikian kempen mengenai perkara ini bermula pada Mac 1985 yang seterusnya telah meinisiatifkan bengkel kerja dan perjumpaan serta pameran pada bulan Jun. Berikutnya, perjumpaan ataupun bengkel telah dianjurkan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita bukan Kerajaan (NCWO) di mana peserta-peserta telah menyertainya dan telah menerima memorandum mengenai reformasi perundangan.

Pada tahun 1986, satu Jawatankuasa mengkaji undang-undang telah diwujudkan oleh wanita Barisan Nasional untuk meneruskan usaha-usaha bagi mengkaji memajukan cadangan-cadangan yang berpatutan. Dalam pada itu berbagai perjumpaan dan latihan-latihan telah dijalankan di peringkat negeri oleh pertubuhan-pertubuhan wanita, juga suatu kumpulan kerja polis yang ditubuhkan untuk menyiasat kes-kes rogol dan latihan untuk mereka telah dijalankan oleh pakar daripada Kanada yang telah didatangkan dengan bantuan daripada bantuan luar. Dalam pada itu juga didapati bahawa ada juga berbagai latihan dan juga kegiatan-kegiatan sepanjang masa yang telah dijalankan di sekolah-sekolah yang telah dianjurkan oleh pertubuhan sukarela wanita, pameran-pameran, drama-drama yang menceritakan permasalahan yang dihadapi oleh

mereka yang ' menjadi mangsa yang telah didera oleh masalah rogol ini dan juga program-program pendidikan bersabit dengan masalah rogol telah juga diadakan di kawasan-kawasan pendalaman.

Sampailah kepada bulan Ogos, 1988, apabila pihak Peguam Negara, pihak Kementerian Dalam Negeri, pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat dan juga Urusetia Wanita di Jabatan Perdana Menteri membawa "consensus" dari pandangan-pandangan semua wakil-wakil pertubuhan ini untuk mendapatkan satu ketegasan daripada pihak mereka untuk menentukan apakah "final draft" yang akan disampaikan kepada Kabinet. Hanya setelah sampai kepada pihak Kerajaan dan setelah mendapat kelulusan, baharulah dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Jadi, ini adalah untuk memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat dari Arau bahawa kita tidak pernah membelakangkan pendapat-pendapat ataupun pandangan-pandangan daripada rakyat sekalian.

Berkenaan dengan adakah pihak Kerajaan membuat kajian-kajian di negara ini dan juga perbandingan yang telah dibuat dengan negara-negara lain, sudah. Di negara kita, kita telah jalankan kajian, malah hasil kajian ini telah dihantar kepada badan-badan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Mengenai maklumat tentang kajian yang dilakukan ataupun dijalankan di negara-negara lain, seperti di Papua New Guinea, di negara Asia Barat, di negara Thailand, dokumen-dokumen yang dikeluarkan oleh Commonwealth Secretariat, dan saya membuat "quotation" daripadanya, khususnya "We concentrate on the crime of rape and the current legislative models which have been introduced to facilitate prosecution of the offence" yang kita gunakan sebagai landasan untuk bertindak secara tegas.

Tentang perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau mengenai soal fasal keempat dan kelima dalam takrif rogol, fasal keempat dalam Seksyen 375, bukanlah satu takrif baru, tetapi memang telah sedia ada dalam peruntukan sekarang di mana jumlah kesnya adalah sebanyak 10 dan contoh-contoh kes seperti yang kita sedia maklum adalah suami-suami kepada mangsa-mangsa yang berkenaan adalah merupakan pengawal-pengawal keselamatan yang menjalankan tugas malam dan biasanya mereka ini kadang-kadang memikirkan yang suami-suami mereka ini telah dapat balik ke rumah, sebab itu membenarkan yang diingatkan suami mereka ini mengadakan hubungan seks dengan mereka sehingga apabila tiba ke peringkat akhir bila mendapati bahawa sebenarnya bukanlah suami mereka. Inilah yang dikatakan pesalah-pesalah

Tuan Shahidan bin Kassim:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Arau minta penjelasan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Minta penjelasan, boleh?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, berapakah kes yang terdapat di Malaysia yang menyebabkan kita terpaksa mengadakan undang-undang ini. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa undang-undang ini adalah ditiru daripada undang-undang England yang didasarkan kepada kes kurun yang ke 19. Ini saya sendiri baca buku pagi tadi dan kita dapati kes ini adalah kes di kurun ke 19 dan di

England sendiri pun mereka di "confused" tentang kes ini. Tetapi di Malaysia sekarang ini baharu hendak diperbaharui.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya baharu sebutkan tadi, bahawa kes ini adalah 10 dalam setahun dan kita membuat perbandingan kepada undang-undang yang ada dan melihat kepada keadaan sekitar kita dan melihat kepada perubahan-perubahan yang berlaku dan kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku dan sebab itulah kita perkenalkan undang-undang untuk membolehkan dia menjadi pencegahan dan juga menjadikan sebagai satu perlindungan.

Fasal kelima dalam Seksyen 375 adalah untuk menyelaraskan dengan Seksyen 90 Kanun mengenai konsep izin atau consent, misalannya adalah apabila kebenaran itu diberi di dalam keadaan mabuk atau di bawah pengaruh dadah.

Yang Berhormat juga ada menimbulkan soal mengenai pengguguran Seksyen 312. Ini bukanlah satu peruntukan yang membenarkan pengguguran, tetapi hanya untuk mengecualikan pengamal perubatan daripada kesalahan di bawah seksyen ini apabila terdapat keadaan yang serius seperti kerosakan mental atau fizikal itu yang didapati lebih memudharatkan daripada kesan pengguguran itu. Kita tidaklah boleh secara total membanteras penyalahgunaan kuasa, dan undang-undang bertujuan untuk mengemaskan bukan untuk menghapuskan tanggungjawab. Namun demikian, dalam kesu-sahan mendapatkan bukti

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Saya minta penjelasan sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya akan sampai nanti bila hendak menjawab soalan Yang Berhormat. Jadi, dalam kesu-sahan untuk mendapatkan bukti kenalah menganggap para pengamal perubatan bertindakan dalam sifat goodwill, dengan izin, dan kita percaya pengamal perubatan mematuhi peraturan dan kod etika mereka.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: (*Bangun*)

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya hendak cepat, Tuan Yang di-Pertua, jadi

Tuan Shahidan bin Kassim: Kes ini very serious, Tuan Yang di-Pertua. Sebab dia menjawab soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Walau bagaimanapun

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta penjelasan sedikit sahaja, bukan saya hendak minta dia pertahankan, cuma hendak minta

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Ramai orang daripada luar bertanya kepada saya

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat-Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bangun dulu tadi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kedua-dua Yang Berhormat duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan kepada

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk! Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak beri jalan, tidak bolehlah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya minta penjelasan, sebab bila masuk committee stage, nanti lagi panjang. Saya ingat biarlah yang ini, saya hendak minta cadangan sahaja. Saya hendak kata kepada Yang Berhormat, undang-undang ini tiruan daripada England, jadi saya cadangkan

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh buat cadangan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay, penjelasan. Di England undang-undang ini pengamal perubatan untuk kes-kes normal dia mesti ada dua orang pengamal perubatan untuk mengesahkan kes itu melibatkan kecederaan fizikal ataupun mental, kecuali kes-kes kecemasan. Saya minta Yang Berhormat, walaupun beliau beri penjelasan, saya hendak cadangkan supaya akan diambil tindakan, itu cukup, tidak payah jawab.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Kita ambil perhatian kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu.

Berkenaan soal mengenai Seksyen 377, Fasal 9, di mana binatang boleh dirogol dan sebagainya, peruntukan ini telah lama wujud dalam Kanun Keseksaan Seksyen 377 yang lama dan bukanlah satu peruntukan baru. Peruntukan ini bukan mengenai rogol di antara binatang, tetapi mengenai hubungan di luar tabii yang tidak normal di antara manusia dan binatang. Jadi hanya

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya rasa Seksyen 377 ini hukumannya adalah terlalu berat iaitu berkenaan

dengan hubungan seks dengan haiwan atau binatang—boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun serta denda atau sebat. Tidakkah ada option yang lain, sebab saya rasa sesiapa yang menjalankan hubungan seks dengan haiwan umpamanya, adalah daripada orang yang kurang siuman dan mungkin menghadapi tekanan jiwa ataupun sakit otak. Tidakkah boleh mereka ini dihukum supaya dihantar ke hospital-hospital sakit jiwa untuk dirawat yang saya rasa lebih sesuai.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, kita menggubal undang-undang, jadi kita benarkanlah kepada pihak mahkamah untuk membuat interpretasi dan melihat kepada circumstances, dengan izin, kepada kes-kes yang berkenaan. Hanya rujukan kepada

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Simunjan bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya kaji semalam sebelum hendak bercakap hari ini, tetapi tidak dapat bercakap tentang Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini, saya tengok teruk sedikit, sama ada ia sudah dirujuk kepada pakar-pakar agama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Minta penjelasan. Teruk sangat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa soalnya?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Soalnya, adakah rujukan dibuat kepada pakar-pakar agama, pakar-pakar jiwa, para Ahli Yang Berhormat Barisan Nasional termasuk Yang Berhormat dari Arau? Maklumlah dalam Barisan Nasional ini ada sistem, mesti rujuk kepada semua sebelum

undang-undang dibentangkan di Parlimen. Jadi, saya rasa perlu diambil kira sama ada pihak Kerajaan hendak review ini, jangan lulus dahulu kerana teruk ini, hal binatang, hal pengguguran seolah-olah digalakkan. Itulah penjelasan yang saya minta, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk review supaya kesulitan yang timbul nanti tidak akan menjadi satu perkara yang memalukan ataupun malu kepada seluruh rakyat di negara kita, terutama orang Islam. Mohon penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, hukuman di bawah seksyen 377 ini adalah seperti yang diperuntukkan sekarang. Memang sudah ada pun. Jadi, perkara ini memang salah hendak dibuat itu, tak boleh dengan binatang itu. Jadi, saya tak tahu apa Yang Berhormat hendak bangkitkan itu.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Saya menimbulkan secara general, secara umum. Tidakkah direview lagi ini, mungkin dikemukakan.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Perkara ini telah memang dijalankan. Yang Berhormat minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, apabila telah digubal sebuah undang-undang itu, saya kira yang lebih arif daripada pihak-pihak yang berkenaan mestilah mendapatkan pandangan-pandangan yang arif dan pakar daripada pihak-pihak yang berkenaan. Saya telah menceritakan tadi bagaimanakah proses untuk mendapatkan consensus daripada pandangan-pandangan di pihak masyarakat dan juga diangkat kepada pihak yang bertindak dan pihak yang bertindak itu daripada pihak yang membuat ataupun merangka undang-undang ini menggunakan kepakaran daripada pihak-pihak yang bersabit ataupun ada kaitan yang menyentuh dengan yang

diperlukan mendapat maklumat-maklumat yang dalam atau pengetahuan yang dalam berkenaan dengan hal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Arau ada menimbulkan soal mengenai hukuman penjara mandatori. Untuk makluman Yang Berhormat, ada negeri-negeri seperti India yang telah mengenakan hukuman penjara mandatori yang lebih tinggi iaitu 7 tahun penjara mandatorinya. Dan dalam kesalahan rogol, apa yang ditekankan ialah keselamatan si mangsa dan tidak menekankan kepada umur perogol dan juga kesan-kesannya di atas si mangsa yang dititikberatkan.

Berkenaan dengan sekiranya perkara itu dilakukan oleh seseorang lelaki yang berumur 15 tahun, ia masih dianggap rogol. Hanya seorang budak di bawah umur 13 tahun tidak boleh dipertuduh di atas kesalahan ini dan dia bolehlah dibawa kepada, kalau berlaku, boleh bertindak untuk membawa kepada Pusat Pemulihan Kanak-kanak ataupun remaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana?

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya harap Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri beri sedikit kesabaran, fasal kes ini kes serius, kes ini kita perlu beri perhatian supaya bila kita adakan ini orang tidak ketawakan kita dan apabila kita laksanakan undang-undang ini betul-betul boleh berjalan. Jadi kalau kes ini, budak-budak muda ini, syok-syok ini, Romeo dengan Juliet yang disebutkan semalam, 15 dengan 15 tahun, mereka buat, mereka bukan tahu apa pun, lepas itu mengandung, kedua-duanya dicharge rogol. Jadi hakim terpaksa jatuhkan hukuman mandatori 5 tahun, jadi macam mana kita hendak buat ini, mengikat hakim

yang tak boleh buat apa-apa tentang perkara ini. Kalau umur 40 macam sayakah dengan 15 tahun, dia elok sekali tetapi kalau 15 dengan 15 itu macam mana?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini suka sangat membawa kes ini, agaknya banyak pengalaman dalam hal ini agaknya! *(Ketawa)* Walau macam manapun, undang-undang ini adalah undang-undang yang jelas, yang tidak menggalakkan seks di bawah umur 16 tahun. Jadi, undang-undang ini juga tidak membenarkan untuk memberi sebarang justifikasi kerana tidak menggalakkan perlakuan di bawah umur 16 tahun dan untuk mempertahankan tata-susila pemikiran di kalangan anak-anak muda kita, remaja kita yang banyak kerja-kerja lain lagi yang dia boleh lakukan, yang boleh meningkatkan, membentuk satu tata-susila dan juga perwatakan yang lebih dinamik, yang lebih baik, yang tidak hanya menumpu kepada soal seks semata-mata. Ini persoalannya dan inilah undang-undang ini dikenakan.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Nibong Tebal minta penjelasan.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya memang menyokong tujuan Kerajaan untuk bertindak dengan lebih keras terhadap orang yang merogol kerana perlindungan berat harus diberi kepada kaum wanita sebagai seorang bapa dengan anak perempuan, saya memang menyokong. Tetapi saya hendak soal sama ada di samping mengambil tindakan tegas, sama ada provision yang dicadangkan ini mungkin membuka jalan untuk

miscarriage of justice. Jadi, oleh yang demikian, bolehkah Yang Berhormat Menteri menimbangkan mandatory sentence ini ditimbangkan semula dan memberi provision kepada hakim untuk menggunakan budibicara, misalnya mengkaji umur orang yang terlibat dan sebagainya sebelum menjatuhkan hukuman yang sewajarnya. Ini satu penjelasan yang saya minta daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, apabila dikenakan ataupun diadakan undang-undang ini telah dilakukan kajian dan dilihat daripada rekod-rekodnya, dan kebiasaannya rekod yang kita dapati ialah perlakuan rogol ini dilakukan oleh kebanyakannya perogol itu di kategori yang atas daripada 16 tahun atau kes majoriti yang menjadi perogol itu adalah di kategori yang umurnya atas daripada 16 tahun.

(Tuan Yang di-Pertua mpenge-rusikan Mesyuarat)

Seperti yang dikatakan tadi bahawa untuk menekankan tentang soal undang-undang ini memberi satu message bahawa tidak menggalakkan seks itu di bawah umur 16 tahun, itu untuk menjadikannya sebagai satu pencegahan atau deterrent dan di samping itu juga untuk membolehkan pihak-pihak yang berkenaan mengadakan aktiviti-aktiviti yang lain untuk memberi didikan yang lebih tersusun dan lebih refined, dengan izin, berkenaan dengan perkara-perkara yang bersabit dengan soal ini.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Petani bangun, hendak beri jalan?

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di atas perkara yang

berbangkit mengenai hukuman mandatori tadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat sedar bahawa hukuman mandatori itu satu arah yang betul menuju kepada hukum yang diredhai oleh Allah s.w.t. Saya menyokong.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Terima kasih. Yang Berhormat dari Arau telah membangkitkan mengenai maksud kelucahan melampau di bawah seksyen 377E. Kelucahan melampau adalah perbuatan kelucahan yang melampaui batasan biasa termasuklah perbuatan hendak membuka pakaian kanak-kanak, mengusik kemaluannya. Bagaimanapun kesalahannya tidaklah termasuk melakukan rogol iaitu satu kesalahan yang lebih besar.

Yang Berhormat dari Arau juga telah membangkitkan soalan mengenai hubungan seks melalui mulut, Fasal 9 seksyen 377A. Untuk makluman Yang Berhormat, misal-misalan di mana hubungan seks seperti ini adalah seperti berikut:

Terdapat kes-kes di mana kanak-kanak disuruh oleh bapa sebenar atau bapa tiri mereka, bermain dan menjilat alat-alat kelamin mereka sambil mereka berada dalam keadaan terbaring. Ada juga kes-kes di mana mangsa-mangsa rogol hendak menentang rogol dengan melawan balik dan ini menyebabkan alat kelamin menjadi tidak tegang, selepas itu pesalah memaksa mangsa menjilat alat kelamin mereka sehingga menjadi tegang semula.

Jadi, sekurang-kurangnya ada 20 kes pada tahun lalu yang biasanya mangsa-mangsa ini dipukul dan diugut dengan senjata-senjata merbahaya.

Masalah perhubungan seks yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau di antara gadis dengan teruna di dalam lingkungan

umur belasan tahun jika pesalah dihukumkan penjara. Tadi jika seseorang yang melakukan kesalahan rogol itu telah diterangkan iaitu seorang muda yang di antara umur 14 hingga 18 tahun beliau boleh ditahan di Sekolah Henry Gurney dan bukan dipenjarakan mengikut Akta Mahkamah Juvana 1947 di mana di sana budak ini akan mendapat tunjuk ajar disiplin yang tertentu.

Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan soal kenapa penerbitan buku lucah tidak diliputi di bawah Seksyen 292. Untuk makluman Yang Berhormat, penerbitan buku lucah adalah tertakluk kepada kawalan di bawah Akta Mesin Cetak, tidak di bawah Kanun Keseksaan. Sama ada Seksyen 292 meliputi video lucah, video lucah juga termasuk di bawah Seksyen 292 ini.

Yang Berhormat dari Tebrau menimbulkan soal mengenai Seksyen 312 iaitu tentang safeguards, dengan izin, bagi pengguguran anak-anak. Safeguards atau kawalan ke atas pengguguran anak-anak termasuklah etika profesion pengamal perubatan itu sendiri seperti yang telah saya nyatakan tadi dan kawalan ke atas profesion tersebut. Perbuatan ini dilakukan dengan suci hati mempercayai bahawa kehamilan itu akan mendatangkan risiko kepada nyawa wanita itu dan akan melibatkan wanita itu atau melibatkan kecederaan mental atau fizikal ke atasnya. Bahaya kehamilan itu adalah lebih bahaya daripada pengguguran tersebut. Bagaimanapun sama ada telah berlaku sesuatu kesalahan rogol atau tidak akan hanya ditentukan oleh mahkamah dan akan mengambil tempoh yang lama untuk diputuskan. Oleh itu pengecualian ini tidak memperuntukkan secara khusus mengenai pengguguran ke atas mangsa rogol, tetapi hanya diperuntukkan secara am iaitu sekiranya kandungan itu melibatkan

kecederaan mental ke atas perempuan hamil itu dan terpujanglah kepada pengamal perubatan untuk menentukan sama ada pengguguran itu patut dilakukan atas alasan-alasan perubatan.

Bagi menjawab soalan Yang Berhormat dari Tebrau supaya Jabatan Perdana Menteri dan Kerajaan melibatkan diri di dalam mengadakan banyak pusat mangsa rogol akan diambil ingatan dan akan diteliti serta dikaji supaya pusat-pusat mangsa rogol ini dapat diadakan. Walau bagaimanapun saya ingin memberitahu di sini bahawa pertubuhan Women's Aids Organisation, dengan izin, dan juga PERKIM ada menyediakan rumah untuk mangsa-mangsa rogol ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kelas-kelas bagi mempertahankan diri telah pun diwujudkan di sekolah-sekolah melalui ko-kurikulum dengan mengadakan ilmu mempertahankan diri termasuk juga pertubuhan-pertubuhan wanita yang telah semakin meningkat mengadakan kelas-kelas mempertahankan diri sama ada dengan berbagai cara pendekatan taekwan-do, karate, silat dan macam-macam lagi.

Jabatan Perdana Menteri akan menyampaikan kepada Kementerian Penerangan supaya mengawal rancangan-rancangan televisyen yang bercorak ghairah dan iklan televisyen yang menonjolkan imej wanita sebagai daya penarik utama untuk pelanggan membeli barangan-barangan tertentu dan Kementerian Dalam Negeri akan digesa juga untuk mengawal dan menjalankan penguatkuasaan dengan lebih rapi lagi tentang penjualan barangan-barangan bercetak ataupun video lucah bagi mengatasi perkara ini yang berlaku berleluasa.

Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Hulu Selangor, kes-kes rogol banyak berlaku adalah di antara masalah-masalah berikut. Masalah yang disebutkan oleh Yang

Berhormat itu boleh diatasi melalui seperti kes kadar pengangguran yang tinggi, melalui program-program yang bersepadu di antara Jabatan Perpaduan Negara dan Kementerian Belia dan Sukan, kedua-dua jabatan dan Kementerian ini ada menjalankan aktiviti-aktiviti bagi belia dan juga beliawanis untuk mengisi masa lapang dan mempertingkatkan lagi taraf hidup dari segi sosial dan ekonomi.

Saya yakin bahawa dengan program-program yang merupakan separuh teknikal dan vokasional yang dijalankan di bawah Kementerian Belia dan Sukan ini dapat mengatasi masalah ini. Begitu juga peluang-peluang pelajaran tinggi bagi murid-murid bukan Bumiputera akan disampaikan ke pengetahuan Kementerian Pendidikan.

Walaupun bagaimanapun saya ingin nyatakan di sini bahawa pergerakan seperti YMCA, YWCA, Persatuan Bahai dan pertubuhan-pertubuhan lain ada mempunyai cawangan belia untuk meningkatkan taraf spiritual di kalangan belia-belia mereka.

Mengenai cadangan untuk memasukkan dua keadaan lain bagi kesalahan rogol iaitu dalam tahanan Polis dan rogol orang tidak sempurna akal adalah tidak perlu untuk dimasukkan kerana memang telah diliputi dalam peruntukan-peruntukan sekarang. Fakta-fakta demikian hanya akan diambil kira untuk mendapatkan hukuman yang lebih tinggi daripada mahkamah.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang sambil menyokong penalty yang berat bagi kes-kes rogol dan kesalahan-kesalahan yang melibatkan kanak-kanak, rujukan dibuat kepada Seksyen 3 (1) Children and Young Persons Act 1947, dengan izin. Di bawah Seksyen itu penalty bagi keganasan kepada kanak-kanak ialah hanya dua tahun, penjara atau denda sebanyak \$5,000 dan dicadangkan supaya hukuman ini dinaikkan.

Kerajaan mengucapkan terima kasih ke atas cadangan ini dan akan mengkaji perkara ini dengan teliti serta memberi pertimbangan yang wajar.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga membangkitkan soalan mengenai hukuman dibuat di bawah Seksyen 377E. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hukuman di bawah seksyen ini adalah selaras dengan yang terdapat di bawah undang-undang di negara-negara seperti di negara Barat. Meminta supaya undang-undang berkenaan dengan perlindungan kanak-kanak disemak semula dan diperkemaskan. Kerajaan akan memberi perhatian terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah yang positif terhadap pengwujudan undang-undang bagi perlindungan kanak-kanak dan undang-undang sedang digubal.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas menimbulkan persoalan mengenai kuasa pengamal perubatan untuk menggugurkan kandungan seorang perempuan yang hamil. Pindaan kepada Seksyen 312 Kanun Keseksaan tidak bertujuan mewujudkan sesuatu undang-undang mengenai pengguguran kandungan tetapi hanya memperuntukkan kecualian-kecualian bagi seseorang pengamal perubatan yang melakukan pengguguran atas sebab-sebab yang diperuntukkan di bawah kekecualian itu. Kecualian bagi kesalahan melakukan pengguguran memang telah ada dalam peruntukan seksyen tersebut, tetapi hanya bagi maksud menyelamatkan nyawa perempuan mengandung itu sahaja dan peruntukan itu tidak pula menyebutkan siapa yang boleh melakukan pengguguran itu. Tujuan pindaan ini hanyalah untuk meluaskan keadaan-keadaan bagi pengecualian tersebut di samping menetapkan siapa

yang berkelayakan yang boleh melakukannya. Kecualian ini hanya terpakai jika satu pengamal perubatan itu dengan suci hati mempercayai bahawa penerusan kehamilan itu akan melibatkan risiko yang tinggi kepada nyawa atau melibatkan kecederaan kepada kesihatan mental atau fizikal perempuan itu secara serius. Kedua, risiko atau kecederaan mental atau fizikal itu adalah lebih tinggi atau lebih berat daripada penamatan kehamilan tersebut. Sekiranya terdapat bukti bahawa pengguguran itu tidak dilakukan mengikut garis-garis tersebut di atas maka orang yang melakukannya tetap boleh didakwa di bawah seksyen ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

* **Tuan Yang di-Pertua:** Ya, penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya apakah Yang Berhormat sedar bahawa seksyen ini berlawanan dengan undang-undang Islam.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara ini telah pun dibuat siasatan dan telah dipastikan perkara ini tidak bertentangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila teruskan. Bukan soal jawab.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa menimbulkan persoalan mengenai kesalahan pindaan kepada Seksyen 312 bagi memberi kekecualian bagi pengguguran anak. Untuk makluman Yang Berhormat seksyen ini bukan bertujuan untuk membenarkan pengguguran dengan sewenang-wenangnya tetapi hanya dilakukan dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja bagi menyelamatkan ibu yang mengandung. Perlu juga

ditegaskan di sini bahawa kecualian ini bukanlah suatu peruntukan baru tetapi memang telah sedia diperuntukkan di bawah Seksyen 312 ini. Pindaan ini hanya bertujuan menambah dua keadaan baru di mana pengguguran boleh diadakan yang hampir-hampir sama mudaratnya dengan kecualian yang sudah sedia wujud.

Yang Berhormat dari Kepong menyentuh peruntukan mengenai perhubungan seks di luar tabii dan perhubungan seks dengan kanak-kanak yang mengeluarkan pandangan bahawa orang-orang yang melakukan kesalahan ini ialah orang-orang yang tidak siuman, Kerajaan harus memberi perhatian kepada aspek ini dan pandangan pakar psychiatry harus diperolehi.

Fasal 9 menyentuh Seksyen-seksyen 377 dan 377D yang bukan semata-mata peruntukan baru, peruntukan-peruntukan itu terdapat dalam Kanun Keseksaan yang sedia ada. Hanya drafnya telah diubah untuk menjadi lebih khusus. Seksyen 377E ialah suatu peruntukan yang juga didapati dalam undang-undang di negara Barat. Kesalahan-kesalahan di bawah seksyen ini telah berlaku di Malaysia juga. Berhubung dengan orang-orang yang tidak siuman prosedur tertentu untuk kajian psychiatry dan sebagainya sedia terkandung dalam peruntukan (2) Seksyen-seksyen 342 dan 352 di bawah Kanun Prosedur Jenayah.

Untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kepong dalam proses merangka/menggubal Rang Undang-undang ini, pandangan dari pakar-pakar psychology, psychiatrist, rohaniah telah diminta pandangan. Cadangan Yang Berhormat mengenai mengadakan penempatan khas untuk mangsa-mangsa rogol akan diambil perhatian. Ia akan diadakan di hospital-hospital dan juga di penjara-penjara.

Mengenai teguran Yang Berhormat dari Pengkalan Cepa bahawa fatwa mengenai perkara ini telah pun dibuat lama oleh Kerajaan, pengguguran hanya boleh dilakukan sekiranya ia akan mudarat ibu dan anak dalam kandungan setelah pengesahan dari pakar tertentu. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap. Yang Berhormat dari Kepong hendak bercakap Fasal apa?

Dr Tan Seng Giaw: Fasal 5 dan 7.

Tuan Pengerusi: Fasal 5 dan 7. Bolehkah Setiausaha baca Fasal-fasal 1 hingga 7 dahulu.

Fasal 1 hingga 7—

5.22 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, pindaan ini memperluaskan kekecualian yang seseorang pengamal perubatan berdaftar boleh menamatkan sesuatu kehamilan bagi maksud menyelamatkan nyawa dan dalam hal ini di mana pengurusan

kehamilan akan melibatkan kecederaan kepada kesihatan fizikal atau mental perempuan yang hamil, yang lebih jika kehamilan itu ditamatkan.

Pindaan ini boleh menimbulkan banyak kontraversi kerana secara langsung ia mengesahkan pengguguran kandungan di Malaysia. Hal ini terjadi kerana ianya amat sukar untuk membeza-bezakan mahupun menyukat yang benar-benar melibatkan kecederaan-kecederaan kepada kesihatan fizikal atau mental, lebih-lebih lagi kesihatan mental dengan kes-kes yang sengaja hendak menggugurkan kandungan mereka bagi sebab-sebab yang lain. Mengesahkan pengguguran dibuat oleh pengamal perubatan berdaftar mungkin mengurangkan kejadian perempuan mendapat perkhidmatan orang yang tidak dilatih dalam bidang perubatan mahupun didaftar dengan Kerajaan. Namun ianya juga tidak dapat menghalang dipinda kepada Seksyen 312. Ini disahkan digunakan sebagai alasan bagi menggugur kandungan mereka. Oleh itu, Kerajaan harus mengambil kira kenyataan yang sesetengah pengguguran kandungan yang dilakukan mungkin di luar daripada peruntukan undang-undang. Tetapi nampaknya sah disebabkan oleh alasan kecederaan kesihatan mental. Kami berharap pihak Kerajaan akan mengetatkan pengawasan terhadap kes-kes pengguguran kandungan yang jatuh di luar daripada peruntukan Seksyen 312 Kanun supaya alat perundangan ini tidak disalahgunakan.

Tuan Pengerusi, mengenai mental ini saya berharaplah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memerhatikan kerana amalan ada mengatakan dua doktor sekurang-kurangnya. Satu daripadanya seorang doktor pschiatrist patut diadakan untuk mengesahkan dan menentukan sama ada sebab mental ini boleh digunakan untuk pengguguran.

Fasal 7 pindaan Seksyen 375 Kanun. Di antara pindaan yang dibuat adalah mengadakan Fasal baru Fasal 5 dalam seksyen ini di mana izin seorang perempuan yang tidak memahami jenis dan akibat daripada bersetuju kepada persetubuhan tidak boleh dianggap sebagai izin sah. Dalam hal ini Kerajaan perlu mengambil langkah tambahan iaitu menimbangkan cadangan memulakan pendidikan seks, (sex education) di sekolah-sekolah supaya kanak-kanak kecil khasnya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap dasar itu.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, pindaan harus juga dibuat untuk mengenakan hukuman penjara sehingga mati (imprisonment until death) dan bukan hanya sekadar penjara seumur hidup yang berupa penjara 20 tahun sahaja bagi kes-kes di mana rogol statutory dan juga melibatkan pembunuhan. Hukuman sehingga mati juga patut dikenakan ke atas perogol yang mendakwa diri mereka kurang siuman akan tetapi selepas dirawat dan disahkan selamat untuk pulang ke masyarakat, sekurang-kurangnya saya menekankan di sini dua orang pakar psychology yang sangat berpengalaman mesti memeriksa dan mengesahkan orang itu sebagai sihat dan selamat untuk dibebaskan daripada rawatan.

Tuan Pengerusi, dengan kes-kes custodial rape iaitu di mana mangsa dirogol oleh Polis, penjaga penjara atau pengurus hospital semasa di bawah kurungan. Sungguhpun kita belum mempunyai statistik mengenai.

Tuan Pengerusi: Saya takut Yang Berhormat bercakap dasar.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, di dalam Rang Undang-undang ini tidak termasuklah kes-kes custodial rape yang jelas untuk memelihara

mangsa-mangsa yang diseksa di dalam keadaan kurungan. Saya berharap pihak Kerajaan dapat mengambil perhatian yang lebih. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ipoh.

5.27 ptg.

Tuan P. Patto (Ipoh): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma membangkitkan satu perkara sahaja di bawah Fasal 7 mengenai, dengan izin, Explanation dan Exception mengenai diberi dalam Fasal 7 itu. Fasal 7 meminda Seksyen 375, dan dengan izin, Tuan Pengerusi, saya baca explanation. Tuan Pengerusi, muka surat 3 berbunyi:

“Explanation 1—A woman—

- (a) living separately from her husband under a decree of judicial separation or a decree nisi not made absolute; or
- (b) who has obtained an injunction restraining her husband from having sexual intercourse with her,

shall be deemed not to be his wife for the purposes of this section.”

Apa yang saya ingin dapat tahu ialah berkenaan dengan wanita yang belum lagi mendapat decree nisi dan yang belum lagi memasukkan perkara perceraian ke mahkamah tetapi hidup tidak bersama (separation), dengan izin. Jadi, apakah perlindungan undang-undang ini ataupun bahagian ini akan memberi kepada wanita-wanita yang sekarang hidup dalam keadaan separation di antara suami dan isteri, tetapi isteri mempunyai niat untuk membawa kes perceraian ke mahkamah tetapi belum lagi berbuat demikian? Dan tidakkah sekiranya suami mahu mengadakan hubungan jenis dengan wanita itu melakukan kesalahan rogol? Itu yang saya ingin

mendapat tahu dan juga satu jaminan kalau perenggan ini tidak memberi perlindungan kepada wanita yang ada dalam keadaan seumpama ini, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan bahawa demi untuk memberi perlindungan kepada wanita-wanita dalam keadaan seumpama itu, satu pindaan lagi boleh dibuat kepada bahagian ini supaya memberi perlindungan kepada wanita.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap.

Dato Dr Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Fasal 5 di dalam perenggan (b) yang memasukkan exception yang berbunyi:

“This section does not extend to a medical practitioner registered under the Medical Act 1971 who terminates the pregnancy of a woman if such medical practitioner is of the opinion, formed in good faith, that the continuance of the pregnancy would involve risk to the life of the pregnant woman, or injury to the mental or physical health of the pregnant woman, greater than if the pregnancy were terminated.”

Jadi apa yang saya hendak nyatakan di sini adalah memang fasal—ini adalah bertujuan meminda Seksyen 312 Kanun untuk memperluaskan ke-kecualian yang seseorang pengamal perubatan berdaftar boleh menamatkan satu kehamilan dan ini adalah untuk mengurangkan keseksaan yang ditanggung oleh mangsa rogol yang terpaksa mengandung hasil rogol itu.

Tuan Pengerusi, walaupun saya setuju dengan pindaan ini tetapi pada pendapat saya ianya adalah terlalu umum tanpa menentukan had-had seperti apakah tahap atau umur janin ataupun foetus yang hendak dibuangkan itu ataupun hendak digugurkan itu. Saya tidak setuju kalau diberi kuasa menamatkan penghamilan

yang janinnya sudah advanced atau janin yang sudah mempunyai sifat-sifat manusia yang sempurna kerana, Tuan Pengerusi, ini adalah berlawanan dengan hukum-hukum agama Islam.

Saya mencadangkan supaya ditambah lagi supaya kita patut menentukan had-had umur janin diberi exception di dalam pemindaan Seksyen 312 ini iaitu umur janin yang boleh digugurkan itu adalah umur yang dibenarkan oleh agama Islam, janin yang belum lagi mempunyai sifat sempurna sebagai manusia.

Tuan Pengerusi, sedia maklum bahawa di dalam stage development janin itu ada stagenya merupakan ikan dan apabila cukup sempurna maka masa itu adalah salah kalau digugurkan, mengikut ajaran agama kita. Di sini, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya kita menambahkan lagi peruntukan yang diberi di bawah seksyen ini dan ditambahkan lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya pohon supaya kita masuk section by section sebentar lagi, sebab kalau pergi banyak, kita tak sempat tangkaplah, sebab banyak yang hendak diperbincangkan—Fasal 1—7. Saya hendak mencadangkan supaya dimasukkan dalam Fasal 1 hingga 4 di mana-mana yang mensyaratkan kepada mahkamah iaitu kes-kes rogol hendaklah dibuat dalam camera, sebab kita lihat sekarang mengikut budibicara hakim. Hakim kalau sekiranya dia fikir kes itu patut diadakan dalam camera maka dia tutup kes itu daripada umum, tetapi kalau hakim tidak mahu berbuat demikian maka kes itu berjalan sampai ke peringkat yang patut ditutup, baru ditutup tetapi kita minta supaya kes itu

ditutup terus daripada umum, sebab mangsa rogol kadang-kadang dia tidak dapat memberikan keterangan yang sebenarnya oleh kerana malu dan lain-lain lagi tekanan yang menyebabkan dia tidak boleh memberi keterangan yang sebenar. Jadi saya minta dimasukkan di mana-mana seksyen di antara 1-4. Kalau begitu kita akan sokong sebentar lagi dengan pindaan.

Fasal 5, tadi saya cadangkan sebab undang-undang ini didasarkan kepada undang-undang yang terdapat di England, tadi saya sudah sebut dalam dasar tetapi disokong oleh wakil Kepong, wakil Barisan pun saya percaya akan menyokong iaitu untuk kes normal mestilah diadakan sekurang-kurangnya dua orang pengamal perubahan kecuali kes emergency tetapi saya lihat sebentar lagi, rasa saya kes ini berlawanan dengan agama Islam dan saya minta sesuatu dibuat untuk meneliti supaya ditimbang semula perkara ini. Siapakah yang telah dirujukkan berhubung dengan kes ini, tolong kalau boleh Yang Berhormat keluarkan fatwa daripada mana-mana pihak yang mengatakan kes ini boleh, tidak berlawanan dengan agama Islam. Dengan itu boleh kita rekodkan dalam Parlimen bahawa ini sebenarnya Kerajaan telah bersetuju bahawa ia tidak berlawanan dengan agama Islam, kalau tidak beratlah kita hendak tanggung.

Fasal 7, ini berhubung dengan definisi rogol di peringkat nombor 3 iaitu dia tidak masuk, dengan izin, sexual harassment. Di sini disebut dengan ugutan untuk takut mati dan sebagainya. Bagaimana pula kes-kes yang melibatkan ketua pejabat memaksa orang bawahan mengadakan hubungan seks kalau tidak tak boleh naik pangkat, kalau tidak dibuang kerja dan sebagainya? Bagaimana kes mandur dalam sebuah estet yang telah masuk dalam surat khabar kalau sekiranya penoreh getah itu tidak

mahu menelanjangkan diri atau mengadakan hubungan seks, maka dia akan dibuang kerja? Bahagian mana dimasukkan dia tidak menggunakan senjata, tidak menggunakan apa-apa ugutan kekerasan kecuali dengan menggunakan taktik yang dia itu sebagai seorang yang berkuasa, tidak dimasukkan di sini. Saya ingat patut ditambah dengan izin, sexual harassment.

Yang keempat tadi Yang Berhormat bagi tahu kepada saya ada 10 kes di Malaysia yang menyebabkan semua orang panic untuk mengadakan definasi yang keempat ini iaitu contohnya ialah wanita-wanita yang berkahwin dengan pegawai-pegawai keselamatan dan sebagainya yang apabila suaminya balik dia tak tahu itu suaminya. Saya takut Yang Berhormat, kes ini adalah 10 daripada 16 juta penduduk Malaysia tetapi apabila undang-undang ini diadakan, kes ini menjadi mungkin 1,000, mungkin 10,000 sebab wanita-wanita yang berkahwin yang ingin mengadakan seks dengan orang lain selepas itu tiba-tiba diketahui oleh suaminya, dia takut dia kata orang itu dia sangka suaminya.

Jadi orang yang tak beraniaya, walaupun mereka sama-sama seronok tadi, nampaknya lelaki akan dituduh merogol, sebab wanita kata dia tak tahu bahawa lelaki yang mengadakan seks dengannya itu sebenarnya suaminya, sebab memang selalunya orang mengadakan seks sebelah malam. Jadi menyebabkan perempuan tak nampak kecuali kalau elektrik rosak dan sebagainya. Tetapi selalunya perkara ini boleh menyebabkan orang menyalahgunakan undang-undang ini. Saya minta maaf, adakah committee yang duduk untuk membincangkan perkara ini adakah semuanya wanita yang tidak memikirkan bahawa ini adalah melibatkan lelaki sama, sebab rogol ini bukan wanita sahaja hendak mempertahankan wanita, lelaki pun

hendak mempertahankan wanita. Sebab siapakah yang tak sayangkan wanita, tetapi kalau bawa cerita macam ini seolah-olah kita mengikat dan menggalakkan orang mengadakan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Marang bangun.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Bolehkah minta penjelasan sedikit. Adakah isteri yang tak kenal suaminya?

Tuan Shahidan bin Kassim: Daripada 16 juta penduduk Malaysia, cuma 10 orang sahaja tak kenal. Jadi oleh kerana 10 orang undang-undang ini terpaksa dibuat. Lojikkah? Jadi saya minta supaya ini difikirkan semula, sebab kita tak mahu seolah-olah menggalakkan wanita tidak kenal suami, semasa mengadakan hubungan jenis. Masa lain tak apalah, tetapi masa mengadakan hubungan seks itu biarlah yang datang itu biarlah dia kenal suaminya, kecuali dia hendak buat yang lain daripada itu, itu dia tanggunglah sendiri antara dia dengan Tuhan tetapi undang-undang ini menggalakkan wanita akan melambakkan kesalahan itu kepada lelaki ataupun boyfriendnya dan sebagainya mengatakan bahawa itu dia sangka suaminya, banyaklah suaminya nanti. Jadi saya minta supaya ini ditimbang balik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Sungai Petani.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap Yang Berhormat, ada satu usul.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANG- GUHAN

**Timbalan Menteri Pembangunan
Negara dan Luar Bandar (Dato Mohd.
Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):** Tuan
Yang di-Pertua, saya bangun
mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan
Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak
akan ditangguhkan sehingga semua
urusan Kerajaan yang tertera dalam
Aturan Urusan Mesyuarat
diluluskan dan setelah itu Dewan ini
akan ditangguhkan kepada suatu
tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan
Luhut Wan):** Tuan Yang di-Pertua,
saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli
Yang Berhormat, Usul yang
dikemukakan iaitu mesyuarat ini tidak
akan ditangguhkan sehingga semua
urusan Kerajaan yang tertera dalam
Aturan Urusan Mesyuarat diluluskan,
dan selepas itu Dewan ini akan
ditangguhkan kepada suatu tarikh yang
tidak ditetapkan, hendaklah
dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan
disetujui,

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan
Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak
akan ditangguhkan sehingga
semua urusan Kerajaan yang ter-
tera dalam Aturan Urusan

Mesyuarat diluluskan dan
setelah itu Dewan ini akan
ditangguhkan kepada suatu
tarikh yang tidak ditetap-
kan.

Dewan bersidang sebagai Jawa-
tankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Jawatankuasa)

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN)

Perbahasan disambung semula.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang
Berhormat dari Sungai Petani.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji
Ahmad (Sungai Petani):** Tuan Penge-
rusi, saya ingin menyentuh sedikit
sahaja iaitu Fasal 7 bahagian Keenam,
mengenai menaikkan umur daripada
13 kepada 16 tahun dianggap sebagai
rogol sama ada dipersetujui atau
tidak. Yang ini ada hubungan dengan
hukum Islam dan diamalkan di
Malaysia sekarang ini. Jadi saya
minta supaya perkara ini
ditangguhkan dan difikirkan betul-
betul.

Pertama, pada masa sekarang ini
negeri-negeri di Malaysia ada yang
membenarkan perkahwinan bagi
gadis-gadis yang berumur di bawah 16
tahun. Kalau kita luluskan undang-
undang ini maka berertilah bagi umat
Islam yang sudah berkahwin dengan
gadis-gadis yang berumur di bawah 16
tahun maka ianya boleh ditangkap.

Tuan Pengerusi: Tidak, Yang
Berhormat. Ada explanation di bawah
itu. Iaitu jikalau sekiranya orang itu
isteri dia, kalau berumur 15 tahun tidak
menjadi kesalahan rogol.

**Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji
Ahmad:** Ya, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Simunjan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Fasal 7, mukasurat 3, yang berbunyi: "Sixthly, with or without her consent, when she is under sixteen years of age".

Sebenarnya kita harus memikirkan juga keadaan masyarakat kita kerana mungkin Akta ini dipinda berasaskan kepada hakikat bahawa kita ini orang Asia semuanya. Kalau 16 tahun itu masih kecil. Tetapi bagaimana kalau orang Asia itu dicantum dengan orang Eropah, lebih besar. Jadi, oleh kerana dari segi fizikalnya lebih besar maka tentunya saya rasa umur yang 16 tahun ini kalau sudah mencapai 16 tahun, sudah besar sangatlah. Jadi memadai juga saya rasa kalau sekiranya umur ini dikekalkan 13 tahun bagi golongan kategori daripada cantuman orang Asia dengan orang Eropah ataupun orang Eropah yang dari fizikalnya besar, ataupun orang Arab yang menetap di Malaysia menjadi warganegara Malaysia.

Jadi saya rasa ini perlu kita beri satu demarkasi atau demarcation, dengan izin, satu perbezaan di antara anggota-anggota masyarakat yang mana cepat besar, yang mana lambat besar dan sebagainya. Memanglah sekarang ramai yang sudah cepat besar, tetapi saya rasa kita di kalangan orang Asia ini memang lambat besar. Sebab itulah kita tinggikan umur daripada 13 tahun kepada 16 tahun tetapi untuk mereka yang dari segi fizikalnya cepat besar, jadi saya rasa mungkin umur 13 tahun, macam orang putih di Eropah, umur 10 tahun sudah besar, boleh kahwin. Jadi ini perlu kita mengambil berat. Yang satu lagi ialah sebagaimana yang telah disentuh oleh sahabat kita beberapa orang tadi, Fasal 7, berbunyi—saya ulang kerana ini saya rasa memang mengelirukan—iaitu "Fourthly, with her consent, when the

man knows that he is not her husband, and her consent is given because she believes that he is another man to whom she is or believes herself to be lawfully married or to whom she would consent".

Saya rasa kadang-kadang ini diambil peluang oleh orang nanti kerana ayat ini mengelirukan dan mungkin disalahgunakan oleh kumpulan yang mengambil peluang daripada kandungan Fasal ini. Saya mohon kepada pihak Kementerian ataupun pihak Timbalan Menteri ataupun Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji Fasal ini supaya ianya tidak menjadi satu Fasal yang mengelirukan masyarakat kita pada masa kini dan pada masa-masa akan datang.

Yang satu lagi ialah saya rasa dari segi Fasal 8

Tuan Pengerusi: Kita tidak masuk 8 lagi, Yang Berhormat?

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Oh, sampai 7 sahaja. Terlalu cepat, jadi saya tunggulah, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Nibong Tebal.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Pengerusi, saya bangkit untuk mempertahankan cadangan Timbalan Menteri berkenaan dengan pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 375, bahagian Keenam, yang berbunyi, "with or without her consent when she is under 16 years of age". Tadi saya dengar Ahli Yang Berhormat, kawan baik saya dari Simunjan mengatakan bahawa orang Asia berbadan kecil dibandingkan dengan orang Eropah, orang Amerika dan sebagainya. Ingin saya memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa di Massachusetts, sebuah negeri di Amerika Syarikat di mana

penduduknya keturunan Barat kebanyakannya di situ undang-undang serupa. Sekiranya ada hubungan seks dengan seorang perempuan di bawah 16 tahun jadi ini dianggap sebagai rogol. Jadi saya hairanlah tadi dengar Yang Berhormat kata oleh kerana badan besar dan sebagainya tidak patut ada ini. Saya menyokong cadangan Kerajaan sekuat-kuatnya.

Tuan Pengerusi: Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, Ahli-ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan perbahasan di dalam Jawatankuasa, kita harus sedar kita telah bersetuju atas dasar tadi. Jadi jikalau sekiranya hendak diadakan pindaan di dalam Jawatankuasa, hanya pinda perkataan-perkataannya sahaja bukan di atas dasar yang telah dipersetujui. Itulah cara-cara perbahasan di dalam Jawatankuasa. Umpamanya kalau kita tidak bersetuju tentang 16 tahun itu, kita kata 15 tahun, kemudian mintalah pindaan dibuat di bawah Peraturan Mesyuarat dengan menghantarkan kepada saya satu notis pindaan, kemudian barulah saya undikan sama ada pindaan itu akan diterima atau tidak. Jika sekiranya masing-masing berucap sebagai seolah-olah di dalam dasar, itu adalah salah dengan cara-cara perbahasan di bawah Jawatankuasa.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan. Yang Berhormat dari Arau ada menyentuh tentang pendengaran kes di dalam kamera. Pendengaran kes adalah di bawah Kanun Prosedur Jenayah dan tidak ada kaitan dengan pindaan Kanun Keseksaan.

Kedua, berkenaan dengan "sex harassment", dengan izin, yang dibangkitkan perkara ini diliputi

oleh Fasal pertama seksyen 375 iaitu memberi persetujuan yang bertentangan dengan kemahuan. Berkenaan dengan Fasal 4, saya tegaskan sekali lagi bahawa Fasal 4 adalah peruntukan yang sudah sedia ada dan Kerajaan tidak bercadang mengeluarkan Fasal ini.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Terap yang membangkitkan isu bahawa Seksyen 312 tidak menentukan umur janin yang boleh digugurkan dan oleh itu ia adalah terlalu luas, umur janin sebenarnya tidak perlu ditentukan kerana ini akan diliputi dalam pertimbangan doktor semasa menentukan sama ada risiko atau bahaya kepada perempuan yang hamil itu adalah lebih berat jika keguguran dilakukan dibandingkan dengan risiko jika keguguran tidak dilakukan.

Bagi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Simunjan, soal umur 16 tahun sebagai umur minima. Umur 16 adalah umur yang digunakan di beberapa buah negara termasuk di India. Jadi kita juga menggunakan yang mereka.

Berkenaan dengan Seksyen 375 (Fourthly) Fasal ini telah sedia ada. Jadi penangguhan pindaan ini tidak akan dapat menyampai hasrat Yang Berhormat kehendaki. Jadi, diharap Yang Berhormat dapat merujuk kepada Seksyen 375 yang sedia ada. Namun demikian, beberapa pindaan dan buah fikiran yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi bolehlah diambil perhatian oleh Kerajaan.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas teguran-teguran dan pandangan-pandangan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat Timbalan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh

Tuan P. Patto: Satu minit sahaja

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh. Yang Berhormat Timbalan Menteri sudahpun duduk. Kita sudah lambat ini. Saya harap janganlah sampai pukul 12.00 malam ini.

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 8 hingga 15—

Tuan Pengerusi: Fasal-fasal 8 hingga 15 jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Tuan Shahidan bin Kassim: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Fasal apa Yang Berhormat hendak berucap?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, saya minta maaf. Walaupun teguran Tuan Pengerusi tadi saya terima dengan hati yang rendah, tetapi apabila saya bercakap kelmarin seksyen demi seksyen, Tuan Pengerusi Majlis pada masa tersebut minta saya merujuk kepada Jawatankuasa. Bila Tuan Pengerusi masuk, Tuan Pengerusi benarkan pula saya bercakap. Jadi saya confuse sedikit sebab itu hari ini bila masuk ke Committee stage Tuan Pengerusi kata tidak boleh. Itu saya susah sedikitlah.

Tuan Pengerusi: Bleh itu boleh. Tetapi tidak boleh mengubah dasar.

Tuan Shahidan bin Kassim: Itu yang pening sedikit, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak usah peninglah. (*Ketawa*)

Tuan Shahidan bin Kassim: Sekarang ini Fasal 8 hingga berapa Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: 8 hingga 15.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Fasal 8 ini susah sedikit sebab dasar sedikit tetapi minta ubah ayat—yang bapa rogol anak diminta hukum sampai mati, bukan 5 tahun dan sebagainya. Kelmarin kita cadangkan supaya naik 10 tahun, saya cadangkan diubahkan ayat daripada 5 jadi 10 tahun. Kita ubah ayatlah. Kemudian

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kalau sekiranya Yang Berhormat hendak cadangkan pindaan, kena ada slip pindaan itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ini susah, Tuan Pengerusi. Saya tidak bersedia untuk itu, sebab ini masalah undang-undang. Saya cadangkan secara umum bagi dia jawab secara umum. Saya cadangkan Fasal 8 (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Baiklah, sila jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Susah, Tuan Pengerusi, kita sudah buat begini lama. Saya cadangkan, Tuan Pengerusi, supaya Fasal 8 itu diketatkan hukuman bapa rogol anak kerana menyalahi tabii, lebih teruk. Tetapi itu tidak pernah difikirkan, itulah saya kata Jawatankuasa itu macam mana bentuknya.

Kemudian, di bawah Fasal 9, Tuan Pengerusi, saya telah sebut fasal menggunakan mulut dan juga belakang semalam, Undang-undang ini seolah telah membuat pondan terselamat. Sebab pondan itu buat secara sukarela. Kalau boleh buat undang-undang ini ikat pondan sama sebab pondan menyebabkan AIDS.

Undang-undang ini janganlah difikirkan wanita sahaja. Pondanpun separuh wanita dan separuh lelaki. Mereka juga hendak macam itu. Sekarang ini kalau kita kata yang menyalahi tabii itu cuma perempuan sahaja, yang pondan boleh, jadi itulah patut Committee ini ada seorang pondan sebagai wakil untuk memikirkan perkara ini. Kelmarin saya diketawakan, tetapi benda ini dibuat dengan nyata, ditulis dengan nyata, banyak kawan-kawan saya yang tidak baca buku kelmarin tegur saya mengapa saya menyebut perkataan penis, anus, mouth, dengan izin, tetapi ini ditulis di sini. Macam mana saya tidak baca. Jadi Undang-undang ini sepatutnya dilihat balik supaya pondan pun kena.

Kemudian, Fasal 11. Ini betul saya hendak ubah ayat. Cuba tengok new section 377E. Ini saya rasa A.G. tambah, perkataan "may extend to five years". Tuan Pengerusi, "may" ini, kemudian yang the next one itu "and shall also be liable to whipping". "Shall" ini lebih kurang mandatory, Tuan Pengerusi. Kalau yang ini "may", ini, sepatutnya, "may" juga. Kalau sekiranya tiba-tiba orang ini tidak dihukum apa-apa hukuman jel tetapi dia mungkin kena hukuman sebat. Sebat jadi mandatori. Ini loyar bagi tahu. Bukan saya cakap saja-saja. Saya minta "shall" diubah jadi "may". Sebab di bawah Committee, Fasal 11, Seksyen—377E perkataan "shall" jadi "may".

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat kena beri kertas itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kertas pula. Susah, Tuan Pengerusi, tidak bersedia.

Tuan Pengerusi: Itu lazim dibuat. Dalam persidangan yang lepas-lepas kita ada buat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ada buat, tetapi ini dia beri 3 hari. Kita ada

jamuan Yang di-Pertuan Agong (*Ketawa*). Saya minta supaya dibuat pindaan walaupun saya tidak mengikuti peraturan, tetapi jangan cari kelemahan saya untuk lepaskan diri daripada tidak membuat pindaan. Saya rasa saya bukan bercakap seorang tetapi berbincang dengan penal loyar-loyar kelmarin. Jadi saya rasa mereka juga mempunyai pendapat yang sesuai, kerana mungkin dalam masa draf dibuat, banyak draf yang dibuat yang dicadangkan oleh Jawatankuasa ini. Apabila pergi ke A.G., A.G. tambah ini. Itu yang saya hendak tahu sama ada betul atau tidak. Kalau A.G. tambah, sekarang ini kami di sini mengetahui hal tersebut minta dibuat pindaan. Tanya A.G. di belakang kalau tidak percaya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ingat perkataan "may extend to 5 years" itu bermakna apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: May ini apabila sana jadi may juga, bukan jadi shall.

Tuan Pengerusi: Tidaklah, maksud dia itu. Walaupun dia dihukum 1 hari, dia kena hukum pukul atau rotan juga. Itu tujuan dia.

Tuan Shahidan bin Kassim: 1 hari takkan hendak tibai, Tuan Pengerusi. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi: Betullah, saya beri umpama sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Shall ini jadi mandatori. Walaupun 1 hari dia kena tibai. Masuk 1 hari kena. Ini tidak logik. Bila dia baik luka, baru dia keluar jalan elok. Ini besok dia balik jalan mengenggang (*Ketawa*). Ini cerita tidak betul. Saya sudah bincang dengan kawan-kawan, saya sudah bincang dengan pihak penjara yang pukul orang itu, dia kata besok orang itu keluar jalan mengenggang, malu dekat orang. Ini betul, Tuan

Pengerusi. Saya sudah bincang dengan banyak orang minta ditukar, sebab A.G. pun buat tergesa-gesa saya dimaklumkan. Ini betul—tanya orang dibelakang.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Simunjan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, saya rasa Fasal 9, Seksyen 377, muka surat 4, saya rasa yang berbunyi, "Whoever voluntarily has carnal intercourse with an animal shall be punished with imprisonment for a term which may extend to twenty years, and shall also be liable to fine or to whipping."

Saya rasa ini, Tuan Pengerusi, banyak dipercakapkan semalam oleh Yang Berhormat dari Arau dan ramai yang ketawa, ramai yang rasa memalukan. Kalau dapat ini kita potong saja. Tidak usah dimasukkan dalam Akta pindaan ini kerana

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak boleh cadang macam itu. Kita telah bersetuju tentang dasar, hanya kita boleh pinda atas detail saja.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Oh! (*Ketawa*). Saya pun terkeliru. Minta maaf. Semalam memang ada, Tuan Pengerusi, kita tahu memang boleh faham. Tetapi ada yang mempengaruhi mesyuarat ini, saya dengar betul dari awal cakap detail-detail dibawa ke Jawatankuasa. Yang macam inilah, jadi sekarang kita bawalah. Tetapi kita hendak penyelarasan daripada pihak yang mempengaruhi mesyuarat ini. Jadi kami rasa sedikit terkeliru cara ini. Kalau ini dikatakan oleh Pengerusi Insya Allah, kita akan ikut. Tetapi penyelarasan di peringkat yang mempengaruhi itu, saya mohon kalau dapat diadakan cara-cara yang teratur. Minta maaf, Assalamualiakum. Itu saja. (*Ketawa*)

Tuan P. Patto: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ipoh.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya rujuk kepada Fasal 9 seksyen baru 377A. Oleh kerana Kanun Keseksaan itu adalah dalam bahasa Inggeris dan selepas membaca seksyen baru itu, saya terkeliru sedikit tentang susunan perkataan-perkataan dan interpretasi yang boleh dibuat dengan pindaan ini.

Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Seksyen 377A yang berbunyi:

"377A. Any person who has sexual connection with another person by the introduction of the penis into the anus or mouth of the other person is said to commit carnal intercourse against the order of nature."

Yang "any person" ini bukanlah bererti dia semestinya wanita atau lelaki tetapi apabila dibaca keseluruhan susunan ayat itu, saya dapati "any person" itu adalah male, dengan izin, lelaki. Oleh kerana kalau kita mengikuti, "who has sexual connection with another person by the introduction of the penis into the anus or mouth", jadi yang mempunyai penis itu tentulah lelaki (*Ketawa*). Yang menerimanya

Tuan Pengerusi: Saya minta

Tuan P. Patto: Lebih serius.

Tuan Pengerusi: Saya minta jangan ketawa, minta supaya lebih serius.

Tuan P. Patto: ". . . . yang menerimanya mungkin lelaki atau perempuan. Tetapi yang akan dihukum di bawah Seksyen 377B dan 377C sama ada voluntary atau bukan voluntary—against your will, with or without consent. Yang akan dihukum termasuk whipping adalah lelaki. Apakah kalau penerimanya itu

mungkin lelaki juga, boleh jadi, oleh kerana berbagai perkara yang luar biasa berlaku. Dia tidak akan dihukum atau dibawa ke mahkamah. Yang akan diheret ke mahkamah ialah lelaki the person who does di bawah 377A. Saya rasa mungkin ada sedikit yang tidak adil di dalam susunan ini. Saya mendapati kenapalah orang yang mungkin menyebabkan lelaki itu melakukan perbuatan itu tidak dibawa ke mahkamah. Kenapa hanya orang yang melakukan itu sahaja di bawa ke mahkamah dan yang mungkin mendesak dan melakukan sesuatu yang boleh mengakibatkan lelaki ini melakukan kesalahan itu tidak dibawa ke mahkamah?

Tuan Shahidan bin Kassim: (Bangun)

Tuan Pengerusi: Ya, Ahli Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, saya hendak sambung sedikit iaitu 377A, saya hendak menyokong. Hari ini saya sependapat dengannya. Ini "the introduction of the penis". Tuan Pengerusi, kita yang mengeluarkan. Bagaimana kalau dia yang capai benda itu? Bukan kita keluarkan dahulu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya ingat apa yang telah diterangkan oleh Ahli dari Ipoh itu cukup terang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, cukup terang. Kemudian saya hendak balik kepada Fasal 8. Saya minta supaya soal mandatory difikir dua kali atau beratus-ratus kali supaya kanak-kanak yang di bawah umur ini tidak akan terlibat dengan kes ini. Kalau tidak, saya minta supaya pihak Kerajaan mengadakan lebih banyak Majistret-majistret untuk mendengar ini. Kes ini akan banyak terjadi dan tambahkan penjara-penjara untuk kita beri 5 tahun mandatory kepada budak-budak di bawah umur. Yang membuat kerja banyak ini budak-budak di bawah umur.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, budak-budak yang tidak cukup umur di bawah 17 tahun tidak dicaj di bawah kes ini. Ia akan dibawa ke Juvenile Court. Dia tidak dihantar ke jel. Dia dihantar ke sekolah Henry Gurney dan sebagainya. Dia tidak termasuk dalam ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tetapi Tuan Pengerusi, katalah yang 17 dan 15 tahun. 17 dan 15 tahun ini bukan ada beza sangat. Jadi kalau kita hendak beri Hakim melihat—ini saya kira budak sekolah.

Tuan Pengerusi: Perkara ini tidak sampai kepada Hakim. Perkara budak yang berumur 17 atau 14 tahun itu tidak akan dibawa kepada mahkamah untuk dicaj rogol. Ia akan dibawa kepada Mahkamah Juvenile. Di situ tidak jatuh hukum 5 tahun penjara. Hukumannya itu ialah dihantar ke Sekolah Henry Gurney selama 3 tahun supaya dia berperangai baik dan sebagainya. Jadi dia tidak termasuk di dalam Akta ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kes ini berumur 16 tahun. Bagaimana pula yang berumur 17 tahun dengan 15 tahun?

Tuan Pengerusi: Begitu juga. 17 tahun ke bawah tidak masuk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay, 18 tahun, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: 18 tahun masuk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang saya maksudkan kanak-kanak sekolah.

Tuan Pengerusi: Ya, 18 tahun masuk.

Tuan Shahidan bin Kassim: 18 tahun, kanak-kanak sekolah, dengan budak 15 tahun, dia kira kes rogol. Budak-budak sekolah yang banyak berkeliaran ini yang banyak melakukan perkara ini. Kita tahu ini. Tiap-tiap sekolah boleh kita lihat perkara ini berlaku. Kita hendak lihat supaya jangan penjara kita dipenuhi

dengan budak-budak ini, sebab mereka buat bukan kena rogol tetapi seronok sama seronok tetapi dalam masa yang sama kita galakan rogol dengan membenarkan penghamilan. Cerita ini dia ada berkaitan. Kita benarkan penghamilan kemudian kita kata, "Oh! ini kita hendak tahan supaya budak-budak jangan melakukan rogol", tetapi dalam masa yang sama kita benarkan pengguguran. Tanggunglah dosa, Tuan Pengerusi. Saya hendak beritahu ini.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat dari Simunjan.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Pengerusi, saya lupa tadi iaitu Fasal 9, Seksyen 377A "Any person who has sexual connection with another person by the introduction of the penis". dan sebagainya itu, dengan izin, bagaimana pula kalau sekiranya, "by the introduction of something", kerana sekarang not the penis, minta maaf, memang, macam di negeri Barat banyak benda yang lain, mungkin bukan benda itu tetapi mereka gunakan benda artificial, Tidak bolehkah kita masukkan di sini oleh sebab benda-benda ini banyak dijual di pasar-pasar di New York, Melbourne dan sebagainya. Bolehkah perkara ini diberi penjelasan atau dimasukkan dalam Akta ini. Dari segi keseronokan itu mungkin ada juga samanya, kita tidak tahu. Macam mana, saya minta kalau dapat perkara ini dimasukkan dalam Akta ini. Itu terpulang kepada pihak Timbalan Menteri dan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, kita berucap sekarang ini dalam Jawatankuasa, melainkan Yang Berhormat membuat cadangan pindaan, baharulah boleh dipinda. Jikalau sekiranya bercakap begitu sahaja dengan tidak ada Kertas dahulu untuk meminda, saya tidak boleh melakukan undi.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Mungkin boleh ditambah dengan Kertas. Pen pun saya tidak ada ini . . . "introduction of the penis or any instrument or something like that which resemble . . ."

Tuan Pengerusi: Mana boleh bercakap dalam undang-undang "or something like that?" (*Ketawa*)

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Adakah, Tuan Pengerusi . . .

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Menteri sila jawab.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, hendak minta saya jawab menyeluruh?

Tuan Pengerusi: Ya, menyeluruhlah.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Saya mengucapkan terima kasih kepada pandangan tadi dan saya ingin sekali lagi menegaskan berkenaan dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Arau mengenai 377A, sebenarnya ia meliputi semua orang termasuk pondan, jadi tidak terkecuali. Kedua, perkara mengenai ayat, "shall also be liable" di bawah seksyen 377E, dengan izin, terjemahannya ialah boleh dikenakan, dia tidak mandatory, ia boleh dikenakan. Jadi terpulanglah kepada budibicara Mahkamah.

Berkenaan dengan Yang Berhormat dari Ipoh yang telah mempersoalkan Seksyen 377c, Seksyen 377c memang ditujukan kepada pihak lelaki. Mengenai seksyen 377A, teguran itu akan diambil perhatian.

Yang Berhormat dari Simunjan membangkitkan soal mengenai kemasukan barang asing atau benda asing termasuk di bawah kesalahan Seksyen 354 iaitu mencabul kehormatan. Jadi tidak perlu kita bincangkan di sini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Ipoh, Yang Berhormat?

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Berkenaan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh tadi, Akta ini tidak mengecualikan pembuat dan penerima. Saya ingat itu agak jelas.

Tuan P. Patto: Saya rasa Tuan Pengerusi, boleh lebih menjelaskan, sebab dia tidak ada dengan jelas susunan ayat.

Tuan Pengerusi: Kalau suruh saya baca, saya akan baca untuk lelaki sahaja ini.

Tuan P. Patto: Ah!

Tuan Pengerusi: Tak apalah, ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, ini tak clear. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri bangun untuk menjawab lain, ini tak clear, sebab dia jadi kes rogol, perempuan hendak kena hukum macam mana? Ini untuk laki-laki yang kena, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, pada bacaan saya untuk laki-laki sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya baca macam itu juga, tetapi dia jawab boleh semua.

Fasal 8 hingga 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

(Timbalan Yang di-Pertua mempergunakan Jawatankuasa)

Fasal 16 hingga 33—

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya hendak bertanya, Tuan Pengerusi, bolehkah pindaan ini kita baca "section by section", tak payah kita hantar surat.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Seluruhnya telah dibahas saya ingat, Yang Berhormat.

Ada siapa-siapa yang hendak bahas Fasal 16 sampai 33? Tak ada.

Fasal 16 hingga 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.35 ptg.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan 1950 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah mendapati bahawa ada satu peruntukan dalam Akta Keterangan yang tidak lagi sesuai dalam keadaan masa kini. Peruntukan yang dimaksudkan itu ialah mengenai keterangan yang boleh dikemukakan dalam prosiding berkenaan dengan kesalahan rogol yang terlalu memihak kepada tertuduh dan mendedahkan si pengadu atau mangsa rogol kepada serangan-serangan ke atas latar belakang sejarah seksnya. Bagi mempertimbangkan di antara kepentingan pihak tertuduh dan pengadu, Kerajaan bercadang meminda peruntukan-peruntukan tersebut.

Pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada Akta Keterangan ini melibatkan pemasukan satu seksyen baru 146A ke dalam Akta dan pemotongan perenggan (d) yang sedia ada daripada seksyen 155 Akta.

Kedua-dua pindaan yang dicadangkan ini mempunyai perkaitan antara satu sama lain.

Bagi memberi gambaran yang lebih jelas ke atas asas-asas bagi kedua-dua cadangan pindaan yang telah disebutkan tadi, saya akan menghuraikan terlebih dahulu pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 155 Akta sebagaimana terkandung dalam Fasal 3 Rang Undang-undang yang bertujuan memotong perenggan (d) daripada seksyen tersebut.

Peruntukan-peruntukan perenggan (d) seksyen 155 yang ada sekarang membenarkan seseorang yang didakwa atas kesalahan rogol atau cuba memperkosa mengemukakan keterangan di mahkamah bagi menunjukkan bahawa si pengadu atau si mangsa itu pada amnya berwatak lucah. Tujuan keterangan sedemikian ialah untuk mencabar kebolehterimaan atau "credibility", dengan izin, keterangan yang diberi oleh si pengadu apabila dia memberi keterangan sebagai saksi. Peruntukan di bawah seksyen 155 (d) ini seringkali digunakan oleh pembela untuk mendedahkan latar belakang seks pengadu yang kadangkala tidak berkaitan langsung dengan hal perkara pertuduhan. Oleh itu tidak hairanlah prosiding-prosiding berkenaan dengan kesalahan rogol sentiasa menarik perhatian umum yang mengikuti perbicaraan itu untuk menikmati pendedahan latar belakang seks si mangsa yang akan dibongkar satu persatu oleh pembela. Dengan yang demikian, dalam prosiding-prosiding berkenaan dengan kesalahan rogol, tumpuan perbicaraan tersebut akan berpindah kepada si pengadu seolah-olah dia sedang dibicarakan. Si pengadu yang sepatutnya diberi perlindungan ini tertakluk pula kepada satu situasi yang lain yang memburukkan lagi tekanan jiwa dan penderitaan batinnya. Sekiranya peruntukan-peruntukan sedemikian dikekalkan, adalah dikhuatiri bahawa

mangsa-mangsa rogol tidak akan berani untuk tampil ke hadapan membuat aduan sekiranya dirogol kerana takutkan pendedahan latar belakang seksnya. Keadaan ini mungkin boleh mendorong perlakuan kesalahan rogol ini ke atas perempuan-perempuan yang berwatak sedemikian.

Bagi memberi perlindungan yang sewajarnya kepada mangsa-mangsa rogol ini dalam satu perbicaraan maka adalah dengan ini dicadangkan supaya perenggan (d) seksyen 155 itu dipotong daripada seksyen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membuat pindaan ini Kerajaan juga menyedari hakikat bahawa kepentingan tertuduh untuk membela diri juga perlu diambilkira kerana seseorang tertuduh itu adalah tidak bersalah sehingga dia disabitkan. Bagi maksud itu pemotongan seksyen 155 (d) yang disebut terdahulu akan digantikan dengan satu peruntukan baru 146A sebagaimana terkandung dalam Fasal 2 Rang Undang-undang.

Seksyen baru 146A yang dicadangkan ini bertujuan mengadakan satu peruntukan khusus bagi mengawalselia keterangan-keterangan dan soalan-soalan dalam pemeriksaan balas yang boleh dikemukakan atau ditanya oleh pihak pembela dalam prosiding berkenaan dengan kesalahan rogol. Seksyen baru yang dicadangkan ini memperuntukkan sebagai satu prinsip am bahawa dalam prosiding sedemikian pembela tidak boleh mengemukakan apa-apa keterangan atau menanya apa-apa soalan dalam pemeriksaan balas yang berkaitan dengan kegiatan-kegiatan seks pengadu dengan mana-mana orang lain selain daripada tertuduh. Bagaimanapun, larangan itu tidaklah merupakan satu larangan yang mutlak

kerana seksyen tersebut juga memperuntukkan kecualian-kecualian tertentu di mana keterangan-keterangan atau soalan-soalan sedemikian boleh dikemukakan oleh pihak pembela bagi mewujudkan satuimbangan di antara kepentingan tertuduh dan pengadu.

Dalam prosiding berkenaan dengan kesalahan rogol, apa yang perlu ditekankan ialah kegiatan seks di antara tertuduh dengan pengadu iaitu yang menjadi hal perkara pertuduhan tersebut. Sekatan-sekatan terhadap pengemukaan keterangan yang bertujuan mendedahkan latar belakang seks pengadu bukan sahaja akan dapat melindungi si pengadu atau mangsa rogol daripada tohmahan-tohmahan mengenai wataknya tetapi juga akan menggalakkan mangsa-mangsa rogol untuk tampil ke hadapan membuat laporan mengenai kejadian tersebut yang kini kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Keterangan 1950 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

6.40 ptg.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini. Rang Undang-undang ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan memang menghirau dan peka kepada seruan pertubuhan-pertubuhan wanita dalam negara kita untuk memperketatkan lagi undang-undang berhubung dengan rogol dan cubaan memperkosa. Saya tidak berniat mengulangi dalam Dewan yang mulia

ini "trauma", dengan izin, yang dialami oleh mangsa rogol serta kesukaran yang dihadapi oleh pihak pendakwa dalam mensabitkan penjenayah itu. Demikian juga saya tidak berhak menyatakan bahawa ramai mangsa rogol tidak berani melaporkan jenayah tersebut kepada pihak berkuasa kerana takut menghadapi publisiti-publisiti buruk yang bakal wujud serta character assassination, dengan izin, semasa perbicaraan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana memperkenalkan pindaan kepada Akta Keterangan tahun 1950. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan betul-betul memandang penting memperkenalkan Rang Undang-undang ini. Walau ia mungkin terlambat sedikit kerana ramai si rogol mungkin telah dibebaskan akibat kelemahan-kelemahan yang wujud pada undang-undang yang sedia wujud. Walau bagaimanapun, biarlah lambat daripada tidak wujud langsung, dengan izin, it is better late than never.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini bertujuan memasukkan seksyen baru kepada Akta Keterangan yang dipanggil Seksyen 146A dan memansuhkan Seksyen 155 (d) Akta Keterangan. Seksyen 146A menyatakan bahawa "Walaupun apa pun apa-apa yang terkandung dalam Akta ini, dalam prosiding-prosiding berkenaan dengan kesalahan rogol, tiada keterangan dan tiada soalan dalam pemeriksaan balas boleh dikemukakan atau ditanya, oleh atau bagi pihak tertuduh, berkenaan dengan kegiatan seksual pengadu dengan mana-mana orang lain selain daripada tertuduh melainkan jika — (a), . . . (b), . . . (c), . . ." di mana kejadian tertentu berlaku—tidak payah saya baca.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 146A patut dipinda merangkumi prosiding-prosiding mahkamah berkenaan

dengan semua kesalahan-kesalahan seksual termasuk cubaan memperkosa, mencabul kehormatan kaum wanita "molesting the modesty of women", dengan izin, demi menghapuskan semua kekeliruan yang mungkin wujud dalam seksyen ini yang memperuntukkan sekatan-sekatan terhadap keterangan-keterangan di perbicaraan rogol sahaja dan tidak termasuk "attempt to ravish", dengan izin, iaitu cubaan memperkosa.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan pengenalan Seksyen 146A ini kepada Akta Keterangan, watak mangsa rogol atau cubaan memperkosa itu masih boleh dijejaskan melalui seksyen 146c. Kalau satu proviso tidak ditambahkan kepada Seksyen 146c itu dengan menyatakan bahawa Seksyen 146c tidak akan dipakai "does not apply" dalam prosiding-prosiding jenayah seksual, seperti rogol, cubaan memperkosa dan kesalahan seksual dan lain-lain.

Biarlah saya baca apa yang terkandung dalam Seksyen 146c Akta Keterangan, Tuan Yang di-Pertua:

"When a witness may be cross-examined he may, in addition to the questions herein before referred to, be asked any questions which tend—

- (a) xx xx xx xx;
- (b) xx xx xx xx;
- (c) to shake his credit by injuring his character, although the answer to such questions might tend directly or indirectly to criminate him, or might expose or tend directly or indirectly to expose him to a penalty of forfeiture".

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi satu gambaran di mana satu perbicaraan rogol berjalan.

Seorang Peguam telah menanya kepada pengadu, "adakah awak seorang bar girl yang bekerja di sebuah sleazy bar?" "Bantahan yang Arif", jerit Timbalan Pendakwaraya

dengan jelas dan kuat. "Seksyen 155E telah dibatalkan—credit of the witness cannot be impeached lagi" "Akan tetapi Yang Arif", menjawab Peguambela; "Saya tidak impeach her credit, saya hanya "shake her credit" dan ini dibenarkan oleh seksyen 146c dalam Akta Keterangan". Akibatnya, Tuan Yang di-Pertua, seksyen 146c menjadi satu halangan kepada keadilan kerana dengan menjejaskan watak saksi, keyakinan saksi itu akan dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru Kerajaan meluluskan suatu undang-undang yang memerlukan semua kes rogol, cubaan memperkosa dibicarakan secara tertutup di dalam bilik hakim, in camera, dengan izin. Identiti mangsa tidak patut disiarkan dan semua penyiasat patut dijalankan oleh Inspector wanita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan meminda Kanun Keseksaan semalam, saya membangkitkan perkara tertentu dan saya menyesal kerana saya tidak dapat sebarang jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bila saya hendak meminta penjelasan dari Yang Berhormat beliau telah mengakhiri jawapannya, dan saya di sini berharap Yang Berhormat akan memberi jawapan kepada perkara yang telah saya sentuh tadi kerana saya berpendapat Rang Undang-undang ini mengandungi kekeliruan dan ambiguity, dengan izin, dan saya harap mendapat satu explanation daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kepong.

6.48 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas Akta Keterangan 1950 ini adalah perlu dan

kemasukan seksyen baru seksyen 146A bagi mengawal penggunaan keterangan tentang latar belakang seks berkenaan pembicaraan kes-kes rogol, pihak pembela dilarang daripada mengemukakan keterangan atau soalan yang berkait dengan kegiatan seks pengadu dengan manamana orang lain selain dari tertuduh dan yang dituduh tidak membenarkannya menunjukkan pengadu pada amnya berwatak lujah dan hujah-hujah daripada Yang Berhormat dari Kluang adalah betul dan seharusnya diambil perhatian.

Sungguhpun pindaan ini adalah langkah ke arah yang betul iaitu supaya pengalaman kegiatan seks mangsa rogol tidak dikemukakan melainkan yang berhubungan dengan tertuduh, namun beban untuk membuktikan jenayah rogol telah berlaku, nampaknya masih terletak di pihak mangsa dan bukan yang dituduh. Pihak Peguambela boleh menggunakan alasan dan keterangan atau persoalan mengenai kegiatan seks pengadu dengan orang lain yang boleh mematahkan keterangan pihak pendakwa. Peluang untuk berbuat demikian masih terbuka di bawah peruntukan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memindahkan beban membuktikan yang rogol tidak berlaku ke atas yang dituduh membuktikan yang persetujuan mangsa diperolehi dan mengambil kira akhlak serta bertindak si tertuduh amatlah mustahak sekiranya Kerajaan benar-benar ingin mengatasi jenayah ini. Jenayah rogol lazimnya tidak dilaporkan kerana tekanan sosial serta mangsa berperasaan yang dia tidak akan menerima belas kasihan undang-undang di Mahkamah. Bagi setiap kes rogol yang dilaporkan, 10 kes tidak dilaporkan.

Di Malaysia, seorang perempuan dirogol pada setiap 1.7 jam termasuk kanak-kanak di bawah umur. Pada

masa yang sama kes-kes rogol bergilir-gilir, dengan izin, "gang rape" juga kian bertambah. Disebabkan rogol yang biasa dilaporkan jenayah yang dilakukan ke atas kaum perempuan, maka undang-undang yang dirangka mesti memihaki serta melindungi maruah dan kepentingan kaum tersebut terlebih dahulu daripada hak lelaki yang dituduh. Maka undang-undang perlu terus diperketatkan lagi agar kaum perempuan tidak dibuat untuk merasa diri mereka yang patut dipersalahkan dalam kes-kes rogol dan secara tidak langsung mendidik masyarakat mengikis, dengan izin, social stigma, yang mengiringi mangsa-mangsa jenayah ini dan melindungi keselamatan anak isteri, saudara-mara dan semua perempuan dalam masyarakat kita. Sebarang perundangan yang gagal berbuat demikian menindas hak kaum wanita untuk bergerak bebas dan dengan selamatnya dalam masyarakat kita. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab.

6.51 ptg.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya dari Kluang dan Kepong yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini dan izinkan saya memberi beberapa penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Pertamanya, berkenaan dengan seksyen 146c seperti yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kluang. Untuk makluman Yang Berhormat, perkataan "notwithstanding anything in this Act," dengan izin, di awal seksyen 146A akan dapat mengatasi seksyen 146c yang disebutkan itu.

Dengan adanya ayat itu keterangan mengenai latar belakang seks tetap tidak boleh dikemukakan walau apapun peruntukan seksyen lain.

Berkenaan dengan cadangan untuk meliputi "attempt to ravish.", dengan izin, Kerajaan akan mengambil perhatian dalam hal ini.

Berkenaan dengan teguran ataupun pandangan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong, perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak Kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN PROSEDUR JENAYAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.55 ptg.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta

untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila Kanun Prosedur Jenayah ini diperluaskan pemakaiannya di Sabah dan Sarawak, terdapat masalah dalam pemakaian peruntukan-peruntukan tertentu dalam Kanun itu di kedua-dua negeri tersebut yang memerlukan penyelesaian segera. Selain daripada itu pindaan-pindaan juga perlu dibuat kepada Kanun Prosedur Jenayah bagi melenyapkan sebarang keraguan tentang kesahan peruntukan-peruntukan tertentu dalam Kanun tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berikut adalah pindaan-pindaan yang dicadangkan dan asas-asasnya:

Seksyen baru 352A

Seksyen baru 352A yang dicadangkan dimasukkan ke dalam Kanun melalui Fasal 2 Rang Undang-undang bertujuan memperuntukkan mengenai ubahsuaian-ubahsuaian tertentu dalam pemakaian Bab XXXIII Kanun di Sabah dan Sarawak. Ubahsuaian-ubahsuaian yang dimaksudkan ini adalah berkenaan dengan takrif "Hospital Sakit Otak" dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya yang diperuntukkan di bawah Bab XXXIII Kanun. Dalam hal ini, perlu dijelaskan bahawa terdapat undang-undang yang berlainan yang mengawal Hospital Sakit Otak di Malaysia Barat dan negeri-negeri Sabah dan Sarawak.

Tujuan ubahsuaian-ubahsuaian ini ialah bagi menyelaraskan takrif "Hospital Sakit Otak" dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya di bawah Bab XXXIII Kanun dengan undang-undang yang berkaitan yang terpakai di negeri-negeri masing-masing.

Pindaan kepada seksyen 418A

Seksyen 418A yang ada sekarang memperuntukkan kuasa Pendakwa Raya untuk meminda Mahkamah Rendah memindahkan kes yang menunggu penyelesaian di hadapannya ke Mahkamah Tinggi di tempat-tempat yang ditetapkan oleh Pendakwa Raya dan Mahkamah Rendah itu berkewajipan menghantar kes itu ke Mahkamah Tinggi tanpa apa-apa penyiasatan awal atau "preliminary enquiry".

Peruntukan-peruntukan ini telah beberapa kali dicabar atas alasan bahawa seksyen itu melanggar Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan. Daripada keputusan-keputusan Mahkamah dalam beberapa kes mengenai seksyen 418A ini adalah ternyata Hakim-hakim tidak bersependapat mengenainya. Dalam tahun 1976 apabila seksyen itu dicabar, terdapat satu keputusan Mahkamah Tinggi yang memutuskan seksyen itu tidak sah kerana bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan tetapi Mahkamah Persekutuan pada masa itu setelah mendengar rayuan terhadap keputusan itu telah memutuskan bahawa seksyen itu adalah sah. Dalam tahun 1987 seksyen itu telah dicabar sekali lagi dan kali itu Mahkamah Agung dalam keputusan majoriti 3-2 telah memutuskan seksyen itu tidak sah atas alasan yang lain pula.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa berikutan dengan ketidakpastian mengenai keesahan seksyen 418A yang disebut terdahulu, suatu pindaan telah dibuat kepada Perlembagaan Persekutuan iaitu melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1988 bagi memasukkan suatu Fasal 3A baru dalam Perkara 145 Perlembagaan yang memperuntukkan dengan nyata bahawa Undang-undang Persekutuan boleh memberikan kepada Peguam

Negara kuasa untuk menentukan Mahkamah di mana apa-apa prosiding yang dia berkuasa memulakan hendak dimulakan atau ke Mahkamah mana prosiding itu hendak dipindahkan. Akta yang sama juga telah meminda Perkara 121 Perlembagaan di mana perkara tersebut tidak lagi menekankan kepada perletakan kuasa kehakiman.

Pindaan-pindaan kepada Perlembagaan bagi membolehkan pemberian kuasa sedemikian kepada Peguam Negara telah dibahaskan dengan panjang lebar dalam Dewan yang mulia ini semasa pembentangan pindaan tersebut. Penggantian seksyen 418A ini adalah bertujuan menyelesaikan kedudukan undang-undang dan melenyapkan sebarang keraguan tentang keesahan kuasa Pendakwa Raya untuk memindahkan kes yang menunggu perbicaraan di hadapan Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi memandangkan terdapat ketidakpastian tentang sahnya peruntukan mengenai kuasa tersebut seperti yang telah disebutkan tadi.

Pindaan ini juga bertujuan menyelaraskan kuasa Pendakwa Raya di bawah seksyen tersebut dengan kuasa yang boleh diberikan kepadanya menurut Fasal 3A Perkara 145 yang disebut terdahulu.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa demikian adalah perlu bagi Pendakwaraya untuk membolehkannya menjalankan tugas-tugasnya dengan tegas. Terdapat kemungkinan yang sesuatu kes itu tidak sesuai dibicarakan di Mahkamah Rendah di sesuatu tempat tertentu atas sebab-sebab tertentu seperti dari segi keselamatan, kerumitan kes dan lain-lain lagi. Untuk kepentingan keadilan dan untuk menjamin agar kedua-dua pihak mendapat peluang yang sama untuk mengemukakan kes mereka dengan sewajarnya mungkin perlu memindahkan kes yang berkenaan dari

Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi tanpa mengadakan penyiasatan awal atau preliminary enquiry.

Seksyen Baru 418B

Seksyen 418B pula memperuntukkan pemakaian Seksyen 418A ke atas kes-kes yang telah dimulakan sebelum atau selepas mula berkuatkuasanya seksyen tersebut asalkan orang yang kena tuduh itu tidak mengaku salah dan keterangan mengenai kesnya belum dikemukakan. Peruntukan bagi memberi kuatkuasa kebelakangan kepada Seksyen 418A tersebut adalah perlu bagi melenyapkan sebarang keraguan ke atas kesalahan dalam pemakaian seksyen tersebut walaupun Perlembagaan Persekutuan telah dipinda dengan meminda Perkara 121 dan memasukkan Fasal 3A Perkara 145 yang disebut terdahulu.

Pindaan kepada Jadual Pertama—

Jadual Pertama Kanun Prosedur Jenayah ini mengandungi pernyataan mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Kanun Keseksaan. Pindaan kepada Jadual Pertama ini adalah berbangkit daripada pindaan kepada Kanun Keseksaan yang juga dicadang hendak dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat Parlimen yang sedang berlangsung sekarang ini yang telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini.

Jadual Ketiga Baru

Jadual Ketiga (baru) yang dimasukkan ke dalam Kanun melalui Fasal 5 Rang Undang-undang adalah bertujuan menghuraikan ubahsuaian-ubahsuaian bagi pemakaian Bab 33 Kanun di Sabah dan Sarawak sebagaimana yang telah disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

7.02 mlm.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang meminda Kanun Prosedur Jenayah yang menyusul pindaan kepada Akta 121 dan 145 Perlembagaan, semasa Dewan bersidang pada 17hb Mac, 1988. Pindaan ini menyelaraskan kuasa-kuasa yang diberi di bawah Fasal baru Fasal 3A Artikel 145 Perlembagaan dengan memasukkan seksyen baru Seksyen 418A ke dalam Kanun Prosedur Jenayah.

Tindakan memasukkan seksyen 418A malahan pindaan kepada Artikel 121 dan 145 Perlembagaan Persekutuan berupa serangan hendap yang ganas ke atas kebebasan badan kehakiman sebagai cabang pentadbiran yang terasing daripada dua cabang yang lain iaitu pihak eksekutif dan perundangan, doktrin pengasingan kekuasaan dicitikan untuk mengamal doktrin tumpuan kekuasaan di tangan eksekutif dan lebih tepat lagi pemerintahan berbentuk otokrasi. Di permukaan pindaan-pindaan ini adalah bagi melicinkan pentadbiran Kerajaan akan tetapi mereka sebenarnya "menyerobot" kuasa dan kebebasan kehakiman secara susup-sasap dan dipindahkan kepada kawalan perundangan yang pula disebabkan oleh majoriti 2/3 dalam Dewan yang mulia ini. Secara langsungnya dikuasai oleh pihak eksekutif. Kekuasaan kehakiman sekarang hanyalah sekadar bagaimana yang diperuntukkan oleh pihak eksekutif melalui cabang perundangan dalam bentuk Undang-undang Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ideal di mana badan kehakiman diberi tanggungjawab menimbangtara di antara rakyat dan juga di antara rakyat dengan Kerajaan dan bertindak sebagai salah satu alat demokrasi berparlimen yang mengawasi serta menyeimbang agihan kuasa di dalam negara tidak wujud lagi. Kini kubu terakhir ini juga turut dicerobohi. Yang lebih keji lagi ialah Kerajaan telah menafikan hak sekurang-kurangnya satu juta orang pengundi untuk menyuarakan bantahan mereka terhadap pencerobohan ini apabila tujuh orang Ahli Parlimen parti Pembangkang khususnya Ketua Pembangkang masih ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri pada 17hb Mac, 1988 dan kini Kerajaan pula mencabuli hak kira-kira 149,260 orang pengundi di kawasan pilihanraya Tanjong, Kampung Kolam dan Kota Melaka untuk menentang pindaan perundangan yang mudarat ini.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pindaan-pindaan ini yang tertinggal hanyalah kulit yang rapuh, badan kehakiman dahulu yang jauh lebih bebas dan lebih mulia, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dignified. Pindaan-pindaan mungkin tidak mempengaruhi secara langsung pengadilan kes-kes jenayah yang biasa atau remeh-temeh disegi penglibatan unsur-unsur politik, akan tetapi sebaik sahaja kes-kes berunsur politik wujud maka muncullah "Achilles heel", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, badan kehakiman sekarang. Ia amat menyedihkan sekali untuk melihatkan pihak eksekutif meminda undang-undang sesuka hatinya sahaja, kerja meminda undang-undang apabila Kerajaan beroleh kekalahan di mahkamah memanglah sikap seorang diktator, contoh terbaik ialah seksyen 418A ini. Sejak turun temurun kuasa untuk memindah pendengaran kes adalah terletak di Mahkamah Tinggi akan tetapi dalam tahun 1976 Seksyen 418A—dimasukkan ke dalam Kanun

untuk memberi kuasa mutlak kepada Peguam Negara. Jika Peguam Negara gagal untuk meyakinkan Mahkamah memindahkan kes ke mahkamah yang lain di bawah Seksyen 417 maka Seksyen 418A digunakan. Namun begitu seksyen ini dicabar dalam kes Bank Rakyat dalam tahun 1976 atas dasar yang ia melanggar peruntukan kesaksamaan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, equality provisions, di bawah Artikel 81 Perlembagaan Persekutuan.

Dalam tahun 1987 keesahan mengguna Seksyen 418A sekali lagi dicabar dalam kes Dato' Yap Peng melawan Pendakwaraya yang mana ditentukan bahawa kekuasaan kehakiman di Persekutuan hanyalah dimiliki oleh mahkamah, Artikel 121 (1) dan kuasa untuk memindah kes oleh mahkamah tertulis di dalam seksyen-seksyen 138, 177 dan 417 Kanun Prosedur Jenayah. Dan Peraturan 12 Jadual Akta Kehakiman Mahkamah, "Schedule to the Court of Judicature Act", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di mana kuasa itu adalah kuasa kehakiman. Maka seksyen 418A itu melanggar Perlembagaan Persekutuan. Cabaran seksyen 418A dalam kes Dato' Yap Peng berjaya di Mahkamah Tinggi dan juga dipertahankan menerusi majoriti 3:2 di Mahkamah Agung.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali tindakan Kerajaan meminda sekali lagi Seksyen 418A Kanun Prosedur Jenayah itu membuktikan penindasan kehakiman oleh pihak eksekutif setiap kali ia beroleh kekalahan di mahkamah. Inilah kesalahan yang didakwa dilakukan oleh mahkamah iaitu untuk mengenenpikan undang-undang keadilan asas dan mengorbankan budi-bicara perundangan untuk menyokong segala tindak tanduk Kerajaan atau yang berkaitan dengan parti pemerintah. Hukuman yang dijatuhkan ke atas badan kehakiman ialah pindaan

undang-undang untuk membendung kuasanya sebagaimana yang difikirkan berpatutan oleh pihak eksekutif. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

7.08 mlm.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan satu Rang Undang-undang yang mustahak, satu Rang Undang-undang dalam mana ada terkandung kuasa-kuasa yang sangat luas yang akan diberi jikalau Rang Undang-undang ini dilulus, kepada Peguam Negara.

Tuan Speaker, oleh itu oleh kerana tidak ada kuorum di sini sekarang dan oleh kerana Rang Undang-undang ini bukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat kata ataupun menumpukan perhatian saya kepada satu hakikat iaitu tidak ada kuorum.

Tuan R. Karpal Singh: Saya mahu buat sekarang. Tetapi dalam konteks ini sekarang satu Rang Undang-undang yang serius dan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tidak peduli. Tidak hadir dalam konteks itu saya mahu membangkitkan perkara ini. Oleh kerana tidak ada kuorum.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Iaitu tidak ada kuorum?

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau begitu saya perlulah mengambil bilangan.

Tuan R. Karpal Singh: Dalam konteks itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila ambil bilangan. Betul Yang Berhormat, tidak ada kuorum. Sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).

Tuan R. Karpal Singh: Tidak ada korum.

Tuan Shahidan bin Kassim: Cukup, okay. *(Ketawa)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa lebih baik saya ambil bilangan. Saya kira 26. Setiausaha, sila bilang lagi. Cukup korum, Yang Berhormat. *(Tepuk)*

Tuan R. Karpal Singh: Kalau cukup korum, saya sambung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila sambung.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah bagi diberi kuasa-kuasa luas kepada Peguam Negara. Tuan Speaker, ini bukan pertama kali Kerajaan ada ambil peluang untuk overrule, dengan izin, apa yang ada diputuskan oleh Mahkamah.

Dalam tahun 1978, Tuan Speaker, apabila Majlis Privi dalam kes Teh Cheng Poh lawan Pendakwa Raya, apabila Majlis Privi ada putuskan, dengan izin, Essential (Security Cases) Regulations 1975, tidak sah. Dan saya ingat apabila keputusan itu ada dibuat, jadi saya ingat 15hb Disember, 1978 lebih kurang 4 minggu ada satu mesyuarat tergepar Dewan Rakyat untuk to put right, dengan izin, what the Privy Council had put assunder, at least in the opinion of the Government, dengan izin.

Tuan Speaker, jikalau Kerajaan tidak mahu terima keputusan Mahkamah Agung dalam negara ini, ia adalah satu keadaan di mana boleh ada satu "dictator" dalam negara ini. Jangan buat permainan dengan kebebasan Kehakiman.

Dalam kes Dato Yap Peng lawan Pendakwa Raya baru-baru ini, Tuan Speaker, Mahkamah Agung, mahkamah yang terakhir dalam negara ini dengan keputusan 3-2 ada putuskan Seksyen 418A Kanun Prosedur Jenayah tidak sah oleh kerana bercangah dengan peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan.

Pada hari ini, Tuan Speaker, ada dicadangkan oleh Kerajaan melalui Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Peguam Negara untuk buat apa yang beliau mahu buat dalam budibicara beliau yang ada diberi kepada beliau di bawah Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Speaker, apa yang ada dibuat sekarang, tindakan yang ada diambil dalam perkara ini bersangkutan dengan kes Dato' Yap Peng. Ini jadi satu perlawanan dengan konsep Separation of Powers, dengan izin. Apa yang kami tahu sekarang, Tuan Speaker, selepas apa yang terjadi dalam tahun 1988 apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada ambil tindakan melalui Peguam Negara, dalam fikiran saya, untuk pecat melalui dua Tribunal, Tuan Speaker, tiga Hakim, bukannya Hakim biasa tetapi Hakim yang berpengalaman, dan Ketua Hakim Negara termasuk dalam ketiga orang mangsa iaitu Hakim-hakim ini dalam perkara itu.

Apa yang ada sekarang dalam negara ini, Tuan Speaker, crisis of confidence dalam Kehakiman, itu apa yang ada sekarang, Tuan Speaker, Hakim-hakim sepertimana barangkali Tuan Speaker juga sebagai seorang

peguam ada lihat, kebebasan Hakim-hakim bukan sepertimana yang wujud terdahulu daripada tiga Hakim ini ada dipecat.

Tuan Speaker, Hakim-hakim dalam negara ini sekarang ada, dengan izin, intimidated into impotence. Tidak ada keadaan yang tentu ada dalam satu negara seperti keadaan di negara kita ini. Jikalau tidak ada kebebasan Kehakiman dalam sesuatu negara, Tuan Speaker, itu menjadi satu perkara yang memalukan.

Apa yang saya cakap tadi, Tuan Speaker, dengan apa yang ada terkandung dalam Rang Undang-undang di hadapan kita, Peguam Negara sebagai penasihat Yang di-Pertuan Agong, penasihat Kabinet dalam negara ini ada diberi melalui seksyen baru ini, Seksyen 418A dan 418B, kuasa-kuasa yang harus tidak diberi kepada Peguam ini. Dengan izin, Tuan Speaker, saya baca apa yang ada dalam Perkara 145, khususnya 145 (2), dengan izin, jika saya boleh bacakan dalam bahasa Inggeris peruntukan ini:

"It shall be the duty of the Attorney General to advise the Yang di-Pertuan Agong or the Cabinet or any Minister upon such legal matters, and to perform such other duties of a legal character, as may from time to time be referred or assigned to him by the Yang di-Pertuan Agong or the Cabinet, and to discharge the functions conferred on him by or under this Constitution or any other written law."

Tuan Speaker, apabila Perdana Menteri ada ambil tindakan atas Tun Salleh Abas, bekas Ketua Hakim Negara, dalam fikiran saya, Peguam Negara jadi punca yang memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong untuk adakan Tribunal dan apa yang saya mahu soal sekarang di Dewan yang mulia ini adakah nasihat yang diberi oleh Peguam Negara

kepada Yang di-Pertuan Agong nasihat yang baik? Adakah Peguam Negara terlibat dalam satu isu politik masa itu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, saya merujuk perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Peraturan "36 (8) Kelakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu atau Tuantuan Yang Terutama, Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri atau Hakim-hakim dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah atau ahli-ahli Majlis Pasukan Bersenjata atau mana-mana Suruhanjaya Jawatan Kerajaan yang ditubuhkan menurut Bahagian X dalam Perlembagaan (termasuk Attorney General). tidak boleh disebutkan, kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi maksud-maksud itu." Conduct and character tidak boleh disentuh, yang lain boleh.

Tuan R. Karpal Singh: Character and conduct siapa? Conduct of the Attorney General tidak boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh.

Tuan R. Karpal Singh: Ada terkandung dalam 36 (8)?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa-apa services di bawah Bahagian X Federal Constitution.

Tuan R. Karpal Singh: Federal Constitution, bukan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang dirujuk oleh Peraturan 36 (8).

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah saya baca dalam bahasa Inggeris?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Tuan R. Karpal Singh: 36 (8) "The conduct or character of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong, of any of Their Highnesses the Rulers or Their Excellencies the Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri, of Judges or other persons engaged in the administration of justice, of members of the Armed Forces Council or of any Service Commission established under Part X of the Constitution, of members of the Election Commission, or of sovereigns of friendly states shall not be referred to except upon a substantive motion moved for that purpose."

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Part X, Article 145, includes Attorney General.

Tuan R. Karpal Singh: Role of the Attorney General, bukan conduct.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Conduct and character.

Tuan R. Karpal Singh: Yes. Dalam perkara ini saya bukan mahu sentuh conduct or character, bukan character tetapi peranan sebagai Peguam Negara, tidak sangkut kelakuan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh, Ahli Yang Berhormat, kalau peranan juga tidak mengapa, boleh.

Tuan R. Karpal Singh: Peranan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tetapi kalau Yang Berhormat kata peranan itu "mala-fide" ataupun tidak baik ataupun nasihat tunjuk bahawa Attorney General mainkan satu political, tunjuk satu political motive tidak boleh. Itu Ahli Yang Berhormat kata tadi, saya tidak boleh benarkan itu.

Kalau Yang Berhormat hendak sentuh peranan Attorney General

sebagai seorang yang telah bertugas sebagai Penasihat Kepada Yang di-Pertuan Agong, itu lain perkara.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, sebagai Penasihat. Ini nasihat yang ada diberi oleh beliau kepada Yang di-Pertuan Agong. Dalam fikiran saya nasihat itu nasihat yang tidak baik, oleh kerana sebab-sebab yang saya hendak berikan. Oleh itu, saya bercakap seperti itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa Yang Berhormat, kalau you hendak beri pandangan lain, boleh. Tetapi kalau pandangan itu menyentuh kelakuan ataupun character Attorney-General, tidak boleh.

Tuan R. Karpal Singh: Peranan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Okay, teruskan.

Tuan R. Karpal Singh: Peranan, nasihat yang ada diberi dalam fikiran saya, ialah nasihat yang tidak baik, oleh kerana Hakim-hakim seperti Tun Salleh Abas, Dato' George Edward Seah dan Dato' Wan Sulaiman menjadi mangsa politik. Jikalau Peguam Negara ada main satu peranan yang baik, tentu dia tidak harus beri nasihat seperti yang beliau telah berikan kepada Yang di-Pertuan Agong dan oleh itu ada ditubuhkan dua buah tribunal ini. Maksud saya, Tuan Speaker, iaitu Peguam Negara sebagai Penasihat Kepada Yang di-Pertuan Agong, tidak boleh campurtangan dengan apa-apa yang berbau politik dan dalam perkara ini, ini fikiran saya, Peguam Negara ada campurtangan dalam politik

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya telah buat satu riling dan Yang Berhormat sebagai seorang peguam boleh baca 36 (8) dan juga Bahagian X di dalam Federal Constitution yang tidak benarkan Yang Berhormat menyentuh

Tuan R. Karpal Singh: I am referring to his role, dengan izin, I do not want to argue with you!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau role itu berkaitan dengan conduct atau character, tidak boleh. Janganlah kita main dengan perkataan-perkataan, Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya rasa, tahu bahawa Yang Berhormat tidak boleh menyentuh perkara ini. Walaupun sebagai seorang peguam, Yang Berhormat hendak berhujah-hujah, tetapi saya tidak boleh benarkan. Yang Berhormat, sila teruskan ucapan dengan tidak menyentuh conduct or character.

Tuan R. Karpal Singh: Peranan, bukan character or conduct. "Peranan" boleh include conduct, dengan izin. Does "peranan" not include conduct? How do you have "peranan" without conduct?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau you include conduct, tidak boleh menyentuh. Itulah maksudnya.

Tuan R. Karpal Singh: Then you can't talk on the Peguam Negara at all, dengan izin?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itulah yang terkandung dalam Order 36 (8).

Tuan R. Karpal Singh: Itu bukan maksud, itu bukan asas 36 (8).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya tidak hendak membahaskan hal ini dengan Yang Berhormat. Ruling telah pun dibuat. Sila Yang Berhormat sambung ucapan dengan tidak menyentuh perkara itu.

Tuan R. Karpal Singh: All right. Saya rujuk kepada Perlembagaan—Perkara 145, Fasal (3), yang berbunyi:

(Dengan izin) "The Attorney-General shall have power, exercisable at his discretion, to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence other than proceedings before a Syariah Court, a native court or a court-martial".

Saya ulang: "The Attorney-General shall have power exercisable at his discretion".

Di dalam peruntukan ini, Tuan Speaker, Peguam Negara ada budibicara untuk mendakwa sesiapa pun. Saya merayu kepada Peguam Negara apabila menggunakan kuasa-kuasa yang ada diberi kepadanya sekarang, dan kuasa-kuasa ini luas, beliau hendaklah menggunakan budibicara ini dengan keadilan. Saya bagi satu contoh, Tuan Speaker. Di dalam perkara ini Tuan Speaker sendiri pun tentu tahu, bukan terlibat tetapi tahu sebagai pemimpin MIC, akan hal yang terjadi. Atas perkara budibicara dalam pendakwaan, saya juga merayu kepada Peguam Negara untuk mengambil tindakan keras, bukan sahaja tindakan keras tetapi dakwa

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sekarang ini kita bahas satu Akta untuk meminda

Tuan R. Karpal Singh: Untuk memberi kuasa kepada Peguam Negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kanun Prosedur Jenayah. Apakah kaitan ini dengan Article of the 145 Federal Constitution?

Tuan R. Karpal Singh: Ini berkaitan dengan discretion. Kuasa ini ada diberi kepada Peguam Negara dan di bawah Seksyen 418, jikalau ada satu

kes di Mahkamah Rendah, beliau ada kuasa untuk menghantar kes itu ke Mahkamah Tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, discretion itu dikandungi di dalam Article 145 of the Federal Constitution, bukan dalam Kanun Prosedur Jenayah. Sekarang kita membahaskan satu Akta untuk meminda Kanun Prosedur Jenayah, bukan Federal Constitution.

Tuan R. Karpal Singh: Betul, tetapi di bawah Constitution, di bawah Perkara 145 (3), itu menjadi punca

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu kuasa lain, Yang Berhormat dan tidak berpunca dari Kanun Prosedur Jenayah.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan kuasa lain. Tuan Speaker, jikalau saya baca apa yang ada dalam seksyen 418A sekarang which says, "Notwithstanding the provisions . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 418A di dalam Kanun Prosedur Jenayah?

Tuan R. Karpal Singh: Ya, dalam Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tadi Yang Berhormat tidak merujuk kepada Seksyen 418A. Yang Berhormat merujuk kepada Perkara 145.

Tuan R. Karpal Singh: Seksyen 418A read with Article 145 (3), Tuan Speaker, dan saya ingin baca Seksyen 418A. Saya tahu Tuan Speaker mahu mempertahankan Dato. Dr K. S. Nijhar. Saya tahu tetapi jangan cuba oleh kerana ini satu tactic Tuan Speaker . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat buat begitu, saya tidak boleh beri Yang Berhormat

berucap. Yang Berhormat, apabila you duduk di sini ataupun berdiri untuk berucap, sila mengikut dan mematuhi Peraturan-peraturan Mesyuarat ini.

Tuan R. Karpal Singh: Saya tahu Peraturan-peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Janganlah tuduh-menuduh. Itu bukanlah satu kelakuan orang yang matang.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker . . .

Tuan Peter Paul Dason (Bagan Baru): Tuan Yang di-Pertua, kita tidak cukup kuorum.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker mahu main politik, awak pun kena sekarang. Kalau tidak . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau buat satu komen begitu lagi, saya akan ambil tindakan.

Setiausaha, bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boleh sambung.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya rujuk kepada perkara 145 (3) sekali lagi. "The Attorney-General shall have power, exercisable at his discretion, to institute". Phrase ini, "to institute" ada berkaitan dengan seksyen 418, Tuan Speaker. Saya baca 418 sekarang.

"Notwithstanding the provisions of section 417 and subject to section 418b, the Public Prosecutor may in any particular case triable by a criminal Court subordinate to the High Court issue a certificate

specifying the High Court in which the proceedings are to be instituted or transferred and requiring that the accused person be caused to appear or be produced before such High Court".

Ini pun sebagai institution of proceedings, Tuan Speaker. Proceeding yang ada dalam Mahkamah Rendah boleh dihantar ke Mahkamah Tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu berkaitan dengan court, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, to institute.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Di mana? Pilihan oleh Attorney-General, di mana court dia hendak memastikan untuk sesuatu proceeding.

Tuan R. Karpal Singh: Ya, ini sekarang bukan dalam Mahkamah Rendah, tetapi Mahkamah Tinggi. Ini a wider context, Tuan Speaker, to institute, dengan izin, would include transfer . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, maksud saya 145 berkaitan dengan proceeding secara am, institution of proceeding secara am, semua proceeding di dalam negara ini. Tetapi 418A yang baru dibacakan oleh Yang Berhormat, itu berkaitan dengan pilihan ataupun choice of Attorney General di mahkamah dia hendak menggunakan untuk sesuatu prosiding. Bukan sesuatu seksyen yang membolehkan ataupun menguasai Attorney-General untuk initiate sesuatu prosiding secara am. Saya minta Yang Berhormat menghadkan ucapan kepada maksud dan perkara-perkara yang terkandung di dalam Akta ini, an Act to ammend the Criminal Procedure Court.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, dalam fikiran saya kuasa-kuasa yang ada diberi kepada Peguam Negara di bawah seksyen 418A dalam Rang Undang-undang ini tidak harus diluluskan oleh Dewan ini. Tuan Speaker, oleh kerana di dalam practice kehakiman Peguam Negara ada memainkan peranan di mana beliau tidak menggunakan budibicara beliau dengan keadilan. Saya tidak mahu cakap lebih daripada itu lagi, Tuan Speaker. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri.

Dato Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Saya ingin memberi beberapa penjelasan.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan semula mengenai pindaan kepada Perlembagaan iaitu mengenai pindaan kepada Perkara 121 dan kemasukan Fasal 3A ke dalam Fasal 145 adalah tidak perlu dibincangkan lagi kerana kini peruntukan-peruntukan tersebut telah pun termaktub di dalam Perlembagaan.

Mengenai seksyen 418A baru, dalam hal ini apa yang perlu dikatakan ialah bahawa seksyen 418 baru ini hanya bertujuan untuk melaksanakan apa yang dihasratkan oleh Perlembagaan. Kuasa untuk membuat undang-undang ini jelas terdapat di dalam Perlembagaan iaitu undang-undang tertinggi negara dan kuasa ini telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini juga.

Ahli Yang Berhormat dari Jelutong mempersoalkan seksyen baru 418A, untuk makluman Yang Berhormat

pindaan untuk seksyen 418A hendaklah dilihat dari aspek peruntukan Perlembagaan yang sedia ada dan kita mesti menghormati Perlembagaan sebagai undang-undang utama negara. Saya hairan mengapa Yang Berhormat sebagai seorang yang arif di dalam hal undang-undang, menentang sesuatu yang ternyata dibenarkan oleh Perlembagaan. Dengan peruntukan Perlembagaan yang sedia ada keputusan dalam kes Datuk Yap Peng yang disebutkan itu hanya menjadi keputusan of academic interest saja, dengan izin. Perkara atau konsep separation of powers, dengan izin, ialah seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan dan bukan konsep tersendiri tetapi hendak dilihat tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PEGUAMBELA (SABAH)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.50 mlm.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1989 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan kepada seksyen 4, 5, 10, 12, 13, dan 14 Ordinan Peguambela Sabah Bab 2. Seksyen 4 Ordinan Peguambela Sabah memperkatakan tentang kelayakan-kelayakan yang perlu dipenuhi oleh seseorang sebelum orang itu boleh diterima sebagai seorang Peguambela. Subseksyen (1), seksyen 4 menyenaraikan kelayakan-kelayakan profesional yang diperlukan sebelum seorang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Perenggan (cc) subseksyen (1) memperuntukkan bahawa seorang yang mempunyai Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia atau Universiti Kebangsaan Singapura atau mempunyai Diploma Lanjutan Undang-undang dari Institut Teknologi MARA atau mempunyai Sijil Amalan Undang-undang yang diberi oleh Lembaga Kelayakan yang ditubuhkan di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 dikehendaki mempunyai perkaitan Sabah atau Sabah connections, dengan izin, dan juga telah menjadi Majistret Kelas Pertama bagi tempoh tidak kurang daripada 12 bulan atau telah menjalani latihan peguam bagi tempoh 12 bulan atau 6 bulan jika dia mempunyai sijil berkenaan dari Universiti Malaya atau Universiti Kebangsaan Singapura sebelum orang tersebut boleh memohon untuk diterima sebagai

seorang peguambela. Ungkapan "perkaitan Sabah" ada ditakrifkan di dalam seksyen 2, antara lainnya, —seseorang itu mempunyai perkaitan Sabah sekiranya dia dilahirkan di Sabah atau biasanya bermastautin di Sabah bagi tempoh lima tahun terus-menerus.

Subseksyen (2) seksyen 4 memperuntukkan kelayakan-kelayakan lain yang diperlukan sebelum seseorang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Perenggan (c) subseksyen (2) memperuntukkan bahawa seseorang itu dikehendaki bermastautin di Sabah bagi tempoh 6 bulan sebelum sahaja permohonannya dibuat ataupun bermastautin dan menjalankan amalan sebagai seorang peguambela di Sarawak bagi tempoh tertentu sebelum orang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Oleh kerana hanya seseorang yang mempunyai kelayakan undang-undang dari Malaysia ataupun Singapura sahaja dikehendaki mempunyai perkaitan Sabah dan telah menjadi Majistret Kelas Pertama atau telah menjalani latihan peguam bagi tempoh tertentu sebelum orang itu boleh memohon untuk diterima sebagai seorang peguambela, adalah dicadangkan supaya kehendak-kehendak ini dikenakan kepada semua orang yang mempunyai kelayakan undang-undang tidak kira dari mana. Cadangan ini akan menghapuskan perbezaan yang tidak wajar yang wujud sekarang. Tidak ada sebab yang munasabah untuk memperuntukkan bahawa hanya seseorang yang mempunyai kelayakan tempatan termasuk dari Singapura sahaja diperlukan memenuhi kehendak tambahan sebagaimana yang terkandung dalam perenggan (cc) Seksyen 4 (1).

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 4 (1) Ordinan Peguambela Sabah akan menyebabkan seseorang yang

mempunyai mana-mana kelayakan profesional yang disenaraikan di dalam subseksyen (1) dikehendaki telah menjadi Majistret Kelas Pertama atau menjalani latihan peguam bagi tempoh tertentu sebelum orang itu boleh diterima sebagai peguambela. Pindaan kepada seksyen 4 (2) akan menyebabkan kehendak mengenai perkaitan Sabah juga dikenakan kepada semua orang yang memohon untuk diterima sebagai seorang peguambela. Kehendak alternatif kemastautinan yang wujud sekarang dimansuhkan. Adalah juga dicadangkan supaya satu subseksyen baru (1B) dimasukkan ke dalam seksyen 4 Ordinan Peguambela Sabah untuk memberi kuasa kepada Hakim Besar Borneo bagi mengecualikan seseorang dalam keadaan tertentu sebagaimana yang dinyatakan di dalam subseksyen berkenaan daripada menjalani latihan peguam bagi keseluruhan atau apa-apa bahagian tempoh berkenaan. Pindaan kepada seksyen 4 akan mula berkuatkuasa pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Hakim Besar Borneo melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 5 (2) Ordinan Peguambela Sabah memperuntukkan bahawa seseorang yang memohon untuk diterima sebagai Peguambela dikehendaki menghantar-serah satu salinan permohonan dan segala dokumen menyokong permohonan itu kepada Peguam Besar Negeri Sabah. Peguam Besar Negeri Sabah seterusnya berhak didengar atas permohonan itu. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 5 (2) akan memperuntukkan bahawa satu salinan permohonan untuk diterima sebagai peguambela dan segala dokumen menyokong permohonan itu akan juga dihantar-serah kepada Persatuan Undang-undang Sabah. Persatuan ini juga berhak untuk didengar atas permohonan itu. Pindaan ini bertujuan

untuk menjadikannya suatu peruntukan undang-undang apa yang sedang diamalkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 10 (c) Ordinan Peguambela Sabah memperuntukkan bahawa Hakim Besar Borneo boleh mengikut budibicara mutlaknya memberi kebenaran kepada seseorang yang mempunyai mana-mana kelayakan yang terkandung di dalam seksyen 4 (1) untuk mengendalikan sesuatu kes atau perkara dengan syarat orang berkenaan telah diarahkan oleh seseorang peguambela tempatan atau memandangkan keadaan hal yang relevant adalah pendapat Hakim Besar bahawa kebenaran patut diberi demi untuk keadilan.

Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 10 (c) adalah untuk memperuntukkan bahawa kedua-dua syarat dan bukannya salah satu daripadanya patut dipenuhi sebelum Hakim Besar boleh memberi kebenaran kepada orang itu untuk mengendalikan sesuatu kes atau perkara di Sabah. Pindaan ini adalah untuk membetulkan apa yang difikirkan adalah suatu kesilapan tipografi. Pindaan-pindaan kepada seksyen 5 (2) dan 10 (c) akan mula berkuatkuasa pada tarikh berikutan dengan tarikh penyiaran Akta ini dalam *Warta*.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 12 Ordinan Peguambela Sabah memperuntukkan bahawa seorang peguambela boleh digantung daripada menjalankan amalan sebagai peguambela ataupun namanya dipotong daripada Daftar Senarai Peguambela di negeri Sabah atas mana-mana sebab sebagaimana yang disenaraikan di dalam seksyen berkenaan. Adalah dicadangkan supaya penalti-penalti yang boleh dikenakan di bawah seksyen 12 ini ditambah dengan tiga penalti lagi, iaitu, denda yang tidak melebihi

\$5,000, celaan, censor, dengan izin ataupun pengawardan kos kepada atau terhadap peguambela berkenaan. Penalti-penalti tambahan ini adalah selaras dengan penalti-penalti yang dikenakan kepada seorang peguambela di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 yang terpakai di Malaysia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan (k) seksyen 12 Ordinan Peguambela Sabah memperuntukkan bahawa seseorang Peguambela boleh digantung daripada menjalani amalan sebagai seorang peguambela ataupun namanya dipotong daripada daftari Peguambela sekiranya dia didapati bersalah kerana melanggar mana-mana kaedah mengawalselia amalan dan etika profesion yang dibuat di bawah seksyen 17. Perenggan (k) seksyen 12 dicadangkan dipinda untuk membolehkan tindakan diambil terhadap seseorang yang melanggar mana-mana kaedah yang dibuat di bawah perenggan (a), (b) dan (c) seksyen 17. Oleh kerana kaedah-kaedah telah pun dibuat bagi perkara-perkara selain daripada perkara di bawah perenggan (a) seksyen 17, maka adalah wajar bahawa tindakan juga boleh diambil terhadap seseorang yang telah melanggar kaedah-kaedah yang dibuat di bawah perenggan (b) dan (c) seksyen 17.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 12 telah dibuat kepada seksyen 13 dan 14 Ordinan Peguambela Sabah. Pindaan-pindaan kepada seksyen 12, 13 dan 14 akan mula berkuatkuasa pada 25hb Ogos, 1988 iaitu tarikh bilamana Kaedah-kaedah Peguambela (Saraan) 1988 dan Kaedah-kaedah Peguambela (Jawatankuasa Siasatan) 1988 bagi negeri Sabah yang dibuat di bawah seksyen 17 Ordinan Peguambela Sabah mula berkuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEGUAMBELA (SARAWAK) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.00 mlm.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Peguambela (Sarawak) (Pindaan) 1989 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan kepada seksyen 4, 5, 10, 12, 13 dan 14 Ordinan Peguambela Sarawak Bab 110.

Seksyen 4 Ordinan Peguambela Sarawak memperkatakan tentang kelayakan-kelayakan yang perlu dipenuhi oleh seseorang sebelum orang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Subseksyen (1) seksyen 4 menyenaraikan kelayakan-kelayakan profesional yang diperlukan sebelum seseorang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Perenggan (cc) subseksyen (1) memperuntukkan bahawa seorang yang mempunyai Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia atau Universiti Kebangsaan Singapura atau mempunyai Diploma Lanjutan Undang-undang dari Institusi Teknologi MARA atau mempunyai Sijil Amalan Undang-undang yang diberi oleh Lembaga Kelayakan yang ditubuhkan di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 dikehendaki mempunyai perkaitan Sarawak (Sarawak connection) dan juga telah menjadi Majistret Kelas Pertama bagi tempoh tidak kurang dari 12 bulan atau telah menjalani latihan peguam bagi tempoh 12 bulan atau 6 bulan jika dia mempunyai sijil berkenaan dari Universiti Malaya atau Universiti Kebangsaan Singapura sebelum orang tersebut boleh memohon untuk diterima sebagai seorang peguambela. Ungkapan "perkaitan Sarawak" ada ditakrifkan di dalam seksyen 2. Antara lainnya, seseorang itu mempunyai perkaitan Sarawak sekiranya dia dilahirkan di Sarawak atau biasanya bermastautin di Sarawak bagi tempoh 5 tahun terus-menerus.

Subseksyen (2) seksyen 4 memperuntukkan kelayakan-kelayakan lain yang diperlukan sebelum seseorang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Perenggan (c) subseksyen (2) memperuntukkan bahawa seseorang itu dikehendaki mempunyai perkaitan Sarawak atau bermastautin di Sarawak bagi tempoh 6 bulan sebelum sahaja permohonannya dibuat atau bermastautin dan menjalankan amalan

sebagai seorang peguambela di Sarawak bagi tempoh tertentu sebelum orang itu boleh diterima sebagai seorang peguambela. Oleh kerana hanya seorang yang mempunyai kelayakan undang-undang dari Malaysia ataupun Singapura sahaja dikehendaki mempunyai perkaitan Sarawak dan telah menjadi Majistret Kelas Pertama atau telah menjalani latihan peguam bagi tempoh tertentu sebelum orang itu boleh memohon untuk diterima sebagai seorang peguambela adalah dicadangkan supaya kehendak-kehendak ini dikenakan kepada semua orang yang mempunyai kelayakan undang-undang tidak kira dari mana. Cadangan ini akan menghapuskan perbezaan yang tidak wajar yang wujud sekarang. Tidak ada sebab yang munasabah untuk memperuntukkan bahawa hanya seseorang yang mempunyai kelayakan tempatan termasuk dari Singapura sahaja diperlukan memenuhi kehendak tambahan sebagaimana yang terkandung di dalam perenggan (cc) seksyen 4 (1).

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 4 (1) Ordinan Peguambela Sarawak akan menyebabkan seseorang yang mempunyai mana-mana kelayakan profesional yang disenaraikan di dalam subseksyen (1) dikehendaki telah menjadi Majistret Kelas Pertama atau menjalani latihan peguam bagi tempoh tertentu sebelum orang itu boleh diterima sebagai peguambela.

Pindaan kepada seksyen 4 (2) akan menyebabkan kehendak mengenai perkaitan Sarawak juga dikenakan kepada semua orang yang memohon untuk diterima sebagai seorang peguambela. Kehendak alternatif kemastautinan yang wujud sekarang dimansuhkan. Adalah juga dicadangkan supaya satu subseksyen baru (1) (b) dimasukkan ke dalam seksyen 4 Ordinan Peguambela Sarawak untuk memberi kuasa kepada

Hakim Besar Borneo bagi mengecualikan seseorang dalam keadaan tertentu sebagaimana yang dinyatakan di dalam subseksyen berkenaan daripada menjalani latihan peguam bagi keseluruhan atau apa-apa bahagian tempoh berkenaan. Pindaan kepada seksyen 4 akan mula berkuatkuasa pada satu tarikh yang ditetapkan oleh Hakim Besar Borneo melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 5 (2) Ordinan Peguambela Sarawak memperuntukkan bahawa seseorang yang memohon untuk diterima sebagai peguambela dikehendaki menghantarserah satu salinan permohonannya dan segala dokumen menyokong permohonan itu kepada Peguam Besar Negeri Sarawak. Peguam Besar Negeri Sarawak seterusnya berhak didengar atas permohonan itu. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 5 (2) akan memperuntukkan bahawa satu salinan permohonan untuk diterima sebagai peguambela dan segala dokumen menyokong permohonan itu akan juga dihantar serah kepada Persatuan Peguambela-peguambela Sarawak. Persatuan ini juga berhak untuk didengar atas permohonan itu. Pindaan ini bertujuan untuk menjadikannya suatu peruntukan undang-undang apa yang sedang diamalkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 10 (c) Ordinan Peguambela Sarawak memperuntukkan bahawa Hakim Besar Borneo boleh mengikut budibicara mutlaknya memberi kebenaran kepada seorang yang mempunyai mana-mana kelayakan yang terkandung di dalam seksyen 4 (1) untuk mengendalikan satu kes atau perkara dengan syarat orang berkenaan telah diarahkan oleh seseorang peguambela tempatan atau memandangkan keadaan hal yang "relevant" adalah pendapat Hakim Besar bahawa kebenaran patut diberi

demasi untuk keadilan. Pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 10 (c) adalah untuk memperuntukkan bahawa kedua-dua syarat dan bukannya salah satu daripadanya patut dipenuhi sebelum Hakim Besar boleh memberi kebenaran kepada orang itu untuk mengendalikan sesuatu kes atau perkara di Sarawak. Pindaan ini adalah untuk membetulkan apa yang difikirkan adalah satu kesilapan tipographi. Pindaan-pindaan kepada seksyen 5 (2) dan 10 (c) akan mula berkuatkuasa pada tarikh berikutan dengan tarikh penyiaran Akta di dalam *Warta*.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 12 Ordinan Peguambela Sarawak memperuntukkan bahawa seseorang peguambela boleh digantung daripada menjalankan amalan sebagai peguambela ataupun namanya dipotong daripada daftari peguambela di negeri Sarawak atas mana-mana sebab sebagaimana yang disenaraikan di dalam seksyen berkenaan. Adalah dicadangkan supaya penalti-penalti yang boleh dikenakan di bawah seksyen 12 ini ditambah dengan 3 penalti lagi iaitu denda yang tidak melebihi \$5,000, celaan ataupun pengawardan kos kepada atau terhadap peguambela berkenaan. Penalti-penalti tambahan ini adalah selaras dengan penalti-penalti yang dikenakan kepada seorang peguambela di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 yang terpakai di Malaysia Barat.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan (k) seksyen 12 Ordinan Peguambela Sarawak memperuntukkan bahawa seseorang peguambela boleh digantung daripada menjalani amalan sebagai seorang peguambela ataupun namanya dipotong daripada daftari peguambela sekiranya dia didapati bersalah kerana melanggar mana-mana kaedah mengawalselia amalan dan etika profesion yang dibuat di bawah seksyen 17. Perenggan (k) seksyen 12 dicadangkan dipinda untuk

membolehkan tindakan diambil terhadap seseorang yang melanggar mana-mana kaedah yang dibuat di bawah perenggan (a), (b) dan (c) seksyen 17. Oleh kerana kaedah-kaedah telah pun dibuat bagi perkara-perkara selain daripada perkara di bawah perenggan (a) seksyen 17 maka adalah wajar bahawa tindakan juga boleh diambil terhadap seseorang yang telah melanggar kaedah-kaedah yang dibuat di bawah perenggan (b) dan (c) seksyen 17.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 12 telah dibuat kepada seksyen 13 dan 14 Ordinan Peguambela Sarawak. Pindaan-pindaan kepada seksyen 12, 13 dan 14 akan mula berkuatkuasa pada 1hb Disember 1984 iaitu tarikh bilamana Kaedah-kaedah Peguambela (Saraan) 1988 dan Kaedah-kaedah Peguambela Jawatankuasa Siasatan 1988 bagi negeri Sarawak yang dibuat di bawah seksyen 17 Ordinan Peguambela Sarawak mula berkuatkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sarawak dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 7 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH SYARIAH (BIDANG KUASA JENAYAH) (PINDAAN DAN PERLUASAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.10 mlm.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan dan Perluasan) 1989 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 bagi maksud-maksud berikut:

- (a) Memperluaskan pemakaiannya ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak; dan
- (b) Mengesahkan bidang kuasa yang telah dilaksanakan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di kedua-ke dua negeri tersebut sebelum tarikh Akta ini diperluaskan pemakaiannya ke sana.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan dengan ringkas kepada Dewan yang mulia ini

latar-belakang dan asas-asas pindaan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jadual Kesembilan kepada Perlembagaan Persekutuan iaitu Senarai Perundangan di dalam Senarai 2, iaitu Senarai Negeri, di butiran (1) telah memberi kuasa kepada negeri-negeri untuk mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam. Perlembagaan itu juga memberi kuasa sedemikian berhubung dengan keanggotaan penyusunan dan acara bagi Mahkamah-mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam. Walaupun demikian, bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan tersebut hanyalah setakat yang diberi oleh undang-undang Persekutuan. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 merupakan Undang-undang Persekutuan yang dimaksudkan itu. Sungguhpun begitu, sehingga kini Akta ini hanya terpakai bagi negeri-negeri di Malaysia Barat sahaja dan tidak meliputi ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Ini adalah kerana pada ketika Akta itu digubal Mahkamah-mahkamah Syariah belum lagi dibentuk di kedua-dua negeri tersebut.

Bagi negeri Sabah, Mahkamah-mahkamah tersebut hanya dibentuk dan diberi bidang kuasa terhadap orang-orang yang menganut agama Islam berhubung dengan rukun-rukun Islam, setelah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak No. 15/77 berkuatkuasa, iaitu mulai daripada 23hb Disember, 1977 dan bagi negeri Sarawak pula Mahkamah-mahkamah tersebut hanya terbentuk dan diberi bidang kuasa setelah Ordinan Majlis Islam Perbadanan (Pindaan) 1978 berkuatkuasa iaitu mulai daripada 1hb Januari, 1983.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukkan Perlembagaan Persekutuan seperti yang saya sebut tadi, dan dengan terbentuknya Mahkamah-mahkamah Syariah di kedua-dua negeri tersebut, adalah perlu bagi Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 diperluaskan pemakaiannya ke negeri Sabah dan Sarawak dan juga bagi memberi pengesahan terhadap bidang kuasa yang dilaksanakan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di sana sejak ianya berfungsi sehingga Akta perluasan ini berkuatkuasa di sana. Kerajaan di kedua-dua negeri tersebut telah meminta Akta 1965 itu diperluaskan di sana bagi maksud tersebut supaya apa yang dilakukan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di sana tidak dicabar sebagai tidak sah kerana tidak mematuhi kehendak-kehendak Perlembagaan Persekutuan. Pindaan-pindaan yang dicadangkan ialah dengan cara memperluaskan pemakaian Akta 1965 ini kepada semua negeri di Malaysia Barat yang dengan sendirinya akan meliputi kepada negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Ini adalah dilakukan seperti yang ternyata di dalam Fasal 2 Rang Undang-undang dengan meminda Seksyen 1 (2) Akta 1965 iaitu dengan menggantikan perkataan-perkataan "Hanya bagi Negeri-negeri di Malaysia Barat" dengan perkataan-perkataan "bagi semua Negeri di Malaysia".

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan, Wilayah Persekutuan Labuan di dalam hal hukum syarak telahpun dahulunya di pindakan daripada Senarai Negeri ke dalam Senarai Persekutuan di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan dan mengikut Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian dan Perluasan) Enakmen Pendapatan Hukum Syarak, 1985, yang berkuatkuasa pada 16hb April, 1984. Enakmen Pendapatan Hukum Syarak 1952, negeri Selangor telah diperluaskan guna pakainya di Wilayah Persekutuan tersebut.

Dengan lain-lain perkataan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang berkuatkuasa di negeri Selangor adalah terpakai di Wilayah Persekutuan Labuan dengan pengubahsuaian yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, setelah Akta 1965 ini diperluaskan pemakaiannya bagi kesemua Negeri di Malaysia adalah perlu untuk memberi pengesahan atau, dengan izin, validation, terhadap apa-apa tindakan yang telah dilakukan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di negeri-negeri Sabah dan Sarawak semenjak tertubuhnya mahkamah-mahkamah itu di sana sehingga ke tarikh sebelum berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini di seluruh Malaysia. Ini adalah diperuntukkan di dalam Fasal 3 Rang Undang-undang ini dengan menyifatkan bahawa segala kesalahan di bawah hukum syarak yang sebelum berkuatkuasanya Rang Undang-undang ini di negeri-negeri Sabah dan Sarawak telah dibicarakan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di sana sebagai telah dibicarakan dengan sah seolah-olah bidang kuasa yang berkenaan yang telah diberikan kepadanya oleh Undang-undang Persekutuan. Ini adalah perlu kerana sebelum inipun kesalahan di bawah hukum syarak ini dibicarakan dan di negeri-negeri yang berkenaan tanpa bidang kuasa tersebut diberi oleh Undang-undang Persekutuan seperti yang dikehendaki oleh Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 dan untuk memperluaskan pemakaian Akta itu

sebagaimana dipinda semua negeri di Malaysia, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang di bacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL-USUL

AKTA KASTAM 1967

8.15 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1988;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1988;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1988;

- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1988;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1988;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1988;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1988;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1989;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1989;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1989;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1989;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42 dan 43 tahun 1989 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23), (No. 27) dan (No. 29) 1988 dan (No. 3) serta (No. 4), 1989 adalah bertujuan untuk meminda kadar duti kastam ke atas beberapa barangan petroleum di seluruh negara berdasarkan kepada kajian harga barangan petroleum yang dibuat pada setiap bulan.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1988 adalah bertujuan untuk mewujudkan satu kod tarif khas bagi, dengan izin, preparations or mixtures containing monosodium glutamate dan menaikkan duti import daripada 2% kepada \$4.00 sekilogram dan langkah ini adalah bertujuan untuk menyamakan kadar duti importnya dengan monosodium glutamate.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1988 pula adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti import ke atas, dengan izin, "additive for lubricating oil" daripada 5% kepada 3%. Langkah ini diambil

memandangkan bahawa additive, dengan izin, ini tidak dikeluarkan di dalam negara dan pengurangan duti import ini menjadikan pengeluaran-pengeluar lubricating oil tempatan tidak perlu memohon pengecualian duti import.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1988 adalah bertujuan untuk memecahkan kod-kod penjenisan barangan bagi beberapa jenis buah-buahan dan sayur-sayuran. Langkah pemecahan kod-kod penjenisan barangan ini akan membolehkan pengesanan yang lebih terperinci mengenai perangkaan perdagangan luar barangan mengikut jenis di samping ia dapat memudahkan perancangan pengeluaran barangan tersebut.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1988 adalah bertujuan untuk menurunkan kadar duti import ke atas, dengan izin, "hot-rolled coil" daripada 3% kepada 2%. Langkah ini adalah untuk membetulkan semula kedudukan asal bahan ini sebelum terlaksana sistem Kod Tariff Berharmonis.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1989 adalah bertujuan untuk mengenakan duti eksport sebanyak 10% ke atas, dengan izin, "metal spread". Langkah ini bertujuan untuk melindungi pengguna-pengguna "metal spread" tempatan supaya mereka mendapat bekalan yang mencukupi.

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1989 adalah bertujuan untuk mengurangkan kadar duti import daripada 40 sen sekilogram kepada 3% dan memansuhkan cukai tokok sebanyak 5% ke atas "polycarbonate raisin" dan "polykailin terephthalic raisin". Langkah ini diambil memandangkan kedua-kedua bahan tersebut tidak dikeluarkan di negara ini dan ianya merupakan sebagai bahan-bahan mentah yang utama bagi pengeluar tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah diper-setujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diberi kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 23) 1988;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 24) 1988;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 25) 1988;
- (iv) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 26) 1988;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 27) 1988;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 28) 1988;
- (vii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 29) 1988;
- (viii) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1989;
- (ix) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1989;
- (x) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 3) 1989;
- (xi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 4) 1989;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 33, 34, 35, 36, 37, 38, 39, 40, 41, 42, dan 43 tahun 1989 disahkan.

AKTA EKSAIS 1976

8.23 m/m.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8) 1988;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 9) 1988;
- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 10) 1988;
- (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1989; dan
- (v) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1989;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 44 hingga 48 tahun 1989 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8), (No. 9) dan (No. 10) 1988; Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1989 serta Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1989 adalah bertujuan untuk meminda kadar duti eksais ke atas beberapa barangan petroleum di seluruh negara berdasarkan kepada kajian harga barangan petroleum yang dibuat pada setiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalah ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang telah dibacakan tadi dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen (2) seksyen 6 Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 8) 1988;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 9) 1988;
- (iii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 10) 1988;
- (iv) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1989;
- (v) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 2) 1989;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 44 hingga 48 tahun 1989 disahkan.

AKTA CUKAI JUALAN 1972

8.25 *mlm.*

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang terletak padanya oleh subseksyen (2) seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) (No. 5) 1988;

(ii) Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) (No. 6) 1988;

(iii) Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) (No. 7) 1988;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 49, 50 dan 51 tahun 1989 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) (No. 5) 1988 adalah bertujuan untuk menurunkan kadar cukai jualan atas "preparations or mixtures containing monosodium glutamate" daripada 10% kepada 5%. Langkah ini adalah untuk menyamakan kadar cukainya dengan "monosodium glutamate" yang tertakluk kepada 5% cukai jualan.

Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) (No. 6) 1988 adalah bertujuan untuk mengenakan cukai jualan 5% ke atas "other molluscs" supaya selaras dengan barang-barang lain dalam kumpulan yang sama yang telah pun dikenakan cukai jualan 5% dalam Belanjawan 1989 yang lalu.

Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) (No. 7) 1988 adalah bertujuan untuk memecahkan kod-kod penjenisan barangan bagi beberapa jenis buah-buahan dan sayur-sayuran. Langkah pemecahan kod-kod penjenisan barangan ini akan membolehkan pengesanan yang lebih terperinci mengenai perangkaan perdagangan luar barangan mengikut jenis di samping ia dapat memudahkan perancangan pengeluaran barangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu seperti yang telah dibacakan tadi dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang terletak padanya oleh subseksyen (2) seksyen 15, Akta Cukai Jualan 1972, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) (No. 5) 1988;
- (ii) Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) (No. 6) 1988;
- (iii) Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) (Pindaan) (No. 7) 1988;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil. 49, 50 dan 51 tahun 1989 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, selesailah kita bermesyuarat pada sesi ini. Saya mengambil peluang ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah membantu Yang di-Pertua dan Timbalan-timbalan Yang di-Pertua untuk menjayakan sesi ini sungguhpun kejayaan kita itu telah dijejaskan oleh kematian saudara kita Dato' Chan Siang Sun. Saya mengucapkan selamat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, balik berjumpa dengan orang-orang yang dikasihi dan balik pula ke Parlimen ini pada sesi yang akan datang.

Mesyuarat ditangguhkan kepada suatu masa yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.29 malam.